

**KEDUDUKAN *DHAWI AL-ARHĀM* DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN
PUSAKA ISLAM: SATU KAJIAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

AMIRUDIN PUTERA BIN ZAINOL ABIDIN

**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2012**

KEDUDUKAN *DHAWI AL-ARHĀM* DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN PUSAKA
ISLAM: SATU KAJIAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Tesis diserahkan kepada UUM Collage Arts and Sciences
bagi memenuhi keperluan pengijazahan Ijazah Sarjana Sastera
Universiti Utara Malaysia

oleh
Amirudin Putera Bin Zainol Abidin

© 2012, Amirudin

Permission to Use

In presenting this thesis in fulfillment of the requirements for a postgraduate degree from University Utara Malaysia, I agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor(s) or, in their absence, by the Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and University Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:

Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM Collage of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28hb Disember 2011

**AMIRUDIN PUTERA BIN ZAINOL ABIDIN
89183**

Abstrak

Kajian ini bertujuan menjelaskan kedudukan *dhawi al-arham* dalam sistem pembahagian pusaka Islam berdasarkan peruntukan perundangan negara dan hukum syarak. *Dhawi al-arham* merupakan kerabat yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan si mati selain *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah*. Di Kedah, sehingga kini, tidak timbul perdebatan perundangan mengenai *dhawi al-arham* dalam pembahagian pusaka, setelah Mahkamah Syariah negeri memutuskan untuk tidak memberikan hak mewarisi kepada *dhawi al-arham*. Di beberapa negara Islam lain, keputusan seumpama ini telah diterima dan dikanunkan. Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu mengkaji kedudukan *dhawi al-arham* dalam sistem pentadbiran dan pembahagian pusaka Islam di Negeri Kedah; menjelaskan faktor penolakan *dhawi al-arham* sebagai ahli waris di Negeri Kedah; dan mengemukakan cadangan perlaksanaan *dhawi al-arham* dalam perundangan pusaka Islam di Negeri Kedah. Kajian ini ialah kajian kualitatif dan menggunakan pendekatan deskriptif. Data-data diperoleh daripada pihak-pihak yang berautoriti dalam perundangan dan pentadbiran harta pusaka di Negeri Kedah. Data dan maklumat dianalisis dengan kaedah induktif, deduktif dan perbandingan. Hasil kajian ini mendapati sistem faraid dilaksanakan menurut pendapat mazhab Syafie yang menolak *dhawi al-arham* dari menerima harta pusaka. Baki harta tidak berwaris diserahkan kepada Baitulmal. Kajian ini juga mendapati tiada peruntukan perundangan secara bertulis berkaitan faraid. Segala keputusan yang dikeluarkan Mahkamah Syariah berpandukan hukum fiqh mazhab Syafie. Selain itu, kajian ini mendapati undang-undang telah menyediakan ruang yang lebih terbuka untuk membolehkan *dhawi al-arham* menerima pusaka menurut pandangan mazhab-mazhab lain. Kajian ini mencadangkan pihak-pihak berautoriti, seperti Mahkamah Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Negeri menggunakan keterbukaan tersebut, dan seterusnya mengesyorkan supaya kebebasan menggunakan kepelbagai mazhab dizahirkan dalam pembahagian harta pusaka.

Kata kunci: Faraid, *Dhawi al-arham*, mahkamah Syariah, mazhab Syafie, pembahagian pusaka Islam.

Abstract

This study aims to clarify the position of *dhawi al-arham* in the distribution of the Muslim's inheritance based on the state laws and Islamic laws. *Dhawi al-arham* is defined as those related to the deceased as well as *ashab al-furud* and *ashab al-'asabah*. Prior of this, there has been no legal debate on *dhawi al-arham*. Until now, the decisions passed by the Syariah Court in Kedah have not recognized the rights of inheritance to *dhawi al-arham*. Nevertheless it has been well accepted and enacted in some Muslim countries. This study focuses on three objectives which are to study the position of *dhawi al-arham* in the administration of Islamic inheritances in Kedah, to explain the reasons of rejection of *dhawi al-arham* as beneficiaries in Kedah, and to propose the acceptance of *dhawi al-arham* as beneficiaries of Islamic inheritances in Kedah. This study utilizes a qualitative and descriptive approach. The data and information were collected from authorized parties in legal and administration of Muslim inheritance. The data and information have been analyzed using inductive, deductive and comparative methods. This study found that the faraid system is implemented in accordance with the view of Syafie's sect and rejected *dhawi al-arham* as beneficiaries. The remaining estate must be surrendered to Baitulmal. It is also found that there has been no written law relating to faraid. All decisions of Kedah's Syariah Court are in accordance with Syafie's sect, the law provides a room to accept *dhawi al-arham* as beneficiaries in accordance with other sects. This study suggests that the authorized parties such as the Syariah Court and the State Fatwa Committee should consider the rulings and opinions of other sects in handling cases related to the distribution of Muslim's inheritance.

Keywords: Faraid, *Dhawi al-arham*, Syariah court, Syafie's sect, Islamic inheritance.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Saya memanjang kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t di atas limpah kurnia, ‘inayah serta bimbinganNya, tesis ini dapat disempurnakan. Dalam usaha ini, saya menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Ustaz Kamarudin Bin Ahmad dan Dr. Wan Ab. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah yang memberi sepenuh sokongan dan bimbingan.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama terutama kepada semua responden kajian ini, sesungguhnya keilmuan, pengalaman dan kesarjanaan mereka telah meninggalkan kesan yang mendalam di dalam jiwa saya. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan buat para sahabat yang telah memberikan semangat, dorongan dan tunjuk ajar bermakna kepada saya, semoga Allah s.w.t memberikan ganjaran serta kebaikan yang selayaknya.

Penghargaan yang setulusnya saya tujuhan kepada abah, mama yang sentiasa mendoakan kejayaan ini. Teristimewa buat isteri tercinta, Nor Azah Aziz, sesungguhnya pengorbananmu tidak dapat dinilai dengan harta dunia ini dan buat anak-anak tersayang, Nabhan Wafri, Iqbal Hasif, Iftikhar Batrisya dan Ziyad Irfan, jadilah orang yang mencintai ilmu dan melaksanakan kebaikan. Ingatlah “*Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang berusaha untuk merubahnya*” (Al-Qur'an 13:11).

KANDUNGAN

BAB PERKARA	Muka Surat
Abstrak	i
Abstract	ii
Penghargaan	iii
Kandungan	iv
Daftar Singkatan Perkataan	vii
Senarai Statut	viii
Senarai Rajah	ix
Jadual Transliterasi	x
 BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Skop Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Definisi Konsep	13
1.7 Ulasan Karya	15
1.8 Method Kajian	
1.8.1 Bentuk Kajian	18
1.8.2 Pemilihan Lokasi	20
1.8.3 Responden Kajian	20
1.8.4 Instrumen Kajian	21
1.9 Kaedah Pengumpulan Data	
1.9.1 Kajian Tinjauan	21
1.9.2 Kajian Sejarah	22
1.10 Kaedah Analisis Data	24
1.11 Penutup	25
 BAB 2 : SEJARAH UMUM PERKEMBANGAN SISTEM FARAIID	
2.1 Pendahuluan	27
2.2 Sejarah Perselisihan Fuqaha'	29
2.3 Sejarah Perkembangan Sistem Faraid Di Malaysia	
2.3.1 Pendahuluan	33
2.3.2 Pengaruh Penulisan Hukum Islam	35
2.3.3 Peranan Mahkamah Syariah	40
2.4 Penutup	47
 BAB 3 : SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM FARAIID DI NEGERI KEDAH	
3.1 Pendahuluan	48
3.2 Peranan Para Ulama Di Kedah	49
3.3 Peranan Kesultanan Kedah	51
3.4 Perkembangan Undang-undang dan Pentadbiran Islam	53

3.5	Peranan Mazhab Di Negeri Kedah	59
3.5.1	Pengaruh Mazhab Syafie Ke Atas Perundangan Islam Di Kedah	62
3.5.2	Pemakaian Hukum Syarak Di Kedah	64
3.6	Pentadbiran Pusaka Islam Di Kedah	67
3.6.1	Seksyen Penyelesai Pusaka Kecil	68
3.6.2	Mahkamah Tinggi (Sivil)	70
3.6.3	Amanah Raya Berhad (ARB)	71
3.6.4	Mahkamah Syariah	72
3.7	Mahkamah Syariah Negeri Kedah	73
3.8	Penutup	74

BAB 4 : KEDUDUKAN *DHAWI AL-ARHĀM* DALAM SISTEM FARAIID

4.1	Pendahuluan	76
4.2	Definisi Faraid	76
4.3	Kaedah Pembahagian	78
4.4	<i>Dhawi al-Arham</i>	
4.4.1	Definisi	85
4.4.2	Perbezaan Pendapat Perwarisan <i>Dhawi al-Arham</i>	88
4.4.3	Syarat <i>Dhawi al-Arham</i> Menerima Pusaka	96
4.4.5	Kaedah Pembahagian Pusaka <i>Dhawi al-Arham</i>	97
4.5	Penutup	107

BAB 5 : KEDUDUKAN *DHAWI AL-ARHĀM* DALAM SISTEM FARAIID DI NEGERI KEDAH

5.1	Pendahuluan	109
5.2	Peruntukan Faraid Di Negeri Kedah	111
5.3	Permohonan Faraid Di Mahkamah Syariah Kedah	115
5.4	Kedudukan <i>Dhawi al-Arham</i> di Negeri Kedah	117
5.5	Faktor Penolakan <i>Dhawi al-Arham</i> Sebagai Waris Di Negeri Kedah	122
5.6	Cadangan Pendekatan <i>Dhawi al-Arham</i> Sebagai Waris	125
5.7	Amalan Semasa Pembahagian Pusaka Kepada <i>Dhawi al-Arham</i>	129
5.8	Perlaksanaan <i>Wasiat Wajibah</i> Di Selangor	132
5.9	Penutup	134

BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	139
6.2	Pencapaian Objektif Kajian	140
6.2.1	Objektif Pertama	141
6.2.2	Objektif Kedua	142
6.2.3	Objektif Ketiga	144
6.2.4	Rumusan	145
6.3	Syor dan Halatuju Kajian	148
6.4	Penutup	153

DAFTAR SINGKATAN PERKATAAN

JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKPTG	: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKSM	: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JKSNK	: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
KTN	: Kanun Tanah Negara
MAIK	: Majlis Agama Islam Negeri Kedah

SENARAI STATUT

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)
Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2008 (Akta 1331)
Akta Kesahtarafan Anak 1961 (No.60/1961)
Akta Keterangan 1950 (No.56/1950)
Akta Kontrak 1950 (No.136/1950)
Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)
Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)
Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961
Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)
Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)
Akta Syarikat 1965
Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960
Akta Umur Dewasa 1971 (No.21/1971)
Akta Undang-undang Sivil 1956 (No. 67/56)
Enakmen Aturcara Mal Islam (Kedah) 1979
Enakmen Duti Harta Pusaka 1941 (Cap.7/1941)
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989
Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 1983
Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 1993
Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008
Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008
Enakmen Probet dan Pentadbiran 1990
Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri
Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
Kanun Tanah Negara 1965 (No.56/65) (Pindaan) 1992
Mahomedan Ordinance 1880 (Pindaan) 1926
Muhammadan Marriages (Separation) Enactment 1913 Tahun 1332 (Pindaan 1918:
Enakmen Kedah No.10), (Pindaan 1934: Enakmen Kedah No.68)
Ordinan Anak Angkat 1952 (No.41/52)
Ordinan Batasan Waktu 1959 (No.4/59)
Perlembagaan Persekutuan Malaysia
The Council of Religion and Malay Custom Enactment 1367H (1948) (Kedah)
The Muslim Laws (Amentment), Enactment No. 3 1371H(1952) (Kedah)
The Syariah Courts (Amendment), Enactment 1371H (1952) (Kedah)
The Zakat Enactment, No. 4 1374H (1955) (Kedah)
Undang-undang Menjaga Orang-orang Luar 1336H (Undang-undang Kedah No.119)
Undang-undang Mahkamah Syariah Kedah (No.9 Tahun 1337H/1918) (Pindaan 1921:
Undang-undang No.1), (Pindaan 1930: Undang-undang No.5), (Pindaan 1932: Undang-
undang No.14)
Undang-undang Mahkamah Syariah Kedah 1934 (Undang-undang No.109)
Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962 (Enactment No.9 1962)
Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah (Nombor 32/1959)

SENARAI RAJAH

Bilangan	Perkara	Halaman
<i>Rajah 1</i>	Statistik Kes Permohonan Faraid Di Mahkamah Syariah Negeri Kedah Bagi Tahun 2000 – 2009	7
<i>Rajah 2</i>	Statistik Kes Faraid Bahagian Baitul Mal Negeri Kedah Bagi Tahun 2000 – 2009	7
<i>Rajah 3</i>	Kedudukan Waris <i>Dhawi al-Arham</i> Keturunan Ke Bawah (<i>Furu'</i>)	87
<i>Rajah 4</i>	Kedudukan Waris <i>Dhawi al-Arham</i> Keturunan Ke Atas (<i>Usul</i>)	87
<i>Rajah 5</i>	Kedudukan Waris <i>Dhawi al-Arham</i> Keturunan Sisi Si Mati	87
<i>Rajah 6</i>	Kedudukan Waris <i>Dhawi al-Arham</i> Keturunan Sisi Kepada Ibu, Bapa, Datuk dan Nenek Si Mati	87

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Rumi	Catatan
ب	b	
ت	t	
ث	th	
ج	j	
ح	h/H	H bertitik di bawah
خ	kh	
د	d	
ذ	dh	
ر	r	
ز	z	
س	s	
ش	sy	
ص	ş/S	S bertitik di bawah
ض	đ/D	D bertitik di bawah
ط	ť/T	T bertitik di bawah
ظ	z/Z	Z bertitik di bawah
ع	'	Koma atas
غ	gh	
ف	f	
ق	q	
ك	k	
ل	l	
م	m	
ن	n	
و	w	
ه	h	
ء	'	Koma atas; kecuali pada awal kata, lihat #Hamzat di bawah
ي	y	
ة	ť	T bergaris di bawah, lihat #Tā' marbūṭat di bawah

Vokal Pendek

ـ	a	
ـ	i	
ـ	u	

Vokal Panjang

ـ	ā/Ā	A bergaris di atas, lihat juga #Alif māddat
ـ	ī/Ī	I bergaris di atas
ـ	ū/Ū	U bergaris di atas

Diftong

ــ	ay	
ــ	aw	

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan *dhawi al-arham*¹ dalam pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Malaysia amnya dan Negeri Kedah Darul Aman khasnya dan untuk mengenalpasti ruang penerimaan yang lebih luas berhubung hukum syarak di dalam isu tersebut. Senarai 2(1) (Senarai Negeri) Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pusaka bagi orang-orang Islam adalah termasuk di bawah bidang-kuasa negeri. Walaupun demikian, ia masih terikat dengan pentadbiran pusaka atau perwarisan harta berwasiat dan tak berwasiat yang termasuk di dalam Senarai 1(4)(e)(Senarai Persekutuan) Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Di bawah bidang-kuasa negeri, Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mengeluarkan atau mengesahkan waris-waris yang berhak dan kadar bahagian masing-masing di dalam bentuk sijil faraid atau perakuan ahli waris. Setelah itu peranan untuk pentadbiran pembahagian pusaka hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Pembahagi Pusaka di Seksyen Pembahagian Pusaka atau Perbadanan Amanah Raya Berhad (Pemegang Amanah Raya) atau Mahkamah Tinggi² yang masing-masing terikat di bawah Akta

¹ *Dhawi al-arham* adalah kerabat yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan si mati selain *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah*.

² Mahkamah Tinggi yang dimaksudkan adalah Mahkamah Tinggi Sivil dan bukannya Mahkamah Tinggi Syariah.

Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955³ atau Akta Probet dan Pentadbiran 1959⁴ (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang, 2006).

Catatan sejarah tidak menyebut secara jelas mazhab utama yang menjadi pegangan pemerintah Islam di Malaysia, kecuali hanya menyatakan kedatangan para ulama bermazhab Syafie yang kemudiannya bertanggungjawab mengislamkan pemerintah-pemerintah tempatan yang asalnya tidak beragama Islam. Negeri Kedah menerima pengaruh Islam daripada kedatangan Syeikh ‘Abdullah al-Yamani⁵ pada tahun 531 hijrah bersamaan 1136 masihi dan setelah itu negeri Kedah menjadi terkenal dengan kewujudan pondok-pondok yang mempelopori pengajian agama Islam (Wan Shamsudin Mohd Yusof, 2008).

Dalam konteks Negeri Kedah tiada catatan ditemui yang menyebut secara jelas mazhab utama yang menjadi pegangan pemerintah sama ada dari sudut undang-undang atau amalannya. Pegangan mazhab hanya wujud secara nyata dalam kalangan golongan yang mentadbir agama Islam secara langsung atau individu yang mempelajari ilmu agama Islam secara mendalam yang kemudiannya menjadi pematuhan oleh masyarakat. Kenyataan mazhab hanya disebut secara umum dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan

³ Akta ini bersifat pentadbiran bertujuan menyelaras dan menyeragamkan cara-cara pembahagian dan pentadbiran pusaka si mati sama ada beragama Islam atau bukan beragama Islam. Akta ini diguna-pakai kepada semua tuntutan harta pusaka seseorang si mati sama ada semuanya mengandungi harta tak alih atau sebahagiannya mengandungi harta tak alih dan harta alih tetapi jumlah nilaiannya harta itu hendaklah tidak melebihi RM2,000,000.00 pada tarikh permohonan di buat.

⁴ Akta ini diguna-pakai terhadap harta pusaka yang jumlah nilaiannya lebih daripada RM600,000.00, sama ada terdiri daripada harta alih semuanya atau semuanya harta tak alih atau terdiri dari campuran harta alih dengan harta tak alih atau harta pusaka yang jumlah nilaiannya kurang daripada RM600,000.00, tetapi si mati ada meninggalkan wasiat.

⁵ Ulama bermazhab Syafie dari selatan Semenanjung Tanah Arab (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1898).

Negeri Kedah (Nombor 32/1959 Seksyen 33 A)⁶ dan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008⁷.

Kewujudan peruntukan tersebut dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 telah mengikat pihak-pihak yang disebut secara nyata antaranya Mahkamah Syariah⁸, Mufti Negeri Kedah⁹ dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 turut memperincikan pegangan mazhab dalam urusan pengeluaran fatwa¹⁰. Manakala pihak Kerajaan Persekutuan memperakukan kedudukan pegangan mazhab dengan mengeluarkan arahan amalan kepada mahkamah-mahkamah syariah seluruh Malaysia seperti di bawah Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001¹¹ melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Walaupun wujud keterbukaan dalam pegangan mazhab, namun hakikatnya dalam konteks Negeri Kedah prinsip-prinsip fiqhnya masih berteraskan mazhab Syafie.

⁶ Memperuntukan bahawa Agama Islam Negeri ialah Agama Islam *Ahl al-Sunnah Wal-Jama'ah* dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan sebagai Ketua Agama Islam Negeri dan diperuntukkan juga bahawa Majlis Agama Islam hendaklah menolong dan menasihati sultan.

⁷ Seksyen 2(1) tafsiran menyebut “Hukum Syarak” ertiannya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali.

⁸ “Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertiannya Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008.

⁹ “Mufti” ertiannya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Negeri Kedah Darul Aman di bawah Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008.

¹⁰ Seksyen 26(1) Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qaul mu'iyamat* Mazhab Syafie berlandaskan Al-Qur'an, Hadis, Ijma' Ulama dan Qiyas, (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

¹¹ Berhubung “Pemakaian Pendapat Mazhab Fiqh” telah diputuskan bahawa pengambilan pendapat Mazhab *Mu'tabar* hendaklah kepada dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan “tauliah” kepada Hakim-hakim Syarie.

Berhubung sistem pembahagian pusaka orang-orang Islam di Negeri Kedah, Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan bidang-kuasa untuk memutuskan isu-isu faraid di bawah seksyen 13(3)(b)(ix)¹² dan seksyen 20(2)¹³ kepada Mahkamah Syariah. Ini bermakna Mahkamah Syariah terikat dengan tugas untuk menentukan kadar pembahagian pusaka orang-orang Islam dan penentuan waris sama ada berhak atau tidak menurut undang-undang pusaka Islam (faraid). Sehingga kini di Malaysia tidak ada satu bentuk undang-undang pusaka Islam yang telah dikanunkan dalam bentuk undang-undang bertulis seperti *Qanun al-Mawarith* di Mesir dan Kompilasi Hukum Islam di Indonesia.

Sungguhpun jawatankuasa kerja untuk menggubal enakmen atau akta undang-undang pusaka Islam telah dibentuk pada tahun 1989 di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tetapi usaha jawatankuasa ini tidak dapat direalisasikan sehingga sekarang kerana masalah peruntukan perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan membahagikan bidang-kuasa di antara Kerajaan Persekutuan di dalam kuasa pentadbiran pusaka dan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam kuasa memutuskan isu-isu pembahagian pusaka orang-orang Islam (Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006).

Syahmi Awang (Temubual pada 12hb Januari 2010) menyatakan wujud sifat kelonggaran peruntukan undang-undang dan keterbukaan pemakaian pendapat mazhab

¹² Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah – dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubung dengan – penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak.

¹³ Seksyen 20(2) Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakarkan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu.

dalam perundangan Islam Kedah. Keterbukaan ini adalah ruang untuk mencadangkan pendekatan penerimaan satu kelompok kerabat yang dikenali *dhawi al-arham* yang secara jelasnya tidak diterima sebagai waris yang berhak mewarisi pusaka menurut pendapat mazhab Syafie dan Maliki tetapi diterima sebagai waris yang berhak mewarisi pusaka menurut pendapat mazhab Hanafi dan Hanbali. Mazhab Syafie dan Maliki hanya memperakui *ashab al-furud*¹⁴ dan *ashab al-'asabah*¹⁵ sebagai waris yang berhak mewarisi pusaka dan hukum ini menjadi sandaran semasa di seluruh negeri di Malaysia. Manakala mazhab Hanafi dan Hanbali memperakui *ashab al-furud*, *ashab al-'asabah* dan *dhawi al-arham* sebagai waris yang berhak mewarisi pusaka.

Persoalan *dhawi al-arham* sebenarnya telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi semasa baginda memutuskan satu isu penentuan waris¹⁶. Setelah itu wujud perselisihan pendapat ulama untuk menerima *dhawi al-arham* sebagai waris atau bukan waris antaranya menurut pandangan Imam Syafie¹⁷, Imam Malik¹⁸, Imam Abu Hanifah¹⁹ dan

¹⁴ *Ashab al-furud* adalah waris yang menerima kadar bahagian menurut yang telah ditetapkan oleh syarak sama ada 1/2, 2/3, 1/3, 1/4, 1/6 atau 1/8.

¹⁵ *Ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* adalah waris yang tidak mendapat bahagian secara fardhu yang ditetapkan oleh syarak, tetapi mereka boleh mengambil semua pusaka atau mengambil baki setelah diberi bahagian *ashab al-furud* atau tidak mendapat bahagian langsung kerana telah dihabiskan oleh *ashab al-furud*.

¹⁶ Riwayat mahsyur menyebut: "Ketika Thabit bin al-Dahdah meninggal dunia, maka Rasulullah s.a.w. bertanya kepada Qais bin 'Ashim, "Apakah engkau mengetahui nasab orang ini?", Qais menjawab, "Yang kami ketahui orang itu dikenal sebagai asing nasabnya, dan kami tidak mengetahui kerabatnya, kecuali hanya anak lelaki dari saudara perempuannya iaitu Abu Lubabah bin 'Abdul Munzir. Kemudian Rasulullah s.a.w. pun memberikan harta warisan peninggalan Thabit kepada Abu Lubabah bin 'Abdul Munzir".

¹⁷ Beliau adalah Muhammad bin Idris bin 'Abbas bin 'Uthman bin Syafi'i bin Sa'ib bin Abi Yazid 'Ubaid bin Hasyim bin al-Muttalib bin 'Abdul Manaf bin Qusay bin Kilab, dilahirkan pada tahun 150 hijrah bersamaan 767 masihi dan wafat pada tahun 204 hijrah bersamaan 820 masihi, beliau adalah pengasas mazhab Syafie.

¹⁸ Beliau adalah Malik bin Anas bin Malik bin Abu Amir bin 'Amru bin Ghaiman bin Huthail bin 'Amru bin al-Harith bin Sa'ad bin 'Auf bin 'Adi bin Malik bin Yazid, dilahirkan pada tahun 93 hijrah dan wafat pada tahun 179 hijrah, beliau adalah pengasas mazhab Maliki.

¹⁹ Beliau adalah Nu'man bin Thabit bin Zauta bin Mah, dilahirkan pada tahun 80 hijrah bersamaan 699 masihi dan wafat pada tahun 150 hijrah bersamaan 767 masihi, beliau adalah pengasas mazhab Hanafi.

Imam Hanbali²⁰ selain perselisihan pendapat imam-imam tersebut berkaitan masalah *al-rad*²¹ dan *al-‘aul*²². Terdapat juga perselisihan di kalangan ulama yang mengiktiraf *dhawi al-arham* sebagai ahli waris iaitu dalam menentukan kaedah pembahagian bahagian waris tersebut dan terdapat tiga kaedah yang diperbahaskan iaitu *ahl al-rahmi*²³, *ahl al-tanzil*²⁴ dan *ahl al-qarabah*²⁵.

Perundangan sedia ada di Kedah telah mewujudkan ruang untuk membolehkan *dhawi al-arham* diiktiraf sebagai waris yang berhak mewarisi pusaka antaranya melalui fatwa menurut Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 di bawah seksyen 8(1)²⁶, seksyen 19(1)²⁷, seksyen 22²⁸ dan seksyen 26.

²⁰ Beliau adalah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, dilahirkan pada tahun 164 hijrah bersamaan 780 masihi dan wafat pada tahun 241 hijrah, beliau adalah pengasas mazhab Hanbali.

²¹ *Al-rad* contohnya di dalam pembahagian pusaka, *ashab al-furud* telah menerima hak masing-masing, tetapi pusaka itu masih berbaki, dan tiada *ashab al-‘asabah*, maka baki harta tersebut diberikan lagi kepada *ashab al-furud* bersesuaian dengan bahagian masing-masing.

²² *Al-‘aul* adalah masalah kaedah perolehan bahagian iaitu jumlah bahagian yang telah diambil dari pokok masalah di mana pokok masalah tersebut tidak mencukupi bagi yang mempunyai *furud*.

²³ *Ahl al-rahmi* menyatakan bahawa semua waris berhak mendapat bahagian secara sama rata tanpa membezakan jauh dekatnya kekerabatan dan tanpa membezakan antara lelaki dan perempuan.

²⁴ *Ahl al-tanzil* menyusun keketurunan waris kepada yang paling hampir dengan ahli waris asal (induknya) tanpa mengira jumlah waris yang masih hidup, dan memberi keutamaan kepada waris yang paling dekat dengan *ashab al-furud* dan *ashab al-‘asabah*. Ini adalah pendapat mazhab Imam Ahmad bin Hanbal dan juga merupakan pendapat para ulama mutakhir dari kalangan mazhab Maliki dan Syafie.

²⁵ *Ahl al-qarabah* menentukan bahagian waris dengan melihat darjat kekerabatan waris dengan si mati, ianya dilakukan dengan *qias* seperti darjat kekerabatan *ashab al-‘asabah* dengan si mati, pendapat ini melaksanakan pembahagian waris secara kelompok sama seperti membahagikan bahagian *ashab al-‘asabah*, iaitu waris yang paling dekat dengan si mati, kemudian barulah waris yang lebih dekat di antara waris yang ada, selanjutnya pelaksanaannya tetap mengikuti kaedah umum pembahagian waris iaitu bahagian lelaki adalah dua kali bahagian perempuan.

²⁶ Seksyen 8(1) Mufti hendaklah berkuasa mengeluarkan apa-apa fatwa.

²⁷ Seksyen 19(1) Tertakluk kepada seksyen 21 Jawatankuasa Fatwa hendaklah – (a) atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atau (b) atas kehendaknya sendiri, atau (c) atas permintaan oleh mana-mana orang melalui surat atau apa-apa cara yang dialamatkan kepada Mufti dan tertakluk kepada subseksyen (2).

²⁸ Seksyen 22(1) Apa-apa fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Kedah Darul Aman sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipan disisi Agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat. (2) Sesuatu fatwa bolehlah diterima oleh semua Mahkamah Syariah di dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagai autoriti tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

Oleh kerana konsep hukum ini tidak pernah wujud di dalam konteks undang-undang pusaka Islam di Negeri Kedah, kesan perlaksanaanya tidak boleh dijangkakan. Baitul Mal²⁹ mungkin satu-satunya institusi yang menerima kesan kerana amalan semasa meletakkan institusi tersebut sebagai pemilik pusaka si mati sekiranya si mati tidak mempunyai waris. *Rajah 1* dan *Rajah 2* di lampiran menunjukkan data statistik kes faraid di Mahkamah Syariah dan Baitulmal Negeri Kedah.

Namun, pendekatan perlaksanaan untuk memberi hak mewarisi pusaka kepada *dhawi al-arham* akan memberi kelebihan kepada waris *dhawi al-arham* untuk memperolehi bahagian pusaka si mati disamping boleh mendesak masyarakat untuk menyegerakan kes-kes pembahagian pusaka yang tertangguh kerana kewujudan ramainya waris yang masing-masing berhak terhadap pusaka tersebut.

1.2 Permasalahan Kajian

Dhawi al-arham adalah antara kerabat terdekat dan memiliki ikatan kekeluargaan yang jelas serta rapat dengan pewaris. Istilah *dhawi al-arham* berkemungkinan agak janggal di sisi masyarakat tempatan tetapi akan jelas sekiranya dinyatakan berdasarkan panggilan mesra kekeluargaan. Contohnya, anak-anak kepada saudara perempuan, sama ada seibu-sebapa atau sebapa atau seibu³⁰ yang dipanggil sebagai ‘anak menakan’³¹, bapa kepada ibu yang dipanggil ‘datuk’, ‘tok wan’ dan sebagainya. Kedekatan

²⁹ Seksyen 47(2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, menyebut Baitul Mal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang kepada Baitumal.

³⁰ Sama ada saudara lelaki atau perempuan seibu.

³¹ Panggilan kekeluargaan bagi anak-anak saudara lelaki atau perempuan khususnya di bahagian utara Semenanjung Malaysia.

panggilan kekeluargaan lebih menjelaskan maksud *dhawi al-arham* di sisi masyarakat tempatan.

Sajuti Thalib, SH (1982) menyatakan masyarakat Minangkabau adalah masyarakat Indonesia yang mengutamakan keturunan melalui ibu. Menurut masyarakat ini anak kepada anak perempuan adalah cucu yang sangat dekat dengan neneknya dan termasuk dalam lingkungan keluarganya tetapi anak kepada anak lelaki adalah cucu yang agak jauh dan disebut sebagai ‘anak pisang’³². Beliau turut menyatakan demikianlah maksud *dhawi al-arham* iaitu ahli keluarga sedarah juga tetapi telah agak jauh, maksudnya *dhawi al-arham* mewarisi juga sekiranya tidak ada *ashab al-furud* dan *ashab al-asabah*.

Di Malaysia, tidak timbul perdebatan dalam bentuk perundangan sama ada *dhawi al-arham* berhak mewarisi harta si mati atau tidak. Perundangan Islam sedia ada tidak pernah memberi hak mewarisi pusaka si mati kepada *dhawi al-arham*. Walaupun penafian hak itu tidak dinyatakan secara bertulis namun amalan dan keputusan sedia ada telah menafikan hak *dhawi al-arham* untuk mewarisi pusaka si mati. Setakat ini di dapati tiada kajian dibuat untuk mengkaji kebolehterimaan *dhawi al-arham* sebagai waris atas prinsip *maslahah am*³³. Berdasarkan pengalaman penulis sebagai penjawat awam di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK) yang bertanggungjawab

³² Lihat pohon pisang beranak, memang anaknya juga tetapi ke luar disamping umbi pohon sedangkan anak yang dilahirkan dari biji buah pohon juga bersangkutan. Demikian pengertian ‘anak pisang’ untuk memudahkan maksud bukan dalam erti sebenar menurut hukum adat.

³³ *Maslahah am* atau umum merujuk kepada maslahah umat Islam di Malaysia secara keseluruhannya (Muzakarah Fatwa Malaysia Kali Ke-92).

secara langsung dalam menentukan susunan waris mendapati semasa proses siasatan waris, seringkali timbul perbalahan di kalangan waris-waris dalam menentukan susunan waris sama ada berhak mewaris atau tidak berhak mewarisi dan bahagian masing-masing. Ada waris yang tidak dapat mengenal-pasti dengan jelas darjat kekerabatan kerana ketiadaan pengetahuan ilmu nasab dan adakala timbulnya persoalan *dhawi al-arham* yang adakalanya dianggap dari kalangan *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah*.

Penulis mendapati persoalan *dhawi al-arham* biasanya timbul sekiranya waris si mati tidak dapat dikesan akibat berlalunya masa yang panjang setelah kematian berlaku dan sekiranya si mati didapati tidak mempunyai *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* ketika pembahagian dilakukan. Perkara tersebut mungkin disumbangkan oleh pelbagai faktor sampingan antaranya ketegangan keluarga dan mungkin hanya waris yang berpengaruh sahaja dapat menikmati hasil pusaka dan yang lain akan terpinggir dan kehilangan hak pewarisan dan sama ada secara sedar atau tidak. Penulis mendapati kecenderungan bagi seseorang memakan harta orang lain termasuk hak waris di bawah umur atau anak yatim sangat mudah berlaku, terutama sekali apabila melibatkan kematian yang terlalu lama dan meninggalkan waris yang terlalu ramai.

Berdasarkan pengalaman penulis, adakalanya persoalan *dhawi al-arham* timbul dalam keadaan seseorang waris itu merupakan keturunan terdekat dengan si mati tetapi tidak boleh mewarisi pusaka si mati, umpamanya anak-anak kepada anak perempuan si mati di mana anak perempuan simati telah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum si mati sedangkan si mati tidak mempunyai waris yang lain sama ada *ashab al-furud* atau

ashab al-'asabah. Berdasarkan prinsip pembahagian pusaka sedia ada, anak-anak kepada anak perempuan si mati tersebut tidak berhak mewarisi harta pusaka si mati yang juga merupakan datuk atau neneknya, bahkan seluruh pusaka si mati diserahkan kepada Baitul Mal. Sedangkan penerimaan *dhawi al-arham* sebagai waris telah menjadi amalan di beberapa negara Islam lain dan telah dikanunkan di dalam beberapa bentuk penyelesaian antaranya Kompilasi Hukum Islam (KHI) di Indonesia, *Qanun al-Mawarith* di Mesir, undang-undang pusaka Islam di India dan Pakistan dan sebahagian maksud kandungan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999³⁴.

Permasalahan ini telah menimbulkan kesedaran penulis untuk mengkaji kedudukan *dhawi al-arham* dan pendekatan perlaksanaan bagi membolehkan *dhawi al-arham* hak mewarisi pusaka seperti yang dinyatakan oleh Idris Awang (2001) kajian permasalahan adalah sebagai rasa prihatin terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat yang kita rasa terpanggil untuk turut sama menghurai dan mencuba untuk menyelesaiakannya.

Idris (2001) sekali lagi menyebut kajian juga perlu bersandarkan bidang pengetahuan dan ini berkait dengan sesuatu aspek yang diminati dalam pengetahuan yang dikuasainya. Manakala Chua Yan Piaw (2006) merumuskan kajian perlu lebih bersifat praktikal dan boleh diselidiki dan data yang diperolehi boleh dianalisis, di samping itu kajian juga perlu mempunyai kepentingan dari sudut praktikal dan teorikal di mana ia dapat memberi implikasi atau meningkatkan pengetahuan dan pengalaman penulis dan ia boleh memberi sumbangan kepada badan pengetahuan (*body of knowledge*).

³⁴ Enakmen ini diluluskan pada 09hb Ogos 1999 dan diwartakan pada 1hb Julai 2004 (Warta Kerajaan Negeri Selangor Jilid.57, No.14 (Sel.P.U.9), peruntukan tentang *wasiat wajibah* terdapat dalam Bahagian VIII seksyen 27, 28 dan 29.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji kedudukan *dhawi al-arham* dalam sistem pentadbiran dan pembahagian pusaka Islam Negeri Kedah;
2. Menjelaskan faktor penolakan *dhawi al-arham* sebagai ahli waris di Negeri Kedah; dan
3. Mengemukakan cadangan perlaksanaan *dhawi al-arham* dalam perundangan pusaka Islam di Negeri Kedah.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini ditumpukan di Negeri Kedah kerana kepercayaan terhadap kekuatan pentadbiran agama Islam serta fungsi Mahkamah Syariah dalam menentukan waris dan bahagiannya menurut hukum syarak dan undang-undang. Kajian ini untuk mengenalpasti kesan kedudukan dan kebolehterimaan *dhawi al-arham* dari aspek undang-undang bertulis dan tidak bertulis yang menjadi amalan di Kedah. *Dhawi al-arham* adalah waris yang tidak diterima untuk mewarisi harta pusaka di dalam amalan semasa negeri ini. Memandangkan kajian ini menyentuh sensitiviti Baitul Mal, maka penulis tidak berhasrat memberi sebarang tafsiran prejUDIS terhadap institusi tersebut.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini perlu dilihat dari aspek ilmu dan perubahan amalan undang-undang pembahagian dan pentadbiran pusaka Islam. Banyak hadis Rasulullah s.a.w berhubung keutamaan ilmu faraid, baginda pernah menggambarkan bahawa ilmu faraid adalah ilmu yang paling awal akan dicabut dari umatnya. Sabda Rasulullah s.a.w yang

diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a: “Pelajarilah ilmu faraid, dan ajarilah ia kepada orang lain. Sesungguhnya ia adalah setengah daripada ilmu dan ia adalah ilmu yang akan dilupakan, dan ia merupakan suatu ilmu yang mula-mula akan dicabut daripada umatku” (Al-Syawkani, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad, t.th.).

Para sahabat r.a turut berpesan tentang kepentingan ilmu faraid, ‘Umar al-Khattab r.a pernah menulis surat kepada Abu Musa al-Asy’ari dengan menyebut; “Jika kamu bermain-main, maka bermain-mainlah dengan panah dan jika kamu bercakap-cakap, maka bercakap-cakaplah mengenai ilmu faraid” (Abu ‘Abdillah Muhammad al-Naisaburi, t.th.). ‘Umar r.a juga pernah berkata; “Pelajarilah ilmu faraid kerana ia adalah sebahagian daripada agama kamu” (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & ‘Ali al-Syarbahi, t.t.).

Waris *dhawi al-arham* merupakan ahli keluarga yang amat dekat dengan si mati semasa hayatnya. Bahkan setelah si mati meninggal dunia sekalipun, *dhawi al-arham* masih merupakan ahli keluarganya yang terdekat dengan si mati. Tanpa mengenepikan amalan perundangan dalam sistem sedia ada, ada baiknya penelitian wajar diberikan kepada pandangan disebalik amalan tersebut kerana kedekatan kekerabatan itu perlulah diutamakan berbanding Baitul Mal sebagaimana saranan sesetengah ulama.

Penulis berpendapat sekiranya pendekatan perlaksanaan yang membolehkan *dhawi al-arham* diterima sebagai waris dibenarkan dalam perundangan Islam di Kedah, maka akan wujud lebih ramai waris yang berhak memperolehi pusaka. Sekaligus bolehlah

dianggap kes-kes tertunggak pembahagian pusaka semakin cepat diselesaikan. Ini berdasarkan tanggapan bahawa semakin ramai waris berhak memperolehi pusaka, maka semakin ramai waris bersegera melaksanakan penyelesaian pusaka tersebut. Melihat kepada amalan yang telah ada di beberapa negara Islam, sama ada menyebut secara jelas hak *dhawi al-arham* mewarisi secara perundangan bertulis atau secara tersirat melalui *wasiat wajibah* atau sebagainya, dapat disimpulkan prinsip tersebut bukanlah sesuatu yang asing di dalam Islam, bahkan hanya menimbulkan persoalan mengapa tidak jika sebenarnya prinsip tersebut memberikan kebaikan kepada ahli waris itu sendiri.

Sekiranya perubahan amalan undang-undang pembahagian dan pentadbiran pusaka Islam dilaksanakan, maka waris yang berhak terhadap pusaka akan meliputi *ashab al-furud*, *ashab al-'asabah* dan *dhawi al-arham*. Mahkamah Syariah yang berbidang-kuasa mengeluarkan sijil faraid akan memutuskan berdasarkan undang-undang tersebut manakala pentadbiran pusaka Islam masih terikat di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 atau Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

1.6 Definisi Konsep

Pusaka (*faraid*)³⁵ atau *al-mirath* dari segi bahasa pada makna *al-masdari* bermaksud *al-baq'a'* iaitu kekal dan perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang yang lain. *al-Mirath* pada makna *isim maf'ul* pula bermaksud asal atau baki dan dari segi istilah pula bermaksud sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh ahli-ahli waris disebabkan kematian pewaris. Ada

³⁵ *Faraid* dari sudut bahasa bermakna yang ditakdirkan atau yang ditentukan, manakala dari sudut istilah kombinasi daripada tiga ilmu yang disatukan iaitu ilmu nasab, ilmu fatwa dan matematik (Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf, 1940).

pendapat yang lain menyatakan bahawa pusaka atau *al-mirath* pada istilah ialah perpindahan pemilikan daripada si mati kepada para warisnya yang masih hidup, sama ada yang ditinggalkan itu berbentuk harta yang boleh dipindah, harta yang tidak boleh dipindah, ataupun sesuatu hak yang ditetapkan oleh syarak.

Menurut istilah ilmu faraid, harta pusaka juga dikenali sebagai *al-tarikah*. Dari segi bahasa, *al-tarikah* bermaksud segala apa yang ditinggalkan atau dibiarkan oleh si mati. Manakala definisi *al-tarikah* dari segi istilah syarak pula berlaku perselisihan dalam menentukan maknanya. Perselisihan tersebut dapat dilihat seperti berikut iaitu menurut jumhur fuqaha mendefinisikan *al-tarikah* ialah segala sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati termasuklah harta benda, hak-hak kebendaan dan hak-hak yang mempunyai unsur kebendaan ke atas hak-hak persendirian. Kesemuanya ini akan diwarisi sama ada oleh waris atau bukan waris.

Dari segi bahasa, perkataan *al-arham* merupakan kata *jama'* dari *al-rahim* yang bererti tempat kandungan anak. Dengan itu, *dhawi al-arham* bererti mereka yang mempunyai hubungan kerabat atau darah termasuk *ashab al-furud*, *ashab al-'asabah* dan waris-waris lain. Manakala dari segi istilah ulama faraid, *dhawi al-arham* ialah waris yang mempunyai hubungan kerabat atau darah dengan si mati selain daripada *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* samada lelaki atau perempuan. Contohnya, anak lelaki dan anak perempuan kepada anak perempuan, anak lelaki dan anak perempuan daripada saudara-saudara perempuan, bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah ibu dan bapa, bapa kepada ibu dan lain-lain lagi.

1.7 Ulasan Karya

Perbahasan mengenai hukum faraid telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi kemudian dipelopori oleh golongan sahabat-sahabat, *tabi'in*, *tabi'-tabi'in*, selanjutnya pada ulama dan fuqaha Islam termahsyur yang kemudiannya mengasaskan mazhab-mazhab. Umat Islam selepas suatu jangkamasa hanya mempelopori mazhab-mazhab sebagai sandaran dan pegangan di dalam memutuskan sesuatu perkara termasuklah faraid dan permasalahan yang terkandung di dalamnya.

Para ulama³⁶ telah menulis kitab-kitab perbahasan tentang ilmu fiqh dan membahagikannya kepada bab-bab atau fasal-fasal untuk memudahkan umat Islam memahami isi kandungan yang ingin disampaikan. Jadi tidak hairanlah terdapat pelbagai kitab telah dikarang dan masih ada sehingga sekarang serta menjadi panduan penulis-penulis mutakhir yang cuba menyesuaikan penulisan mereka dengan persekitaran semasa.

³⁶ Antaranya al-Nawawi (t.t) di dalam karyanya *Minhaj al-Talibin* telah menyusun kaedah memahami hukum faraid kepada beberapa fasal, beliau mengutarakan tanggungjawab orang yang masih hidup terhadap harta tinggalan si mati meliputi pengurusan jenazah, pelunasan hutang, penyempurnaan wasiat dan pembahagian harta pusaka kepada ahli waris yang berhak. Menurutnya lagi, di dalam memulakan perbahasan hukum faraid perlu dinyatakan sebab-sebab perwarisan, pembahagian di antara waris lelaki dan perempuan serta perbahasan *dhawi al-arham* dan Baitul Mal. Beliau membahaskan kadar pembahagian yang ditetapkan kepada ahli-ahli waris, disusuli *hijb*, bahagian anak-anak, bapa dan ibu, *wala'*, masalah datuk dan saudara-saudara, larangan perwarisan dan masalah khunsa serta janin, kaedah pengiraan faraid dan kaedah pengiraan faraid kepada waris yang berhak. Manakala al-Syarbini (t.t) di dalam *Mughni al-Muhtaj* telah memperhalusi perbahasan matan asal *Minhaj al-Talibin* dan memulakan perbahasan faraid dengan dalil-dalil. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Syarabi (t.t) di dalam *al-Fiqh al-Minhaji* turut mengekalkan perbahasan faraid tetapi lebih bersifat kontemporari. Abi Bakr al-Mahsyur di dalam *I'anah al-Talibin* yang membahaskan matan *Fath al-Mu'in* karangan Zayn-al Din bin 'Abdul 'Aziz al-Malibari al-Fanani telah memberi penerangan faraid dengan memulakan kefahaman terhadap syarat, rukun dan larangan perwarisan, selanjutnya kedudukan ahli-ahli waris yang berhak terhadap pusaka si mati termasuklah *ashab al-furud*, *ashab al-'asabah* serta bahagian-bahagian yang diperolehi oleh kalangan waris-waris yang berhak tersebut.

Terdapat beberapa kajian ilmiah penulisan tesis peringkat diploma, sarjana (master) dan doktor falsafah (Ph.D) dan secara umumnya kajian tersebut terdapat dalam tiga bentuk kajian iaitu pertama membahaskan faraid dari aspek hukum dan permasalahan setempat, kedua membahaskan faraid dari aspek pentadbiran pusaka dan ketiga aspek pentadbiran pusaka di Malaysia.

Bentuk kajian pertama ditemui dari penulisan Abdullah bin Mokhtar (1995)³⁷, Abd Shakor bin Borham (1999)³⁸, Noor Hira binti Haji Noor Kaseh (1999)³⁹, Dayang Apsah binti Binsin (1999)⁴⁰ dan Noor Liza Binti Mohamed Said (2003)⁴¹ yang mengkaji hukum-hukum faraid dan amalannya di kalangan masyarakat setempat. Manakala bentuk kajian kedua ditemui dari penulisan Khairuddin bin Omar (1988)⁴², Yusof Bin Ramli (1991)⁴³, Jasni bin Sulong (2000)⁴⁴ dan Ratna Zuhairah binti Abdul Halim

³⁷ Di dalam “*Pengumpulan Kes-kes Perakuan Faraid Di Mahkamah Syariah (Kadhi) Kedah Selatan Dan Sumber-sumber Pengambilan Hukum*” adalah kajian yang menerangkan fakta-fakta asas perkembangan hukum faraid, nas-nas dan contoh-contoh keputusan faraid yang dimeterai di Mahkamah Syariah (Kadhi) Kedah Selatan.

³⁸ Di dalam ”*Amalan Pembahagian Harta Pusaka Orang-orang Islam Di Daerah Muar Johor*” yang menerangkan fakta-fakta faraid secara umum dan penumpuan kepada lokasi kajian di Daerah Muar Johor.

³⁹ Di dalam ”*Harta Pusaka Dalam Islam: Kajian Khas Terhadap Amalan Semasa Dan Undang-undang Di Negera Brunei Darussalam*” adalah kajian yang menerangkan fakta-fakta faraid secara umum dan penumpuan kepada lokasi kajian di Negara Brunei Darussalam.

⁴⁰ Di dalam ”*Pusaka Dalam Masyarakat Islam Bisaya Di Sabah: Suatu Perbandingan Dengan Pusaka Dalam Islam*” adalah kajian yang menerangkan fakta-fakta faraid secara umum dan penumpuan kepada lokasi kajian di kalangan Masyarakat Islam Bisaya di Sabah.

⁴¹ Di dalam ”*Kesan Aliran Hijaziyah Dan ‘Iraqiyah Terhadap Pandangan Fuqaha Sunni Pada Kes-kes Pengecualian Dalam Sistem Pusaka Islam*” adalah kajian yang menerangkan perkembangan faraid menurut urutan sejarah perkembangan ilmu fiqh selanjutnya menyentuh secara asas persoalan-persoalan ‘aul dan al-rad.

⁴² Di dalam ”*Konsep Kepintaran Buatan (AI) Dalam Perundungan Islam: Kajian Kasus Faraid*” adalah kajian yang merumuskan konsep pengiraan mudah di dalam pembahagian faraid dan menerangkan secara ringkas fakta-fakta faraid.

⁴³ Di dalam ”*Pemakaian Hukum Faraid Dan Pentadbiran Harta Pusaka Umat Islam Di Semenanjung Malaysia: Penekanan Kepada Perlaksanaannya Di Negeri Selangor*” adalah kajian yang merupakan kajian terawal di dalam penulisan faraid dan secara keseluruhannya kajian ini menerangkan seringkas mungkin asas-asas faraid menurut syarak dan perkembangan menurut undang-undang.

⁴⁴ Di dalam ”*Bidang kuasa Mahkamah Syariah Dalam Pentadbiran Pusaka Di Malaysia*” adalah kajian yang menerangkan fakta-fakta bidang-kuasa Mahkamah Syariah di dalam pentadbiran pusaka Islam.

(2003)⁴⁵ di mana kajian ini adalah menyimpulkan kedudukan hukum faraid dan pentadbiran pusaka yang sedia ada dipraktikkan di Malaysia. Seterusnya bentuk kajian ketiga ditemui dari penulisan Siti Ahajar binti Mohsin (2000)⁴⁶ dan She Nilamuddin bin Hassan (2004)⁴⁷ dan hasil kajian-kajian ini adalah bersifat pengurusan pentadbiran pusaka.

Walaupun begitu, kajian-kajian di atas hanya membincangkan mengenai hukum faraid dan beberapa permasalahan mengenainya sama ada dari aspek syarak mahupun undang-undang semasa, namun pengkhususan mengenai *dhawi al-arham* belum ada sehingga kini. Penulis turut menemui kemungkinan berlaku kajian yang bersifat persamaan yang tidak dapat dielakkan dengan kajian-kajian sedia-ada seperti kajian ini akan menyentuh fakta-fakta pembahagian harta pusaka Islam sama ada secara nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah serta ijma' ulama, kajian juga menyentuh perkembangan faraid menurut literasi sejarah Islam dan pentadbirannya di Malaysia dan kajian akan menyentuh secara tidak langsung fakta-fakta di bawah pendapat mazhab-mazhab selain mazhab Syafie seperti prinsip *dhawi al-arham* dan *al-rad*.

Penulis mendapati terdapat perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian sedia ada antaranya kajian ini akan memberi penekanan kepada perkembangan sejarah faraid yang

⁴⁵ Di dalam “*Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam Di Malaysia: Satu Kajian Mengikut Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955*” adalah kajian yang menerangkan fakta-fakta faraid dan menghuraikan sistem atau kaedah pentadbiran harta pusaka di Malaysia.

⁴⁶ Di dalam “*Penilaian Kursus Sistem Maklumat Faraid Berkomputer Di Kalangan Staf Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)*” adalah kajian yang menerangkan hasil analisa kursus di kalangan kakitangan awam dan hanya menyentuh secara asas faraid.

⁴⁷ Di dalam “*Menganalisa Trend Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Kecil Dan Mendapatkan Kaedah Peramalan Terbaik Serta Kesannya Ke Atas Bebanan Kerja Pegawai Pembahagian Pusaka Semenanjung Malaysia*” adalah kajian yang menyentuh kepada aspek tenaga-kerja di dalam mengendalikan pembahagian pusaka Islam atau bukan Islam menurut pentadbiran semasa di Malaysia.

lebih khusus terutamanya yang berhubung-kait dengan dasar-dasar yang menerima kedudukan *dhawi al-arham*. Kajian ini juga menerangkan secara terperinci pandangan ulama dan fakta-fakta *dhawi al-arham* dan kajian ini menjelaskan fenomena *dhawi al-arham* di dalam negeri Kedah dari aspek penerimaan masyarakat, undang-undang dan pemerintah Negeri Kedah Darul Aman.

Secara keseluruhannya kajian ini menumpukan kepada kedudukan dan kajian penerimaan *dhawi al-arham* di kalangan masyarakat Islam, cabaran dan halangan yang wujud dari perspektif aliran mazhab semasa dan undang-undang. Kajian akan menumpukan kepada pengumpulan maklumat sebagai pendekatan untuk membolehkan penerimaan *dhawi al-arham* sebagai waris pusaka yang diperakukan oleh syarak dan undang-undang Negeri Kedah.

1.8 Method Kajian

1.8.1 Bentuk Kajian

Penyelidikan merupakan satu proses yang sistemetik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghuraikan data dan melaporkan maklumat. Penyelidikan dapat memberi jawapan kepada ketidakpastian yang timbul. Secara ringkas, penyelidikan ialah satu bentuk disiplin yang sistemetik terhadap masalah dan persoalan (Chua, 2006).

Penyelidikan mempunyai banyak jenis apabila dilihat dari sudut tujuan dan cara yang digunakan, namun demikian pengkategorian penyelidikan ini tidaklah mutlak iaitu tidaklah bermakna bahawa sesuatu penyelidikan itu hanya dari jenis tertentu sahaja (Idris, 2001). Terdapat pelbagai kaedah inkuiri yang membimbing penulis ke arah meyelesaikan masalah dan persoalan dalam penyelidikan. Kaedah-kaedah tersebut adalah kaedah positivis⁴⁸, kaedah interpretif⁴⁹ dan kaedah kritikal⁵⁰ yang merupakan asas kepada penyelidikan kualitatif dan kuantitatif (Chua, 2006).

Penyelidikan biasanya dikategorikan sebagai penyelidikan kuantitatif⁵¹ dan penyelidikan kualitatif⁵². Ada penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dalam satu kajian. Dua kategori penyelidikan ini berbeza dari segi kaedah dan teknik kajian yang digunakan. Ia berbeza dari segi tujuan, konsep, reka bentuk kajian, persampelan, cara data dipungut dan analisis data serta instrumentasi (Chua, 2006).

⁴⁸ Kaedah Positivis menekankan ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan analisis numerikal. Penyelidikan eksperimental dan tinjauan adalah antara kaedah-kaedah yang banyak digunakan dalam aliran positivis.

⁴⁹ Kaedah Interpretif menghuraikan suatu fenomena dengan menggunakan data deskriptif verbal, ia lebih menekankan analisis secara verbal daripada analisis numerikal. Antara penyelidikan yang sering digunakan ialah kajian lapangan yang menggunakan pemerhatian dan temu bual sebagai kaedah pemungutan data kajian. Kajian-kajian ini biasanya menghuraikan ciri-ciri sejumlah kecil subjek kajian secara teliti dan mendalam. Penyelidikan kaedah interpretif lebih memihak kepada penyelidikan kualitatif.

⁵⁰ Kaedah Kritikal digunakan oleh golongan penyelidik tertentu untuk membaiki keadaan sosial dan kemanusiaan mereka. Penyelidikan kaedah kritikal lebih memihak kepada penyelidikan kuantitatif.

⁵¹ Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia adalah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan inkuiri positivis di mana penyelidikan dilakukan melalui ujian eksperimental dan data numerika yang dipungut dianalisis dengan ujian statistik dan masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis (Chua, 2006).

⁵² Data-data kualitatif yang dipungut melalui kaedah temu bual atau pemerhatian yang teliti secara mendalam. Banyak unsur seperti emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan keadaan semula jadi individu atau kumpulan tertentu adalah lebih sesuai diselidik melalui kajian kualitatif, kerana unsur-unsur ini tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif sahaja (Chua, 2006).

Oleh yang demikian kajian ini dikemukakan sebagai penyelidikan kualitatif yang akan menggunakan kaedah-kaedah kajian secara penghuraian, kajian lapangan, kajian perpustakaan dan kajian sejarah. Manakala konsep utamanya akan memberi penekanan kepada makna, pemahaman dan konteks. Kajian ini dikhususkan kepada kajian kemasyarakatan yang bertujuan untuk melengkapkan teori, meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan dan menyatakan kejadian semula jadi.

1.8.2 Pemilihan Lokasi

Kajian ini dilaksanakan di dalam Negeri Kedah Darul Aman sahaja dan hanya melibatkan pihak-pihak berautoriti dalam sektor awam di bawah agensi Negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK) dan Jabatan Mufti Negeri Kedah dan di bawah agensi Persekutuan iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

1.8.3 Responden Kajian

Pemilihan responden kajian dibuat secara khusus kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah. Pengkhususan responden yang terlibat di dalam pentadbiran meliputi semua pihak yang disebut dalam pemilihan lokasi termasuklah Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Kedah dan Timbalan Mufti Jabatan Mufti Negeri Kedah selanjutnya agensi pelaksana yang menerima arahan pentadbiran dan undang-undang yang diputuskan iaitu Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Pegawai Seksyen Pembahagian Pusaka.

1.8.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen kajian yang mematuhi prinsip kajian kualitatif. Temubual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Oleh demikian penumpuan kajian diberikan lebih kepada kaedah temubual dan menyediakan soalan semi-struktur⁵³ kepada responden-responden terlibat.

1.9 Kaedah Pengumpulan Data

Dari kepelbagaiannya kaedah pengumpulan data, penulis akan menumpukan kepada dua kaedah utama iaitu kajian untuk memperolehi data primier dan data sekunder. Kajian tinjauan akan digunakan untuk memperolehi data primier melalui temubual, manakala kajian perpustakaan akan digunakan untuk memperolehi data sekunder bagi menjelaskan konsep kajian.

1.9.1 Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan (*survey*) juga merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular yang digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya bidang sains sosial. Kajian tinjauan popular kerana ciri-ciri seperti penggunaan yang menyeluruh⁵⁴, cara pengendalian yang digemari⁵⁵, cara memungut data yang cepat⁵⁶,

⁵³ Format kaedah temu bual semua struktur terletak di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam temu bual semi struktur, penulis menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, tetapi penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya (Chua, 2006).

⁵⁴ Iaitu ia boleh digunakan untuk menyatakan pelbagai jenis soalan, seperti isu dan masalah pada pelbagai perspektif, terutamanya menghuraikan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya.

⁵⁵ Iaitu ia dilakukan melalui pemberian soal selidik atau temu bual, atau kedua-dua sekali.

maklumat yang terus⁵⁷ dan keupayaan keputusan kajian digeneralisasikan⁵⁸. Biasanya kajian tinjauan dilakukan dengan cara menemubual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab, ini bermakna dalam kajian tinjauan, soalan kajian diberi secara lisan atau secara kertas-pensil (Chua, 2006).

Temubual⁵⁹ merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Ia sama dengan kaedah soal selidik dalam banyak aspek, perbezaannya ialah cara melaksanakan kajian, iaitu temu bual dilakukan secara lisan (perbualan), jawapan direkod oleh penulis secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain (Chua, 2006).

1.9.2 Kajian Sejarah

Kajian sejarah merupakan kaedah kajian yang dilakukan melalui pengumpulan data secara sistemetic dan penilaian data-data secara objektif terhadap peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas. Tujuannya ialah untuk menghuraikan peristiwa lampau dan meramalkan peristiwa yang akan berlaku pada masa hadapan. Suatu kajian sejarah yang dirancang dengan baik adalah kajian yang sistemetic dan mempunyai prosedur analisis data yang saintifik (Chua, 2006).

⁵⁶ Iaitu jawapan subjek dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat dan keputusan analisis diperolehi dalam masa yang singkat, penggunaan saiz sampel yang besar iaitu ia boleh dilakukan dengan menggunakan saiz sampel yang besar, yang tidak dapat dilaksanakan oleh kajian eksperimental.

⁵⁷ Iaitu maklumat dapat dipungut secara terus daripada responden dalam masa yang singkat.

⁵⁸ Iaitu hasil kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan.

⁵⁹ Temu bual didefinisi sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden. Temu bual dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat dari responden kajian secara lisan (Chua, (2006). Menurut Denzin, N.K (2001), temu bual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar mengenai suatu fenomena (Denzin, 2001).

Dalam kajian sejarah, kajian literatur memainkan peranan yang utama kerana ia merupakan prosedur kajian yang utama. Kajian literatur melibatkan semua jenis sumber kajian, sama ada dalam bentuk penulisan, rakaman atau elektronik. Selain itu, proses kajian literatur dalam kajian sejarah dilakukan secara lebih mendalam melalui aktiviti mengenal pasti, merujuk, menilai kebenaran berbanding dengan reka bentuk-reka bentuk kajian yang lain. Oleh kerana tiada instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data, sumber-sumber literatur merupakan sumber maklumat kajian sejarah (Chua, 2006).

Selain daripada penggunaan sumber rujukan literatur, jika terdapat individu-individu yang terlibat dengan perkara dalam peristiwa di bawah kajian, sesi temu bual juga boleh dilakukan untuk mengumpulkan maklumat yang merupakan maklumat hidup. Sumber maklumat daripada individu-individu ini merupakan maklumat utama dan ia adalah sama penting dengan maklumat dokumentasi asal. Terdapat dua jenis maklumat kajian sejarah iaitu maklumat utama⁶⁰ dan maklumat sekunder⁶¹(Chua, 2006).

Di samping itu kaedah penyelidikan secara kajian teks melalui kaedah suntingan teks boleh digunakan di dalam kajian sejarah. Suntingan teks bertujuan untuk menjadikan sebuah teks itu boleh difahami dengan tepat supaya boleh dijadikan bahan rujukan dan teks-teks yang disunting biasanya adalah teks klasik yang mempunyai nilai tersendiri (Idris, 2001).

⁶⁰ Maklumat utama adalah dokumen asal dan laporan daripada peserta sebenar, atau pemerhatian terus kepada peristiwa yang berlaku.

⁶¹ Maklumat sekunder adalah buku rujukan, laporan dari pihak lain (sahabat, jiran, saudara) yang berhubung rapat dengan peserta sebenar atau pemerhati kepada peristiwa yang berlaku.

Penulis menekankan keutamaan methodologi kepada kajian perpustakaan (*library research*) kerana data-data kajian ini bersandarkan rujukan dari penulisan-penulisan serta perbahasan ilmu yang sedia ada. Penulis telah mendapatkan maklumat-maklumat kajian antaranya di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (Kuala Lumpur), Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Pusat Dakwah Yayasan Islam Kedah, Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Kedah, Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan memperolehi sebahagian utama data kajian perpustakaan yang diperlukan.

1.10 Kaedah Analisa Data

Proses analisis data bermula dengan menilai data⁶² atau menganalisis data dan pentafsiran terhadap data dan analisisnya. Data adalah maklumat yang dikumpulkan dari sumber primier dan kajian ini menggunakan kajian tinjauan sebagai sumber primiernya iaitu secara temu bual. Manakala data dari sumber sekunder diperolehi dari kajian perpustakaan. Sumber-sumber data akan dinilai dari sudut keautoritiannya atau ianya data dari sumber yang tidak berautoriti di dalam bidang berkenaan.

⁶² Penilaian data atau kritikan data akan dilakukan dalam dua peringkat iaitu kritikan luaran dan kritikan dalaman. Apabila membincangkan tentang analisis data, selalunya kaedah induktif dan deduktif akan dijelaskan. Dalam *usul al-fiqh* kaedah deduktif dikenali dengan kaedah *istinbat* dan induktif dengan *istiqra'* (Louy Safi. 1998). Perbezaan antara pendekatan deduktif ini dengan pendekatan induktif ialah pergerakannya dari yang bersifat umum menuju kepada yang lebih khusus, iaitu apa yang digagas atau diteorikan dengan keadaan yang sebenar berlaku dalam situasi yang dikaji.

Manakala kaedah yang lebih khusus dalam analisis data ialah perbandingan⁶³ dan penyusunan data⁶⁴ dengan tujuan untuk menjelaskan sesuatu keadaan, membuktikan sesuatu hipotesis atau menjawab sesuatu soalan. Maklumat dan keterangan yang diperolehi dibandingkan sumbernya untuk mempastikan sumber mana yang terkuat dan dari sumber yang berbagai itu maklumat mana yang absah (Chua, 2006).

Pada peringkat analisis ini, dua kaedah akan digunakan untuk tujuan memproses maklumat yang telah dikumpulkan. Pertama, mengkaji pemahaman masyarakat terhadap kedudukan *dhawi al-arham* serta faktor-faktor yang menyumbang kepada penolakan waris tersebut dalam pembahagian harta pusaka di Kedah. Kedua, dengan menggunakan data yang diperolehi dari temubual yang dilakukan, data-data akan diproses, dikumpul dan di analisa secara kualitatif. Melalui kaedah ini pendapat konsensus akan di perolehi. Hasil akhir kajian akan menghasilkan satu rumusan mengenai kajian yang telah dijalankan.

1.11 Penutup

Kajian ini memberi penumpuan kepada kefahaman masyarakat Negeri Kedah terutamanya pihak yang berautoriti dalam memutuskan keputusan berhubung pembahagian pusaka. Keputusan pihak tersebut akan menentukan hak mewarisi pusaka oleh *dhawi al-arham* dan faktor *dhawi al-arham* tidak menerima pusaka dalam negeri

⁶³ Perbandingan disini hendaklah difahami dalam pengertian yang luas iaitu membandingkan dua unsur yang berkaitan atau tidak berkaitan, membandingkan keterangan-keterangan dari sumber yang berlainan, membandingkan sumber-sumber berlainan bagi fakta yang sama, membandingkan perspektif yang digunakan untuk melihat sesuatu subjek kajian, membandingkan maksud yang sama tetapi istilah yang berbeza dan sebagainya.

⁶⁴ Seterusnya penyusunan fakta atau peristiwa adalah signifikan dalam proses analisis data kerana ia akan menghurai atau menjelaskan maksud-maksud tertentu. Penulis memulakan perbincangan dengan menyatakan fakta-fakta yang kuat dan berakhir dengan fakta-fakta yang paling kurang kuat.

Kedah. Kedudukan *dhawi al-arham* berdasarkan peruntukan dan amalan semasa disesuaikan dengan cadangan pendekatan perlaksanaan untuk membolehkan *dhawi al-arham* diterima sebagai waris.

BAB DUA

SEJARAH UMUM PERKEMBANGAN SISTEM FAROID

2.1 Pendahuluan

Sistem pembahagian pusaka telah wujud di dalam perundangan agama-agama samawi sebelum kedatangan Islam seperti agama Yahudi⁶⁵ dan agama Masihi⁶⁶ serta di dalam tamadun-tamadun besar dunia seperti Mesir⁶⁷, Yunani⁶⁸, Rom⁶⁹ dan bangsa Arab sebelum Islam⁷⁰.

Manakala perkembangan sistem pembahagian pusaka di dalam Islam bermula dari usaha murni Islam untuk memulihkan kepincangan sistem pembahagian pusaka menurut masyarakat Arab Jahiliyah, di antaranya mengenepikan hak mewarisi di kalangan kaum wanita, perwarisan oleh anak angkat dan sebagainya. Pemulihan sistem tersebut telah mewujudkan hukum faraid atau *al-mawarith*. Perkembangan tersebut bermula sejak

⁶⁵ Menurut perundangan agama Yahudi, peraturan pembahagian pusaka bersandarkan kepada Kitab Taurat, namun peredaran masa dan penyelewengan terhadap hukum Allah telah menimbulkan pelbagai perubahan terhadapnya. Di antara kaedah pembahagian pusaka tersebut contohnya suami mewarisi harta isteri tetapi isteri tidak boleh mewarisi harta suami, anak-anak lelaki sahaja berhak mewarisi pusaka berbanding anak-anak perempuan ('Arif Khalil Abu 'Id, 1998), ibu tidak boleh mewarisi harta anak-anaknya sama ada anak lelaki atau anak perempuan (Ahmad Toha 'Atiah Abu al-Haj, 1980).

⁶⁶ Menurut perundangan agama Masihi atau Kristian, peraturan pembahagian pusaka bersandarkan kepada Kitab Injil dan mengikut perundangan agama Yahudi, Rom dan sebahagian perundangan lain sebelumnya (Ahmad Toha 'Atiah, 1980).

⁶⁷ Tamadun Mesir Kuno iaitu antaranya membolehkan waris-waris *furu'* (anak-anak dan ke bawah), *hawasyi* (saudara-saudara dan ke bawah) dan *dhawi al-arham* mewarisi harta pusaka si mati.

⁶⁸ Tamadun Yunani Kuno iaitu antaranya melarang anak perempuan dan anak-anaknya serta saudara seibus mewarisi harta pusaka si mati.

⁶⁹ Tamadun Rom atau Roman iaitu antaranya telah merekodkan semasa pemerintahan Maharaja Kostantinius, baginda telah mewujudkan sistem pembahagian pusaka dengan membenarkan perwarisan melalui pertalian kerabat dan tuan kepada hamba (*wala*) (Ahmad Toha 'Atiah, 1980).

⁷⁰ Tamadun Arab sebelum Islam iaitu antaranya peraturan hak mewarisi harta pusaka adalah melalui pertalian kerabat, tuan kepada hamba dan anak angkat yang dibinkan (Abu al-Yaqdhan 'Atiah al-Jabury, 1968).

zaman Rasulullah s.a.w⁷¹, Khulafa' al-Rasyidin dan Bani 'Umayyah⁷², Bani 'Abbasiah⁷³ dan zaman taklid⁷⁴ (Al-Muhami, Subhi Mahmasoni, 1967). Oleh kerana hukum faraid tergolong di antara cabang-cabang hukum fiqh, perkembangannya turut terpengaruh dengan peredaran zaman tersebut seiring perkembangan hukum fiqh. Sebelum hukum faraid diperundangkan, pendapat mazhab-mazhab yang menjadi elemen utama di dalam konsep pembahagian pusaka harus diteliti di antaranya mazhab Hanafi⁷⁵, mazhab Maliki⁷⁶, mazhab Syafie⁷⁷, mazhab Hanbali⁷⁸ dan mazhab-mazhab sunnah yang lain

⁷¹ Rasulullah s.a.w membawa manusia kepada zaman risalah Islam mulai 610 masihi sehingga kewafatan baginda pada 632 masihi dan ketika inilah hukum faraid diwujudkan bagi menggantikan sistem yang telah wujud sebelumnya dan sumber hukum adalah al-Qur'an dan al-Sunnah.

⁷² Khulafa' al-Rasyidin bertanggungjawab membukukan al-Qur'an dimulakan Abu Bakr al-Siddiq dan dilengkapkan oleh 'Usman bin 'Affan pada 650 masihi, waktu ini berlaku perkembangan ijma' dan qias kerana ketidaan nas-nas asal dan berlaku perkembangan hukum faraid dikalangan para sahabat dan tabi'in. Ilmu faraid mengalami perkembangan pesat melalui ilmuwan islam antaranya 'Abdullah bin 'Abbas di Mekah, Zaid bin Thabit dan 'Abdullah bin 'Umar di Madinah, 'Abdullah ibn Mas'ud di Kufah dan 'Abdullah bin 'Amru bin al-'As di Mesir yang menyebabkan bermula perkembangan fatwa faraid yang berbeza-beza antara para sahabat dan tabi'in. Pada zaman ini juga wujud khilaf (perselisihan pendapat) di antara ahli sunnah dan syiah dan zaman ini berakhir menjelang kurun ke 2 hijrah (kurun ke-8 masihi).

⁷³ Zaman Abbasiah ini telah berlaku berbezaan politik, kesatuan, pendirian dan amalan di kalangan masyarakat Islam dan perbezaan ini turut melibatkan ilmu fiqh serta mewujudkan mazhab-mazhab fiqh seperti mazhab sunnah berempat iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali dan mazhab Syiah bertiga iaitu Ja'fari (Imamiyah), Zaidiyah dan Isma'iliyah. Zaman ini telah wujud perkembangan ilmu hadith dan al-Qur'an di dalam bentuk ilmu yang khusus dan antaranya ilmu tafsir, ilmu mustolah al-hadith, ilmu usul, ilmu furu' dan sebagainya dan pada zaman ini juga telah mewujudkan dua kelompok ulama fuqaha (dari kalangan mazhab sunnah) iaitu aliran *ahl al-ra'y* di Iraq diketuai Abi Hanifah al-Nu'man, dan aliran *ahl al-hadith* di Hijaz diketuai Malik bin Anas dan akhirnya mewujudkan suatu mazhab yang berpegang kepada kedua-dua aliran tersebut iaitu mazhab Syafie *al-Jadid*.

⁷⁴ Zaman ini bermula dengan berakhirnya zaman Abbasiah ketika ini telah mewujudkan jurang perselisihan politik dan kesatuan yang besar dikalangan masyarakat Islam dan ketika ini mazhab-mazhab mahsyur (khususnya *ahl al-sunnah wal-jama'ah*) telahpun mendominasi pemikiran fiqh dan perkembangan ilmu hanya berkisar di antara kelompok pengikut mazhab-mazhab ini sahaja. Ruang pemikiran bebas dan kewujudan negara-negara Islam yang merdeka telah mewujudkan undang-undang syariah tersendiri yang dikanunkan dan termasuklah zaman keagungan Turki 'Usmaniyah (1290 masihi - 1924 masihi).

⁷⁵ Diasaskan oleh Abi Hanifah al-Nu'man bin Thabit (80H-150H) bersamaan (699M-767M) dan beliau terkenal sebagai pelopor mazhab *ahl al-ra'y* dan pandangan mazhab ini diterima pakai oleh kerajaan Turki 'Usmaniyah di dalam *Qanun al-Ahkam al-A'dliyah*.

⁷⁶ Diasaskan oleh Malik bin Anas di Madinah (90H-179H) bersamaan (713M-795M) dan beliau terkenal sebagai pelopor mazhab *ahl al-hadith*.

⁷⁷ Diasaskan oleh Muhammad bin Idris al-Syafi'i (150H-204H) bersamaan (767M-819M) dan pada awalnya beliau bersandarkan pandangan *ahl al-hadith* dan mewujudkan mazhab *al-'Iraqi* atau *Qaul al-Qadim*, kemudiannya mengemukakan pandangan baru dan mewujudkan mazhab *al-Misry* atau *Qaul al-Jadid*.

antaranya mazhab al-Auzai⁷⁹, mazhab al-Zahiri⁸⁰ dan mazhab al-Tabari⁸¹ (Al-Muhami, 1967).

Sejarah telah membuktikan bahawa peredaran masa telah mematangkan sistem pembahagian pusaka kerana telah melalui pelbagai perubahan yang boleh disesuaikan mengikut masa, tempat dan masyarakat. Keseluruhanya perkembangan sistem pembahagian pusaka Islam boleh digolongkan mengikut pendapat dan pandangan hasil perselisihan fuqaha pada zaman awal Islam dan di antara yang termahsyur menurut fuqaha *ahl al-sunnah wal-jama'ah* adalah perselisihan dan pewujudan aliran *Hijaziyyah* atau *ahl al-hadith* dan aliran '*Iraqiyyah* atau *ahl al-ra'yu*. Perselisihan pendapat ini mewujudkan pelbagai fatwa mengenai pusaka Islam seperti aliran *Hijaziyyah* menerima *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* sahaja sebagai ahli waris manakala aliran '*Iraqiyyah* menambah senarai ahli waris termasuklah *dhawi al-arham*.

2.2 Sejarah Perselisihan Fuqaha

Secara umumnya perkembangan perundangan Islam bermula di zaman pemerintahan 'Umar al-Khattab apabila bermulanya pembukaan wilayah-wilayah baru Islam di serata pelusuk dunia. Dengan tersebarnya dakwah Islam, gerakan keilmuan dan hukum Islam turut berkembang di bawah pemerintahan dan pentadbiran para sahabat kerana setiap

⁷⁸ Mazhab ini dianggap mazhab pertengahan antara kedua-dua mazhab Hanafi dan Maliki dan diasaskan oleh Imam Ahmad bin Hanbal (163H-241H) bersamaan (780M-855M). Beliau adalah pelajar Imam Syafi'i yang terkenal dan pada akhirnya mewujudkan mazhabnya sendiri dan pada zaman moden cabang mazhab ini mewujudkan kelompok Wahabi yang kini dipelopori oleh Kerajaan Arab Saudi.

⁷⁹Diasaskan oleh 'Abdul Rahman al-Auzai'i (88H-157H) dan mazhab ini adalah kelompok *ahl al-hadith* dan bertapak di Syam dan Lubnan dan diterima oleh Kerajaan Umayyah di Andalusia, kemudian kedudukannya telah diambil alih oleh mazhab Syafie di Syam dan mazhab Maliki di Andalusia.

⁸⁰ Diasaskan oleh Daud bin 'Ali al-Ma'ruf bi-abি Sulaiman al-Zahiri (202H-280H).

⁸¹ Diasaskan oleh Ibn Jarir al-Tabari (224H-310H).

daerah dan wilayah Islam yang baru dibuka mempunyai adat, kepercayaan, keadaan masyarakat dan ketamadunan yang berbeza-beza. Semua ini telah mendorong kepada berlakunya pelbagai jenis permasalahan fiqh yang baru di dalam masyarakat, oleh itu ulama memainkan peranan yang utama dalam perkembangan ini (Al-Qattan, Manna Khalil, 1992, dan Zaydan, 'Abd Karim, 1996).

Para sahabat yang berada di Hijaz terutamanya di Madinah, diarahkan oleh khalifah berhijrah ke wilayah-wilayah baru Islam untuk berkhidmat kepada penduduk tempatan. Di samping itu, orang yang baru menerima dan memeluk Islam di daerah-daerah dan wilayah-wilayah baru tersebut kian bertambah dengan pesatnya tanpa mengira bangsa atau kaum. Semua ini memerlukan khidmat para fuqaha untuk mengajar mereka tentang Islam dan bahasa arab terutamanya bagi mereka yang bukan berbangsa Arab (Al-Qattan, 1992).

Pada ketika itu kepakaran dan kemahiran tentang hukum perundangan Islam masih dimonopoli oleh para fuqaha generasi sahabat Rasulullah s.a.w. Khidmat dan sumbangan mereka bukan sahaja untuk mengajar penduduk di daerah-daerah baru Islam itu mengenai segala hal yang berkenaan dengan Islam tetapi juga untuk menjadi pegawai-pegawai pemerintah dan pentadbir malah dalam bidang pengadilan dan ketenteraan negeri-negeri tersebut (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1992).

Sebenarnya di zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin terutamanya di zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan di awal pemerintahan 'Umar, para sahabat yang

pakar di dalam hukum Islam tidak digalakkan atau tidak dibenarkan keluar berhijrah dari Madinah untuk menetap di daerah-daerah lain⁸². Bagaimanapun keadaan seperti ini tidak kekal lama kerana keadaan memerlukan kepada penghijrahan para fuqaha dari kalangan sahabat ke wilayah-wilayah Islam yang baru dibuka⁸³ (Al-Qattan, 1992).

Perpindahan para sahabat ke daerah-daerah tersebut bukanlah bererti Madinah dan juga Mekah kehilangan ulama atau kosong daripada para sahabat yang mahir dan pakar di dalam bidang keilmuan dan hukum Islam. Terdapat ramai lagi para fuqaha selain dari khalifah yang masih menetap di situ antaranya ‘Abdullah bin ‘Abbas, ‘Abdullah bin ‘Umar dan sahabat-sahabat yang terkenal dengan kebijaksanaannya dalam hukum Islam terutamanya di dalam bidang perwarisan iaitu Zaid bin Thabit. Oleh itu Hijaz umumnya dan Madinah serta Mekah khususnya menjadi pusat perkembangan hukum Islam yang ulung ketika itu (Mahmood Zuhdi, 1992).

Perbezaan pendapat telah berlaku di kalangan para sahabat pada ketika itu di dalam cabang-cabang hukum Islam dan di dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dikalangan masyarakat setempat. Di antara permasalahan yang menjadi perselisihan pendapat dikalangan mereka ialah masalah yang berkaitan dengan hukum

⁸² Mereka hanya dibolehkan untuk keluar dari Madinah sekadar beberapa ketika yang terhad atas sebab-sebab yang perlu. Tujuan sekatan ini adalah untuk mendapat kerjasama mereka dalam membina hukum Islam dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit dalam masyarakat Islam di Madiah. Mereka diperlukan untuk menjadi penasihat-penasihat khalifah dalam masalah hukum, politik dan pemerintahan (Al-Qattan, 1992).

⁸³ Di antara sahabat-sahabat Raslullah s.a.w yang diarahkan berhijrah keluar dari Madinah pada awal pembukaan wilayah-wilayah baru Islam adalah ‘Abdullah bin Masud dan ‘Ammar bin Yassir, mereka berdua telah diutuskan oleh Khalifah ‘Umar ke Kufah untuk menjadi guru dan ketua di situ. Selain itu, Abu Musa al-Asha’ari dan Anas bin Malik telah berkhidmat di Basrah manakala Mu’az bin Jabal, ‘Ubaidah bin al-Samit dan Abu Darda’ diutuskan oleh Khalifah ‘Umar ke Syam untuk mengajar al-Qur’an dan hukum-hukum Islam kepada penduduk tempatan (Al-Qattan, 1992).

perwarisan seperti hak datuk mewarisi harta pusaka apabila bersama dengan saudara-saudara seibu-sebapa, masalah *al-musyarakah*, masalah *al-'aul* dan beberapa masalah perwarisan lain (Al-Qattan, 1992).

Apabila perkembangan hukum sampai ke zaman peralihan antara sahabat dan *tabi'in*, perselisihan pendapat di kalangan para fuqaha semakin ketara. Perbezaan pendapat yang meluas dikalangan para fuqaha di daerah-daerah Islam yang luas itu menimbulkan rasa bimbang dan khuatir dikalangan fuqaha yang berada di Hijaz khususnya di Mekah dan Madinah. Mereka tidak berpuas hati dengan sikap para ulama yang tidak berhati-hati dan terlalu berani memberikan fatwa. Mereka juga merasa terkejut dengan perkembangan baru yang berlaku dimana hadis-hadis Rasulullah s.a.w telah diriwayatkan secara tidak cermat dan sewenang-wenangnya malah didustakan. Semua ini menjadikan mereka merasa bimbang terhadap masa depan hukum Islam (Al-Khudari, Muhammad, 1985).

Sikap dan pendirian yang agak berlainan sedikit terdapat di kalangan para fuqaha Iraq, dan sebagai sebuah negeri yang berada jauh dari pusat hadis iaitu Madinah, Iraq tidak kaya dengan riwayat-riwayat hadis Rasulullah s.a.w, disamping itu keadaan dan cara hidup di daerah tersebut mempengaruhi metodologi para fuqaha dalam pembinaan hukum. Mereka berpendapat tidak memadai dengan hadis-hadis yang sedikit untuk pembinaan hukum dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit tetapi memerlukan kepada penggunaan fikiran secara meluas (Al-Khudari, 1985).

Kecenderungan ini walau bagaimanapun bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah perkembangan hukum Islam kerana ia merupakan metodologi para sahabat yang terdahulu yang pernah berkhidmat di Kufah seperti ‘Abdullah bin Mas’ud dan ‘Ali bin Abi Talib. Selain mereka ianya juga merupakan sikap dan pendirian sahabat s.a.w yang terkemuka iaitu ‘Umar. Berdasarkan kepada kecenderungan ini, para fuqaha Iraq kemudiannya dikenali sebagai golongan fikiran dan aliran mereka dikenali dengan aliran fikiran (*Madrasah al-Ra’yu*) atau aliran ‘*Iraqiyyah*. Pusat kegiatan aliran ini adalah di Kufah dan Iraq, sementara tokoh mereka yang paling terkemuka selepas ‘Abdullah bin Mas’ud adalah Ibrahim al-Nakha’i (Badran, Badran Abu al-‘Ainin, t.t).

Kesan dari perkembangan ini hukum Islam telah mempunyai dua aliran asas dalam menuju perkembangan selanjutnya. Dan dari kedua-dua aliran inilah kemudiannya telah wujud mazhab-mazhab hukum yang berbeza diseluruh pelusuk dunia Islam yang dipimpin oleh berbagai-bagai fuqaha.

2.3 Sejarah Perkembangan Sistem Faraid Di Malaysia

2.3.1 Pendahuluan

Sejarah awal Islam di Malaysia tidak menyatakan secara jelas bentuk pembahagian pusaka tetapi jauh sebelum kemerdekaan Indonesia pada 17hb Ogos 1945, hampir semua kerajaan dalam jajahan Belanda di dunia Melayu, termasuklah di Semenanjung yang dijajah Inggeris berpegang teguh dengan mazhab Syafie di dalam fiqh dan *ahl al-sunnah wal-jama’ah* di dalam akidah (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2009). Para

sejarawan turut berpendapat kemungkinan perkembangannya bermula seiring dengan kedatangan Islam di Malaysia seawal kurun ke-12 atau ke-15 (Zainuddin, H.M, 1961) dan setelah itu wujud penerimaan mazhab tertentu sebagai dominasi pegangan pemerintah tempatan khususnya mazhab Syafie dan konsep fiqhnya menjadi asas kepada sistem perundangan Islam termasuklah sistem pembahagian pusaka di kalangan masyarakat Islam.

Sejarah undang-undang bertulis terhadap perlaksanaan sistem pembahagian pusaka di Malaysia bermula setelah penjajahan Britisih di Tanah Melayu. Menurut rekod sejarah Mahomedan Ordinance 1880 (Pindaan) 1926 (khusus untuk orang-orang Islam sahaja). Sistem ini dibawa dari India telah dibawa masuk oleh British dan dikuat-kuasakan di negeri-negeri jajahannya di Tanah Melayu. Selanjutnya Britisih meluluskan Enakmen Probet dan Pentadbiran 1900 (untuk orang-orang Islam dan bukan Islam) bagi negeri-negeri Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan selain undang-undang sedia ada di Negeri-negeri Selat. Manakala Negeri-negeri Melayu (Bersekutu atau Tidak Bersekutu) yang mempunyai Sultan, undang-undang pusaka orang-orang Islam masih tertakluk kepada adat-istiadat Melayu tempatan, khasnya pegangan Islam tempatan (Jasni Sulong, 2000).

Mohd Zamro & Mohd Ridzuan (2006) menyatakan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, undang-undang Britisih sedia-ada masih diterima-pakai di dalam pentadbiran pusaka. Ia diubahsuai dari masa ke semasa agar bertepatan dengan kehendak rakyat dengan tujuan untuk menyelaraskan sistem pembahagian pusaka

supaya teratur dan tersusun. Di Malaysia, perkara-perkara yang berkaitan dengan pusaka bagi orang-orang Islam⁸⁴ adalah termasuk di bawah bidang-kuasa kerajaan negeri seperti mana diperuntukkan dalam Perlumbagaan Persekutuan Jadual Kesembilan Senarai Perundangan Senarai 2(1) – Senarai Negeri⁸⁵. Manakala perkara berkaitan dengan pentadbiran pusaka atau perwarisan harta berwasiat dan tak berwasiat, ia termasuk dalam Senarai 1 Senarai Persekutuan (4)(e)(i).

2.3.2 Pengaruh Penulisan Hukum Islam

Perkembangan sistem faraid di Malaysia pada peringkat awalnya dipengaruhi oleh faktor karya-karya penulisan hukum Islam para ulama terdahulu. Penulisan hukum Islam di Malaysia telah dipelopori oleh tiga golongan yang berlainan. Pada peringkat

⁸⁴ Kesimpulannya, berdasarkan kedua-dua senarai tersebut, telah diputuskan bahawa undang-undang pusaka orang Islam terletak dibawah bidang-kuasa negeri-negeri, manakala pentadbiran keadilan termasuk pentadbiran pusaka bagi orang Islam adalah terletak di bawah bidang-kuasa Kerajaan Persekutuan melalui akta-akta di atas. Di dalam pentadbiran dan penyelesaian kes-kes pusaka orang Islam, Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa memperakru dan mengesahkan bahagian-bahagian yang akan diperolehi oleh waris-waris (benefisiari-benefisiari) dalam bentuk sijil faraid atau perakuan ahli waris sahaja. Manakala bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang diri berhubung dengan pemberian atau mewarisi harta berwasiat atau tak berwasiat adalah terletak di bawah Senarai 3A Tambahan kepada Senarai Bersama bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri sama-sama mempunyai kuasa tentang perkara-perkara tersebut (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006).

⁸⁵ Kecuali mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut ugama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunungan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri, adat istiadat Melayu : Zakat Fitrah dan Baitul Mal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang-orang Islam; mengadakan dan menghukum keselahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut ugama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

permulaan ia telah dipelopori oleh pihak istana dengan tidak dinafikan peranan para ulama dalam menjayakannya. Pada peringkat berikutnya, ia dipelopori pula oleh para ulama secara individu dan pada peringkat seterusnya penulisan seperti itu telah dipelopori oleh pihak penjajah British terutamanya dalam undang-undang pentadbiran. Ketiga-tiga peringkat penulisan ini berbeza antara satu sama lain, baik dari segi bentuk mahupun kandungan dan bukan merupakan lanjutan antara satu sama lain, tetapi sebaliknya merupakan karya-karya yang berasingan (Abdul Kadir Haji Muhammad, 1996).

Bentuk penulisan yang dipelopori oleh para pemerintah adalah Hukum Kanun⁸⁶ yang menjelaskan kesungguhan para pemerintah pada zaman berkenaan untuk melaksanakan hukum Islam dalam bentuk satu perundangan. Sungguhpun tidak ada rekod-rekod rasmi yang boleh membuktikan berlakunya perlaksanaan hukum tersebut, tetapi untuk menafikan berlakunya pelaksanaan hukum Islam seperti itu juga memerlukan pembuktian. Kalaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa segala hukum adat yang terdapat dalam undang-undang tersebut dilaksanakan, tidak ada sebab juga untuk kita menafikan pelaksanaan hukum Islam dalam undang-undang berkenaan.

Peranan penulisan hukum Islam adalah besar dan amat mempengaruhi pembentukan sistem perundangan Islam. Hasil penulisan karya-karya agung para ulama silam telah memberi garis panduan yang kukuh dalam pemantapan perundangan Islam

⁸⁶ Ia bermula dengan Batu Bersurat di Terengganu, kemudian diikuti Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, Undang-undang 1060H (Kedah) dan Undang-undang Tembera Dato' Seri Paduka Tuan (Kedah). Penulisan-penulisan ini jelas bersumberkan hukum Islam dalam bahasa Arab, walau bagaimanapun, ia bercampur-aduk antara hukum substantif Islam yang diambil daripada penulisan-penulisan dalam bahasa Arab dan hukum adat.

keseluruhannya. Apabila kita membincangkan penulisan perundangan Islam perhatian awal perlu memberi kepada sumbangan para ulama Pattani⁸⁷ dan Pahang⁸⁸. Kemudian diikuti karya yang dihasilkan oleh para ulama dari Indonesia seperti Syeikh Abdul Rauf Al-Fansuri (wafat 1682M)⁸⁹ dan Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1710-1812)⁹⁰. Pattani telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama antaranya Syeikh Daud bin Abdullah al-Pattani⁹¹ yang banyak menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang keilmuan Islam (Wan Mohd Shaghir Abdullah, Ogos 1977), Syeikh Muhammad bin

⁸⁷ Pattani memberi sumbangan besar dalam penulisan perundangan Islam pada abad ke-19. Pattani merupakan negeri ketiga terpenting selepas Pahang dan Terengganu dalam siri perkembangan penulisan perundangan yang tidak berbentuk Hukum Kanun. Penulisan seumpama ini telah dipelopori oleh para ulama Bentuk penulisan para ulama ini bersumberkan ajaran Islam tulen yang tidak dipengaruhi oleh adat-adat yang bertentangan dengan ajaran Islam (Abdul Kadir, 1996).

⁸⁸ Siri pertama penulisan perundangan Islam yang dipelopori oleh para ulama bermula di Pahang dengan karya Syeikh Nuruddin al-Raniri pada tahun 1644 bertajuk “*Sirat al-Mustaqim*”. Kitab ini merupakan sebuah kitab perundangan Islam yang pertama yang lengkap mengandungi hukum-hukum ibadat yang dijumpai di Tanah Melayu pada waktu itu (Winstedt, R.O, 1969). Oleh sebab Syeikh Nuruddin al-Raniri seorang ulama bermazhab Syafie, maka sumber rujukan beliau juga daripada buku-buku perundangan Islam yang ditulis oleh para ulama Islam yang berwibawa daripada mazhab Syafie (Omar Awang, 1981).

⁸⁹ Beliau menghasilkan kitab perundangan Islam yang berjudul “*Mirat al-Tullab li-Ma rifaṭ al-Shari at al-Maliki al-Wahhab*”. Kitab perundangan bermazhab Syafie ini dihasilkan dengan menggunakan sumber rujukan utamanya “*Fath al-Wahhab*” karangan Abi Zakariya al-Ansari (Omar, 1981).

⁹⁰ Beliau menulis karya “*Sabil al-Muhtadin Lil-Tafaqquh fi Amr al-Din*” pada tahun 1780 sebagai lanjutan kitab “*Sirat al-Mustaqim*”. Kitab ini bersumberkan kitab-kitab perundangan yang ditulis oleh para ulama bermazhab Syafie seperti kitab “*Sharh al-Manhaj*” oleh al-Khatib al-Sharbini (wafat 1596), “*Tuhfah al-Muhtaj*” karya Ahmad Ibn Hajar (1503-1566), “*Nihayat al-Muhtaj bi-Sharh al-Minhaj*” oleh Shihab al-Din Muhammad al-Ramli (1513-1596) (Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari, t,t).

⁹¹ Antara kitab karangan beliau di dalam perundangan Islam adalah; “*Ghayat al-Tagrib fi al-Irth wa-al-Ta sib*”. Kitab ini ditulis di Makkah pada tahun 1811 dan ditashih oleh Muhammad Idris al-Marbawi. Ia khusus membincangkan tentang pembahagian pusaka. Terdapat juga kitab dan manuskrip tulisan beliau iaitu “*Hidayat al-Muta allim wa Umdat al-Mu allim*” dalam bentuk manuskrip yang ditulis pada tahun 1828 di Makkah dan “*Fath al-Manna Khaliln li-Safwat al-Zubad li-Waliyi Allah Ahmad ibn Ruslan*” dalam bentuk kitab yang ditulis pada tahun 1833 di Makkah. Kandungan tulisan beliau ini menyentuh bidang-bidang perundangan Islam dengan begitu terperinci. Kitab “*Sullam al-Mubtadi fi Ma rifaṭ Tariq al-Muhtadi*” ditulis pada tahun 1836 di Taif merupakan kitab perundangan yang turut membincangkan faraid, wasiat dan sebagainya. Kitab “*Furu’ al-Masail wa-Usul al-Wasail*” ditulis pada tahun 1838-1841 di Makkah adalah antara kitab perundangan Islam yang terbesar dan terlengkap hasil karya beliau yang menjadi rujukan bukan sahaja di Tanah Melayu malah seluruh Asia Tenggara. Sumber hukum yang terdapat di dalam kitab ini dipetik dari dua kitab yang terkenal mazhab Syafie, pertama dari “*Fatwa*” karya Shihab al-Din Muhammad al-Ramli (1513-1596) dan keduanya dari kitab “*Kashf al-Lisan ‘an Asilat al-Anam*” karya Husayn ibn Ahmad al-Mahalli (1388-1458) (Abdul Kadir, 1996).

Ismail bin Daud al-Pattani⁹² dan Zayn al-Abidin bin Ahmad al-Pattani yang terkenal dengan nama Tuan Minal⁹³.

Abdul Kadir (1996) menjelaskan menjelang abad ke-20, karya penulisan para ulama mengalami beberapa perubahan dan boleh dibahagikan kepada dua bentuk penulisan iaitu penulisan tidak *khilafiyah* dan penulisan *khilafiyah*. Penulisan tidak *khilafiyah* merupakan lanjutan kepada penulisan para ulama terdahulu. Penulisan ini merupakan kegiatan peribadi dengan ditumpukan kepada hukum-hukum ibadat dan pelaksanaan hukum tersebut dilakukan oleh umat Islam secara sukarela. Walaupun begitu, para ulama tetap menulis setiap aspek perundangan sama ada untuk dilaksanakan atau tidak. Bentuk penulisan ini juga telah merebak ke tempat-tempat lain di Malaysia antaranya di Kedah⁹⁴, Kelantan⁹⁵ dan Perak⁹⁶.

⁹² Beliau menghasilkan karya “*Matla’ al-Badrayn wa-Majma’ al-Bahrayn*” yang ditulis pada tahun 1885 di Makkah yang menerangkan hukum-hukum perundangan Islam. Oleh sebab penulis ini seorang ulama dalam mazhab Syafie, maka boleh dikatakan keseluruhan petikan para rujukannya berpandukan kitab-kitab dan pendapat para ulama mazhab Syafie. Tetapi tidak dinafikan, sekali sekala beliau memetik pendapat Imam Abu Hanafiah dan pendapat Ibn ‘Abbas. Antara rujukan beliau daripada mazhab Syafie ialah “*Tuhfah al-Muhtaj*” karya Ahmad Ibn Hajar (1503-1566), “*Nihayah al-Muhtaj bi-Sharh al-Minhaj*” oleh Shihab al-Din Muhammad al-Ramli (1513-1596), “*Muharrar*” karya Abu al-Qasim al-Rafi’i (1161-1226), dan “*al-Majmu’ Sharh al-Muhazzab*” karya al-Nawawi (1233-1277).

⁹³ Beliau menulis kitab “*Kashf al-Lisan ‘an Asilat al-Anam*” pada tahun 1889 yang membincangkan setiap aspek perundangan Islam. Berdasarkan isi kandungan yang dibincangkan, kita tidak dapat menafikan kenyataan pentashih yang menyatakan bahawa kitab perundangan ini adalah sebesar-besarnya kitab perundangan dalam bahasa Melayu yang merangkumi segenap segi perundangan dalam Islam. Kitab ini adalah di antara kitab perundangan Islam yang berwibawa dalam tulisan Jawi dan menjadi bahan rujukan penting pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 (Abdul Kadir, 1996).

⁹⁴ Kedah telah melahirkan seorang ulama yang terkenal dan telah menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang. Tokoh tersebut adalah Tuan Husain bin Mohd. Nasir bin Muhamad Taib al-Masudi al-Banjari (1863-1935); antara bahan-bahan penulisan beliau yang dijumpai adalah seperti berikut; “*Hidayat al-Sibyan fi-Ma rifat al-Islam wa-al-Iman*” yang dihasilkan pada tahun 1911 dan menyebut aspek perundangan Islam pada halaman 8-36 selain aspek akidah; “*Majmu’ al-La ali*” yang dikeluarkan pada tahun 1933 dan berkaitan soal-jawab dalam perundangan Islam (Ishak Mohd.Rejab, 1979).

⁹⁵ Pada abad ke-20, Kelantan telah menampakkan satu perkembangan penulisan yang agak pesat, terutama perkara yang berhubung dengan Islam. Ini kerana pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20, Kelantan khususnya sekitar kawasan Kota Bharu, telah melahirkan tokoh-tokoh ulama dan ini telah menjadikan Kelantan pusat penumpuan yang kedua penting selepas Pattani. Antara karangan ulama Kelantan adalah Pelajaran Membahagi Pusaka yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan pada bulan Mei 1920. Ia dihasilkan oleh sekumpulan ulama dan dicatatkan bahawa Haji Umar bin Ismail

Abdul Halim El-Muhammady (1986) berpendapat timbulnya penulisan *khilafiyah* berpunca daripada pandangan yang tidak sama tentang sumber-sumber hukum pada masalah-masalah tertentu. Perbezaan ini terjadi kerana perbezaan dalam memberi keutamaan kepada sumber-sumber hukum yang diakui, perbezaan mentafsir sumber hukum yang sama dan perbezaan memberi keutamaan dalam menggunakan dalil daripada sumber hukum yang sama.

Di Malaysia, penulisan *khilafiyah* timbul hasil daripada gerakan Islah yang berlaku di Makkah, Mesir dan India. Kesannya aliran mazhab Syafie khususnya dalam bidang perundangan mula tergugat pada awal abad ke-20 (Wan Yahya Wan Ahmad, 1982). Namun sebahagian besar karya-karya *khilafiyah* masih berlebar di sekitar hukum ibadat dan sebahagian kecil melibatkan hukum perkahwinan (Abdul Kadir, 1996). Antara karya penulisan *khilafiyah* adalah *Ma'na Niat*⁹⁷, di samping karya-karya oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956)⁹⁸, Haji Abbas bin Taha⁹⁹, Haji Abdul Rahim Idris¹⁰⁰, Abu Abdul Aziz Muhammad bin Idris¹⁰¹ dan sebagainya.

Nuruddin al-Kelantani memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ini. Karya ini secara khusus membincangkan hukum pusaka yang dirujuk kepada karya Syeikh Abd Allah al-Shansuri (1485-1575) bermazhab Syafie “*al-Fawaid al-Shanshuriyah fi Sharh Faraid al-Rahibah*” serta *hashiyahnya* (Abdul Kadir, 1996). Ini merupakan kitab faraid yang paling sempurna pernah diterbitkan di Kelantan (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1966).

⁹⁶ Antara ulama terkenal di Perak ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin yang mengarang kitab “*Irshad al-Khaid li-‘Ilm al-Faraaid*” dan dicetak oleh Matba’ah Ahmadiyah Singapura pada tahun 1928.

⁹⁷ Risalah ini ditulis oleh Haji Wan Musa bin Wan Abdul Samad di dalam bentuk manuskrip setebal satu setengah halaman sahaja. Risalah ini berdasarkan perselisihan tentang niat dan *mu’aranahnya* dalam sembahyang dan dikemukakan kepada Sultan Ismail, Sultan Kelantan ketika itu.

⁹⁸ Beliau menulis “*Ini huraian yang membakar persuratan Haji Bakar pada menyatakan hukum dua rakaat Qabliyat al-Juma’at*” sebagai menolak pendapat Haji Abu Bakar bin Haji Hassan, bekas Kadi Muar, Johor, “*Masalah Daging Dalam Tin*” (Manuskrip No.SP 10E3-489, Arkib Negara Malaysia) sebagai menolak pendapat Haji Hasan bin Haji Yunos, Mufti Kerajaan Johor dan “*Bidaah Talqin*”.

⁹⁹ Beliau menghasilkan “*Risalah penting pada masa jilat anjing di atas empat mazhab*” pada tahun 1937.

¹⁰⁰ Belia berasal dari Kelantan dan bermastautin di Makkah dan bertugas sebagai guru di Madrasah al-Fallah Makkah serta mengajar di Masjid al-Haram. Karya beliau “*Inilah risalah perhatian yang elok di atas masalah bercinta buta yang belok*” pada tahun 1958.

2.3.3 Peranan Mahkamah Syariah

Sebelum Perang Dunia Kedua, pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu seperti Kelantan, Terengganu, Johor, Perlis dan Kedah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam atau Mahkamah Syariah negeri masing-masing. Selanjutnya pentadbiran pusaka dikendalikan di peringkat Persekutuan dan Mahkamah Tinggi kerana urusan pembahagian pusaka atau perwarisan berwasiat dan tak berwasiat serta urusan mengeluarkan surat kuasa tadbir diletakkan di bawah Senarai Persekutuan. Mohd Zamro & Mohd Ridzuan (2006) menyatakan bagi mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam atau hukum syarak yang diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan¹⁰² kepada kerajaan-kerajaan negeri, negeri-negeri diwajibkan menuju Mahkamah Syariah Negeri-negeri¹⁰³.

Sebelum akhir tahun 1980-an, struktur dan hirarki Mahkamah Syariah adalah terdiri daripada Mahkamah Qadi, Mahkamah Qadi Besar dan Jawatankuasa Ulang-Bicara. Walau bagaimanapun, selepas pentadbiran Mahkamah Syariah dipisahkan daripada Majlis Agama dan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang baru diperkenalkan atau diluluskan, struktur dan hirarki Mahkamah Syariah disusun semula kepada tiga

¹⁰¹ Beliau menghasilkan kitab “*al-Qaul al-Mufid li-Ifadah al-Mustafid*” pada tahun 1951 dengan kebenaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Beliau merujuk perbincangan dan pendapatnya kepada hadis, syarah dan kitab-kitab fiqh dalam berbagai mazhab, tetapi pendapat mazhab Syafie diutamakan dalam kesimpulannya.

¹⁰² Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa penubuhan, organisasi dan prosedur Mahkamah Syariah adalah Perkara Negeri. Negeri-negeri mempunyai kuasa perundangan dan eksklusif kecuali Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan. Di Wilayah Persekutuan, Mahkamah Syariah menjadi tanggungjawab Persekutuan dan ia mempunyai kuasa perundangan dan eksekutif yang eksklusif. Mahkamah Syariah Negeri-negeri di Malaysia ditubuhkan berdasarkan kepada peruntukan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah – Wilayah Persekutuan) 1993 atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam atau Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri.

¹⁰³ Mahkamah Syariah wujud bersama-sama dengan mahkamah biasa dalam sistem persekutuan, tetapi ia diletakkan di bawah tanggungjawab negeri-negeri dan mempunyai bidang kuasa hanya kepada orang-orang Islam sahaja, terutamanya di dalam hal yang berkaitan dengan hukum syarak atau undang-undang diri orang-orang Islam seperti dijelaskan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

peringkat¹⁰⁴ iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Mohd Zamro & Mohd Ridzuan (2006) menyatakan kuasa Mahkamah Syariah¹⁰⁵ dalam pembahagian pusaka Islam hanyalah penentuan kadar bahagian dan susunan waris-waris sama ada berhak atau tidak menurut undang-undang pusaka Islam. Mahkamah Syariah mempunyai kuasa tersebut dalam bentuk pengeluaran sijil faraid atau perakuan ahli waris sahaja. Pada tahun 1992 Kanun Tanah Negara 1965¹⁰⁶ telah dipinda dengan mewujudkan seksyen 421(A) yang memperuntukan “bagi maksud seksyen 417 dan 420, ‘Mahkamah’ termasuklah ‘Mahkamah Syariah’¹⁰⁷ dan pindaan ini telah mengukuhkan institusi Mahkamah Syariah. Namun begitu masih timbul pertindihan bidang kuasa di antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah berkaitan beberapa bentuk harta pusaka antaranya di bawah Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok)

¹⁰⁴ Ketiga-tiga peringkat Mahkamah Syariah tersebut mempunyai kuasa jenayah dan mal yang berbeza-beza seperti mana yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Islam atau Enakmen Mahkamah Syariah Negeri masing-masing.

¹⁰⁵ Sebagai contoh di bawah seksyen 20 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan:- (1) Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati beragama Islam, mana-mana Mahkamah Sivil pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan – (a) orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau (b) bahagian-bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak, (2) Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakarkan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu.

¹⁰⁶ Sebelum pindaan pada tahun 1992 Kanun Tanah Negara 1965, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa mengeluarkan perintah di bawah peruntukan undang-undang tersebut. Ini bermakna apa-apa keputusan dan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan orang-orang Islam, tidak diiktiraf dan tidak diakui oleh mana-mana pihak atau institusi tertentu terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah. Perkara ini berlaku kerana tafsiran Mahkamah di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965 hanya bermaksud Mahkamah Tinggi Malaya sahaja.

¹⁰⁷ Pindaan ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah mengenai perkara-perkara yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang-kuasa terutamanya berhubung dengan persoalan hartaanah orang-orang Islam, sama ada dalam tuntutan harta sepencarian, harta pusaka, wasiat, wakaf, hibah dan sebagainya. Perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah hendaklah diikuti oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah Jajahan dan seumpamanya.

1960¹⁰⁸, Enakmen Rizab Melayu Negeri-Negeri¹⁰⁹, Undang-Undang Penama¹¹⁰ dan Enakmen Pegangan Adat¹¹¹.

Mohd Zamro & Mohd Ridzuan (2006) menyatakan sijil faraid atau perakuan ahli waris amat penting dalam pembahagian dan pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Malaysia kerana pembahagian dan pengeluaran harta pusaka si mati akan dibuat berdasarkan kepada sijil yang telah disahkan. Sijil ini biasanya mengandungi nilai harta pusaka si mati, nama waris-waris yang berhak ke atas harta pusaka dan kadar bahagian waris berhak terhadap harta pusaka tersebut. Ia dikeluarkan apabila terdapat permohonan daripada waris-waris atau pihak-pihak tertentu yang berhasrat untuk membahagikan harta pusaka si mati mengikut hukum syarak dalam tuntutan terhadap harta pusaka si mati seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), wang

¹⁰⁸ Akta ini dilaksanakan terhadap tanah-tanah yang dibuka di bawah Rancangan Pembangunan FELDA, peneroka-peneroka yang berjaya memasuki rancangan FELDA mereka diberikan sebidang tanah pertanian dan sebidang tanah utntuk tapak rumah, apabila berlaku kematian seseorang peneroka semasa tanahnya masih di bawah Daftar Pegangan Desa, maka seksyen 16 akta ini menghendaki supaya tanah itu diturunkan milik kepada seorang waris yang berhak sahaja. Jika lebih dari seorang yang berhak dan mereka tidak bersetuju secara muafakat memberi kepada seorang sahaja daripada mereka, pentadbir tanah boleh menjual pegangan itu dan hasil jualannya dibahagikan di kalangan orang-orang berhak mengikut hukum syarak (faraid).

¹⁰⁹ Enakmen ini melarang sebarang urusniaga dan pindah-milik tanah simpanan Melayu kepada bukan Melayu. Enakmen ini menghadkan penurunan milik tanah simpanan Melayu si mati kepada waris yang bukan Melayu, tetapi beragama Islam sedangkan dari segi hukum syarak mereka berhak kepada harta pusaka itu.

¹¹⁰ Perlantikan penama lazimnya menjadi amalan di Malaysia terutamanya dalam institusi kewangan, bank-bank, KWSP, Tabung Haji dan sebagainya. Persoalan mengenai penama timbul apabila penyimpan atau seseorang kakitangan swasta atau kerajaan meninggal dunia. Apakah orang-orang yang dinamakan (*nominee*) itu berhak kepada harta atau wang simpanan itu menurut hukum syarak atau sebaliknya, dan adakah harta atau wang simpanan itu dianggap sebagai harta pusaka si mati. Fatwa Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-96 pada 20hb September 1973 memberikan pendapat “Penama-penama KWSP, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan syarikat kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat si mati atau wasi. Mereka boleh menerima wang si mati dari sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian faraid”.

¹¹¹ Enakmen Pegangan Adat (Bab 215) memperuntukkan cara-cara pembahagian harta pusaka berkaitan dengan Tanah Adat di Negeri Sembilan dan Melaka. Tanah adat banyak terdapat di Jelebu, Rembau, Kuala Pilah, Jempol, Tampin dan Gemas di Negeri Sembilan dan di Alor Gajah dan Jasin di Melaka, mengikut enakmen ini waris-waris yang berhak adalah keketurunan perempuan yang sama sukunya sahaja dengan pemilik tanah adat itu.

simpanan di institusi kewangan, Tabung Haji atau yang dibuat melalui Mahkamah Tinggi, Pegawai Penyelesai Pusaka atau Amanah Raya Berhad, sama ada dalam bentuk harta pusaka besar, harta pusaka kecil atau harta pusaka ringkas.

Selain daripada mengeluarkan sijil faraid dan mengeluarkan perintah di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Mahkamah Syariah juga mempunyai peranan yang lebih umum dalam pentadbiran harta pusaka bagi orang-orang Islam antaranya menentukan kesahartaranan seseorang anak¹¹², mengesahkan sesuatu akad perkahwinan¹¹³, tuntutan harta sepencarian¹¹⁴ dan menentukan sah atau tidak sesuatu wasiat, hibah dan wakaf. Selain itu ada beberapa persoalan undang-undang lagi yang wujud dalam kuasa-kuasa Mahkamah Syariah antaranya isu undang-undang pusaka Islam (faraid)¹¹⁵, bidang-kuasa

¹¹² Ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 yang memperuntukan seperti berikut : Seksyen 111 menyatakan “ Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seorang lelaki melahirkan seorang anak – (a) lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu; atau (b) dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka anak itu hendaklah dinasabkan kepada lelaki itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah, manakala seksyen 112 menyebut “Jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, anak itu tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, melainkan jika lelaki itu atau mana-mana warisnya menegaskan bahawa anak itu adalah anak lelaki itu”.

¹¹³ Penentuan hukum sama ada sah atau tidak sesuatu perkahwinan adalah penting kerana ia melibat hak pusaka-mempusatkan antara suami isteri itu selepas berlaku kematian salah pihak, menurut Seksyen 12(2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan “Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) dan tanpa menjelaskan subseksyen 40(2), sesuatu perkahwinan yang telah diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut Hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini dengan perintah daripada Mahkamah”.

¹¹⁴ Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk mendengar pertikaian mengenai harta sepencarian orang-orang Islam, memutuskan sama ada suami atau isteri berhak terhadap harta itu dan menentukan kadar bahagian masing-masing pihak berhak, kuasa tersebut diperuntukkan di bawah Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah darul Aman) 2008 “Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membernarkan lafadz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu”.

¹¹⁵ Undang-undang pusaka Islam (faraid) bagi orang-orang Islam di Malaysia tidak ada dalam bentuk statut atau bertulis. Hakim-hakim Syarie di Mahkamah Syariah merujuk kepada kitab-kitab fiqh mazhab Syafie untuk menyediakan Sijil Faraid bagi orang-orang Islam, demikian juga Pegawai Penyelesai Pusaka

Mahkamah Syariah¹¹⁶, isu peraturan adat dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955¹¹⁷, isu perkahwinan di luar negara yang tidak didaftarkan¹¹⁸, isu anak yang tak sah taraf¹¹⁹, isu sijil faraid dan e-faraid¹²⁰, isu harta sepencarian selepas

di Bahagian Pusaka Kecil, Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi merujuk kepada kitab-kitab fiqh mazhab Syafie dalam menentukan benefisiari-benefisiari dan kadar syer masing-masing waris yang berhak terhadap harta pusaka si mati. Kadangkala amalan seperti ini boleh menimbulkan masalah dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam kerana undang-undang bertulis mengenai pusaka Islam tidak wujud.

¹¹⁶ Berdasarkan bidang-kuasa Mal, Mahkamah Tinggi Syariah boleh mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan pembahagian atau pewarisan harta berwasiat atau harta tak berwasiat dan penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaannya Mahkamah Tinggi Syariah tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran pusaka seperti kuasa mengeluarkan surat kuasa wasiat (probet) atau surat kuasa tadbir. Kuasa ini diberikan kepada Mahkamah Tinggi Sivil, contohnya di dalam kes *Jumaaton @ Raja Dalia Iwn Raja Hazaruddin* (Wilayah Persekutuan, Rayuan Mal Bil.4 tahun 1997; Jurnal Hukum. Jld XII. Bhc. II, 1998).

¹¹⁷ Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 telah mengiktiraf peraturan adat di Negeri Sembilan dalam membahagikan tanah-tanah adat kepada waris-waris tertentu sahaja, menurut Enakmen Pemegangan Adat (Bab 215), tanah-tanah adat hendaklah diwarisi secara turun temurun oleh sesuatu kaum secara berkelompak. Mengikut enakmen ini, waris-waris yang berhak adalah keketurunan perempuan yang sama sukunya dengan pemilik harta adat itu yang secara khusus mengikut giliran berikut; - (i) anak perempuan dan cucu-cucu perempuan daripada anak perempuan walaupun mereka meninggal dunia lebih awal daripada si mati, (ii) ibu si mati, (iii) saudara perempuan seibu seapa dan seibu kepada si mati dan keketurunanya dari pihak perempuan, (iv) ibu kepada ibu, dan (v) saudara perempuan seibu seapa dan seibu kepada ibu kepada ibu si mati dan keketurunanya dari pihak perempuan. Berdasarkan peraturan undang-undang di atas, nyatalah bahawa peruntukan ini bertentangan dengan undang-undang pusaka Islam dari segi senarai waris-waris, syarat-syarat pewarisan dan sebagainya. Kebanyakan waris-waris yang diakui dalam peraturan adat itu ialah waris perempuan (yang antaranya waris *dhawi al-arham*) dan tidak ada seorang pun waris lelaki. Bagi anak perempuan, mereka berhak kepada harta pusaka sekalipun mereka meninggal dunia lebih awal daripada si mati dan syarat ini bertentangan dengan syarat dan peraturan undang-undang pusaka Islam yang menetapkan syarat bahawa waris hendaklah hidup pada masa kematian si mati.

¹¹⁸ Menurut enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, semua perkahwinan sama ada yang dilakukan di dalam negara atau di luar negara hendaklah di daftarkan mengikut peraturan dan syarat-syarat tertentu. Sekiranya sesuatu perkahwinan itu tidak didaftarkan maka pihak-pihak dalam perkahwinan itu tidak akan mendapat hak perlindungan dan jaminan di bawah undang-undang keluarga Islam negeri-negeri berkenaan dan pihak-pihak akan menghadapi pelbagai masalah antaranya masalah anak dan harta pusaka. Sekiranya salah seorang dari pasangan suami isteri itu meninggal dunia sebelum perkahwinan di luar negara itu didaftarkan, maka pasangan yang hidup menghadapi masalah sama ada dia berhak atau tidak berhak terhadap harta pusaka si mati sama ada suami atau isterinya. Walaubagaimanapun, persoalan ini akan diputuskan oleh mahkamah sama ada pasangan yang hidup itu berhak atau sebaliknya terhadap harta pusaka si mati atau sama ada perkahwinan itu diiktiraf sebagai sah dan boleh didaftarkan atau sebaliknya.

¹¹⁹ Di bawah enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri terdapat peruntukan khusus bagi menentukan seseorang anak itu sama ada sah taraf (nasab) atau tidak. Bagi menentukan kesahartaran seseorang anak maka ia dilihat kepada tempoh minimum kelahiran seseorang anak itu selepas perkahwinan atau tempoh maksimum kelahiran seseorang anak itu selepas berlaku penceraian atau pembubaran perkahwinan itu. Berdasarkan peruntukan di atas nyatalah bahawa seseorang anak yang dilahirkan daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinan seseorang lelaki dan perempuan atau

berlaku kematian suami atau isteri¹²¹ dan isu penentuan harta pusaka (*al-tarikah*) yang jika disandarkan kepada perkembangan mua^cmalat sekarang ada kalanya menimbulkan masalah di dalam menentukan taraf harta tersebut sebagai harta pusaka atau sebaliknya. Di antara isu-isu tersebut adalah wang insuran nyawa¹²², wang gratuiti kakitangan

dilahirkan selepas empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan maka anak itu bukan anak yang sah taraf kepada kedua-dua pasangan suami isteri itu. Dari segi hukum syarak, seseorang anak yang tidak sah taraf (tidak sah nasab) tidak berhak menerima harta pusaka di sebelah bapanya, malah dia hanya berhak di sebelah ibunya sahaja. Persoalannya, bagaimana sekiranya seseorang anak yang tidak sah taraf itu telah didaftarkan dalam sijil kelahiran, di mana suami atau isteri itu sebagai bapa atau ibunya. Perkara seperti ini banyak berlaku di kalangan orang-orang Islam di Malaysia dewasa ini. Pada hakikatnya seorang anak yang tidak sah taraf tidak berhak kepada harta pusaka bapanya, sedangkan sijil kelahiran merupakan bukti tentang status kanak-kanak itu. Inilah satu dilema yang dihadapi oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah sekarang.

¹²⁰ Sijil Faraid atau perakuan ahli waris ialah satu sijil atau perakuan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri berhubung dengan harta pusaka si mati orang Islam. Sijil ini anatara lain mengandungi senarai nama waris-waris yang berhak dan kadar bahagian mereka masing-masing. Sijil faraid dikeluarkan apabila permohonan daripada waris-waris atau pihak-pihak tertentu yang berhasrat untuk membahagikan harta pusaka mengikut hukum syarak (faraid). Menurut peruntukan undang-undang yang ada di Malaysia, Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mengeluarkan Sijil Faraid, umpamanya di bawah seksyen 13(3)(b)(ix) dan 20(2) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008. Namun persoalannya, sejauhmana kuasa yang diberikan oleh undang-undang di atas kepada Mahkamah Syariah itu akan berterusan kerana Bahagian Pusaka Kecil di Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi telah pun menerima pakai Sistem E-Faraid yang diperkenalkan oleh Universiti Sains Malaysia. Pegawai Penyelesa Pusaka Kecil telah pun melaksanakan Sistem e-Faraid dalam menyediakan sijil faraid bagi kes-kes pembahagian pusaka yang melibatkan si mati orang-orang Islam. Dalam hal ini, terdapat beberapa isu yang masih menjadi tanda tanya antaranya:- (i) Apakah Sijil Faraid yang dikeluarkan melalui Sistem e-Faraid itu memerlukan pengesahan dari Mahkamah Syariah?, (ii) Adakah Sijil Faraid itu wajib diikuti oleh waris-waris dalam pembahagian harta pusaka orang-orang Islam?, (iii) Apakah Sijil Faraid itu mempunyai autoriti dan iktiraf oleh pihak-pihak tertentu?, dan (iv) Sekiranya waris itu tak bersetuju dengan waris yang disenaraikan dalam sijil itu atau bahagian-bahagian mereka, apakah Sijil Faraid itu boleh dipersoalkan di Mahkamah Tinggi Syariah?.

¹²¹ Harta sepencarian yang berbangkit selepas berlaku perceraian antara suami atau isteri tidak menimbulkan banyak masalah kerana peruntukan mengenai perkara itu jelas terdapat dalam Enakmen atau Akta Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri. Contohnya, Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Berdasarkan kepada peruntukan di bawah seksyen tersebut, didapati bahawa tuntutan harta sepencarian boleh dibuat oleh suami atau isteri sama ada harta itu diperolehi dengan usaha bersama atau usaha tunggal salah satu pihak dalam perkahwinan itu selepas berlaku perceraian antara suami isteri berkenaan. Tetapi satu peruntukan yang jelas tentang tuntutan harta sepencarian oleh suami atau isteri selepas berlaku kematian suami atau isteri secara langsung tidak ada dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri.

¹²² Seseorang yang mengambil insuran nyawa sama ada dalam Syarikat Insurans Konvensional atau Takaful (Takaful Nasional atau Syarikat Takaful Malaysia Berhad) akan mencarum sejumlah wang tertentu setiap bulan. Wang pampasan insuran nyawa akan diperolehi oleh penyimpan atau pencarum setelah berlaku kematian. Persoalannya, adakah wang pampasan itu boleh dianggap sebagai harta pusaka atau sebaliknya? Di dalam insuran nyawa terdapat dua jenis iaitu insuran nyawa yang diambil oleh si mati dengan dimasukkan penama dan kedua insuran nyawa yang tidak dilantik penama. Wang insuran nyawa yang tidak dilantik penama adalah menjadi harta pusaka dan dibahagi-bahagikan kepada waris mengikut hukum faraid. Bagi pampasan nyawa yang dilantik penama maka dalam hal ini ada dua keputusan yang telah diputuskan oleh mahkamah iaitu: (i) Dalam kes Re Man bin Minhat (1965) 2 MLJ 1, seorang telah

kerajaan¹²³, saguhati kematian tentera¹²⁴, wang simpanan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)¹²⁵ dan wang pencen¹²⁶ (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006).

mengambil polisi sebanyak RM40,000.00 atas nyawanya dan telah menamakan isterinya sebagai orang yang mendapat faedah insuran itu. Apabila dia mati, isterinya itu telah mendapat surat kuasa dan persoalan sama ada wang insuran itu menjadi hak isteri itu sendiri atau menjadi sebahagian harta pusakanya untuk dibahagi kepada waris-warisnya. Hakim Suffian memutuskan bahawa wang insuran itu menjadi hak isterinya, (ii) Kes Re Man bin Minhat telah diikuti oleh Hakim Abdul Hamid dalam kes Re Bahadun bin Hj. Hassan (1974)1 MLJ 4, berpendapat: “atas duluan Re Man bin Minhat saya berpendapat bahawa tidak ada apa-apa dalam undang-undang Islam yang menghalang seseorang membuat pemberian dalam masa hidupnya supaya orang yang dinamakan itu mendapat faedah wang insuran itu apabila orang yang mengambil insuran itu mati, (iii) Sebaliknya dalam kes Re Ismail bin Rentah (si mati) (1939) FMSLR 230 dan (1940) MLJ 98, di dalam kes ini si mati telah menjadi ahli syarikat koperatif Pegawai Melayu Perkhidmatan Awam dan telah menamakan anak perempuannya (Maznah) sebagai penama untuk menerima saham dan faedahnya di dalam syarikat itu apabila dia meninggal dunia. Dia telah meninggal dunia dan meninggalkan beberapa orang waris termasuk ibu, bala, anak perempuan, seorang saudara lelaki dan seorang saudara perempuan. Penolong Pendaftar di Kuala Pilah telah memerintahkan saham dan faedah si mati dari syarikat itu dibahagikan kepada waris-warisnya. Rayuan telah dibuat kepada Mahkamah Tinggi dan Hakim Raja Musa telah menolak rayuan itu. Hakim Raja Musa di dalam keputusannya berkata; “Undang-undang Islam adalah sebahagian undang-undang awam negeri. Di bawah undang-undang Islam mengikut kajian saya; (a) Seorang boleh membuat hibah harta yang tertentu masa hayatnya; (b) Hibah yang diberi dalam *marad al-mawt* dianggap sebagai pemberian melalui wasiat; (c) Seorang tidak boleh mewasiatkan lebih dari satu pertiga hartanya; (d) Pemberian lebih dari hak itu adalah tidak sah melainkan waris lain bersetuju; (e) Pemberian kepada seorang waris adalah tidak sah melainkan waris lain setuju. Dalam pendapat saya, surat penama dalam kes ini tidak boleh dianggap sebagai hibah masa hidup oleh kerana tidak ada pindah milik kepada orang yang menerima. Sebaik-baiknya dia boleh dianggap sebagai hibah dalam masa *marad al-mawt*, akan tetapi hibah sedemikian dianggap sebagai tertakluk kepada undang-undang wasiat. Oleh kerana itu, mengikut undang-undang Islam, jumlah wang itu terpulang untuk dibahagikan kepada semua waris”.

¹²³ Gratuiti ialah wang pemberian kerajaan kepada seseorang pegawai kerajaan yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam Malaysia. Wang ini akan dibayar selepas seseorang pegawai atau kakitangan kerajaan itu tamat perkhidmatannya dengan kerajaan. Kadar jumlah wang gratuiti yang akan dibayar kebiasaannya berdasarkan kepada perkhidmatan seseorang pegawai dan gaji mereka yang terakhir. Jumlahnya akan ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengikut kaedah perkiraan yang telah ditetapkan. Sekiranya seseorang pegawai kerajaan menerima wang itu selepas persaraan wajib, maka wang itu menjadi miliknya. Sebaliknya, jika dia meninggal dunia dalam perkhidmatan iaitu sebelum sampai tempoh persaraan wajib, bagaimanakah kedudukan wang gratuiti yang diberikan oleh kerajaan itu? Persoalannya, adakah wang itu dianggap sebagai harta pusaka atau sebaliknya?.

¹²⁴ Menurut peraturan Kementerian Pertahanan Malaysia, seseorang tentera yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas, mereka berhak mendapat wang saguhati sebanyak RM10,000.00 dari Kementerian Pertahanan Malaysia.“Saguhati itu menjadi pusaka dan menjadi hak waris-waris dibahagikan menurut pembahagian faraid dan menurut hukum-hukum yang lain daripada hukum-hukum yang lain daripada hukum-hukum Islam seperti hukum *diyat* pembunuhan, maka diat itu adalah pusaka bagi waris-waris si mati yang menyerupai masalahnya dengan masalah saguhati” (Buku Fatwa Mufti Kerajaan Johor 1936-1961, Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor 1981, h.285).

¹²⁵ Wang simpanan sama ada dalam simpanan bank atau institusi-institusi kewangan yang lain yang tidak dilantik penama, maka wang simpanan itu tidak menimbulkan banyak persoalan kerana ia merupakan harta pusaka si mati yang wajib dibahagikan kepada waris-waris mengikut hukum faraid. Sebaliknya, jika wang simpanan itu dilantik penama seperti caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Haji dan seumpamanya, maka dalam hal ini timbul pelbagai persoalan. Adakah wang

2.4 Penutup

Perkembangan sejarah yang panjang telah mematangkan hukum fiqh dari prinsip pengukuhan perundungan dan amalan masyarakat. Sekalipun berlaku perselisihan pendapat ulama tentang sesuatu perkara, namun tidaklah sehingga menjelaskan prinsip akidah. Perkara ini turut memberi kebaikan kepada perkembangan hukum faraid yang diamalkan secara berbeza-beza menurut pandangan mazhab yang dianuti.

Amalan hukum faraid di Malaysia tertakluk kepada mazhab Syafie dan prinsip keterikatan dengan mazhab ini tidak pernah berubah disebalik perubahan undang-undang pentadbiran pusakanya. Keterikatan ini tidak pula mengganggu proses pembahagian pusaka sedia ada bahkan yang timbul hanyalah masalah-masalah sampingan yang perlu diselesaikan oleh Mahkamah Syariah dan agensi-agensi berkaitan.

KWSP atau simpanan Lembaga Tabung Hajji itu hak penama atau penama-penama sebagai penerima hibah atau wang itu dianggap sebagai harta pusaka yang wajib dibahagi-bahagikan kepada waris-waris mengikut hukum faraid. Dalam perkara penama ini, terdapat dua keputusan Mahkamah Sivil yang bertentangan antara satu sama lain. Dalam kes Re Man bin Minhat dan kes Re Bahadun Hj. Hassan (si mati) dalam kedua-dua kes ini diputuskan bahawa wang tersebut dianggap milik penama. Sebaliknya dalam kes Re Ismail bin Rentah diputuskan bahawa wang itu bukan milik penama, malah wang itu hendaklah dibahagi-bahagikan kepada semua waris mengikut hukum faraid. Keputusan kes kedua ini bersesuaian dengan Fatwa tahun 1973 iaitu “Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insuran dan Syarikat Kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat si mati atau wasi. Mereka boleh menerima wang si mati dari sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian faraid”.

¹²⁶ Wang pencekakitan kerajaan tertakluk kepada Akta Pencek. Wang pencek setelah berlaku kematian kebiasaannya dibayar kepada orang-orang tanggungan si mati semasa hidupnya. Mereka pada lazimnya, isteri kepada si mati, anak-anak si mati yang belum cukup umur dan lain-lain, asalkan orang itu bergantung sara hidupnya kepada si mati. Wang pencek ini tidak difaraidkan oleh kerana ianya tidak dianggap sebagai harta pusaka. Walau bagaimanapun, suatu fatwa boleh dikeluarkan untuk menentukan wang pencek dari masa ke semasa.

BAB TIGA

SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM FARAIID DI NEGERI

KEDAH

3.1 Pendahuluan

Sejak awal abad ke-4 masihi, Kedah telah dikenali dalam pelbagai nama di kalangan pedagang-pedagang asing, antaranya oleh pedagang India¹²⁷, pedagang Arab¹²⁸, ahli pelayaran dan pedagang Cina¹²⁹ dan pengembara Barat¹³⁰. Manakala teori awal mengenai kedatangan Islam ke Kedah telah dibahaskan oleh para sarjana di dalam penulisan masing-masing seperti catatan Winstedt¹³¹, Tun Seri Lanang¹³² dan al-Mas'udi¹³³.

¹²⁷ Kalangan pedagang India menyebutnya sebagai ‘Kataha’, ‘Kadaha’, ‘Kalagam’ dan ‘Kadarai’ di dalam karya-karya kesusastraan India dalam bentuk prosa dan puisi seperti ‘Kathasarit Segara’ dan ‘Pattinapalai’ (Adi Taha, 1991).

¹²⁸ Pedagang Arab termasuk ahli pelayaran dan geografi, nama Kedah dicatatkan sebagai ‘Kalah’, ‘Kalah-bar’ atau ‘Qadah’ yang bermaksud mangkuk atau bekas berisi air atau makanan (J.V. Mills, 1974).

¹²⁹ Kedah disebut sebagai ‘Kiet-cha’ atau ‘Cheih-cha’ seperti yang disebut oleh I-Tsing, seorang pendita Buddha Cina yang pernah tiba di Kedah. Wheatley berpendapat nama Kedah juga disebut sebagai ‘Chiacha’ yang menurutnya pernah mengirimkan utusan mengadap Maharaja China pada tahun 638 masihi (Paul Wheatley, 1961).

¹³⁰ Nama Kedah sebagai ‘Queda’ bermula sekitar abad ke 16 apabila pengembara barat seperti Portugis, Perancis dan Inggeris mula menjelajahi perairan timur sepertimana tercatat dalam peta-peta awal ciptaan mereka (Wan Shamsudin bin Mohd Yusof, 2008).

¹³¹ Beliau menyebut pengislaman Kedah berlaku menurut petikan episod dari buku ‘Sejarah Melayu’ karangan Tun Seri Lanang apabila seorang Raja Kedah (tanpa menyebut namanya) melakukan kunjungan hormat ke istana Melaka pada zaman Sultan Mahmud Shah (1488-1511).

¹³² Tun Sri Lanang turut menyatakan pada bahagian akhir episod tersebut “maka oleh Sultan Mahmud Shah, Raja Kedah dianugerahi persalinan dan dinobatkan sekali” (Tun Seri Lanang, 1982). Namun jika diusul kembali sejarah kesultanan Kedah, nama raja Kedah yang dimaksudkan oleh Tun Seri Lanang ialah Sultan Mahmud Shah II (1506-1546) yang bersemayam di Kota Siputih (Muhammad Hassan bin Dato’ Kerani Muhammad Arshad, 1928).

¹³³ Beliau menyatakan pada tahun 877 masihi terdapat kira-kira 120 ribu hingga 200 ribu orang pedagang Islam dari keketurunan Arab dan Parsi yang menetap di Khanfu (Khanfu terletak di China kemudiannya dikenali sebagai Canton dan kini sebagai Guangzhou) telah berhijrah ke alam melayu ke pelabuhan lebih selamat termasuklah Kedah (Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1961). Penghijrahan tersebut telah meninggalkan kesan di tempat-tempat yang dilalui oleh pedagang dan pendakwah Islam tersebut, sungguhpun belum banyak diketahui, tetapi sedikit sebanyak penyebaran Islam telah disebarluaskan di

Selain itu kesan-kesan peninggalan artifak sejarah turut membuktikan kedatangan Islam adalah lebih awal dari catatan sejarawan barat, misalnya penemuan batu nisan yang terukir nama Syeikh ‘Abdul Qadir ibn Husin Syah Alirah¹³⁴ di Kampung Tanjung Inggeris Pekan Langgar dan binaan masjid purba abad ke 9 masih di Kampung Pengkalan Bujang Kuala Muda yang mengandungi kubah dan anjung di kiri dan kanannya. Penemuan ini membuktikan adanya sifat toleransi pemerintah atau Raja Kedah yang beragama Hindu waktu itu terhadap agama-agama lain termasuk Buddha dan Islam (Wan Shamsudin, 2008).

Bagaimanapun seluruh Kedah secara rasmi menerima Islam bermula pada tahun 531 hijrah (1136 masih) apabila rajanya Seri Paduka Maharaja Derbar Raja II diislamkan oleh Syeikh ‘Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Ja’afar Qaumiri (Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim, 2006) dari Yaman di Kota Bukit Meriam dengan memakai gelaran Sultan Mudzaffar Shah (Muhammad Hassan, 1928) dan fakta ini turut disokong di dalam Hikayat Merong Mahawangsa.

3.2 Peranan Para Ulama di Kedah

Sejak dari awal lagi, melalui pusat-pusat pentadbiran yang sentiasa berubah-ubah di bawah pemerintahan 28 orang sultan, syiar Islam terus berkembang dengan meluasnya di Kedah melalui para ulama yang bukan sahaja bertindak sebagai pendakwah bahkan

tempat-tempat itu sekadar belum begitu pesat (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1990) dan Kedah juga tidak terkecuali daripada menerima pengaruh agama baru ini.

¹³⁴ Menilik kepada tarikh yang tercatat pada batu nisan tersebut ialah 3 Rabi^culawal 291 hijrah bersamaan 24 Januari 904 masih (Zakaria Ali, 1994), menunjukkan syiar Islam bertapak di Kedah terkemudian hanya 65 tahun dari Aceh. Hakikat ini berdasarkan naskhah tua tulisan tangan berjudul “*Izharul-Haq*” karya Ishak Makarani al-Pasai yang menyebut hari Selasa, 1 Muharram 225 hijrah, Perlak (Aceh Tua) telah menerima Islam (A. Hasyimi, 1995).

ada di antaranya sebagai penasihat¹³⁵ kepada pemerintah. Pada peringkat awalnya, kemunculan golongan ulama di Kedah adalah berasal dari luar terutamanya Yaman dan Hijaz di Semenanjung Tanah Arab, namun pada abad ke 19, ramai di antara mereka berasal dari negeri-negeri Melayu lain seperti Pattani, Kalimantan dan Aceh yang berhijrah dan menetap di Kedah.

Wan Shamsudin (2008) menyatakan keamanan dan keselamatan ketika pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) dan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) merupakan galakan penghijrahan golongan ulama tersebut. Kedua-dua pemerintah tersebut juga merupakan perintis pembangunan dan pemodenan Kedah dan merestui pembukaan perkampungan pondok-pondok agama di seluruh negeri.

Di dalam bidang penulisan, ulama silam turut membantu menghasilkan karya-karya bersifat keagamaan dan perundangan¹³⁶, sejarah dan sastera seperti Tuan Haji Muhammad Taib al-Mas'udi Al-Banjari (1800-1880)¹³⁷. Seorang lagi ulama tempatan yang pernah dilantik sebagai Syeikhul-Islam ketiga oleh Kerajaan Kedah ialah Haji Wan

¹³⁵ Penglibatan golongan ulama di dalam pentadbiran negeri adalah sebagaimana diungkapkan Muhammad Hassan (1928) ketika zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) di dalam bukunya Al-Tarikh Salasilah Negeri “Apakala ada suatu pekerjaan yang besar-besar hendak dilaksanakan maka Duli Baginda bermuafakat dengan Wan Ibrahim dan Wan Ismail dan Syed ‘Abdullah Al-Jafri dan Tuan Haji Muhammad Taib, Mufti dan Tuan Haji Muhammad Salleh - ulama”.

¹³⁶ Antaranya Hukum Kanun atau Undang-undang Kedah telah dihasilkan pada tahun 1060 hijrah (1650 masih) pada zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1662-1688) dan pada tahun Dal, Rabi^culawal 1078 hijrah (1667 masih) sebuah lagi kitab perundangan berjudul Tembera Dato’ Seri Paduka Tuan telah disusun Syeikh Alauddin

¹³⁷ Beliau menulis kitab berjudul “*Iqazul-Ghafilin Wanasihatus-Salatin*” pada tahun 1863 yang bersifat sejarah dan ketatanegaraan yang turut bertujuan menasihati para pentadbir negeri. Beliau dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Kedah di zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879). Usaha beliau disambung oleh cucunya yang terkenal Haji Husin Nasir al-Banjari (1864-1936) atau lebih dikenali Tuan Husin Kedah yang turut menulis kitab-kitab berkaitan tauhid, fiqh dan tasawuf (Niamat Yusoff & Wan Shamsudin Mohd Yusof, 1996).

Sulaiman bin Wan Sidik (1874-1935)¹³⁸, selain itu terdapat ramai lagi para ulama tempatan seperti Syeikh Ismail bin Haji Muhammad Salleh (1894-1945), Haji Muhammad Said bin Umar (1854-1932), Haji Muhammad Salleh bin Haji Muhammad Hashim (1864-1944), Haji Abdul Ghani bin Haji Awang (1885-1951) dan Haji Wan Ibrahim bin Wan Abdul Kadir (1892-1968) iaitu sekadar menyebut beberapa nama sedangkan jumlah lebih banyak lagi (Nia'mat & Wan Shamsudin, 1996).

3.3 Peranan Kesultanan Kedah

Kesultanan Kedah mempunyai peranan yang sangat besar di dalam perkembangan perundangan Islam di negeri ini. Sultan Muhammad Jiwa II (1710-1778)¹³⁹ telah melantik Syeikh ‘Abdul Jalil bin ‘Abdul Wahab al-Mahdani dari Yaman menjadi Mufti. Beliau adalah Mufti terawal¹⁴⁰ yang pernah dilantik dalam sejarah Kesultanan Kedah dan jawatan Mufti ini kemudiannya disandang oleh anaknya Syeikh ‘Abdul Kadir bin ‘Abdul Jalil al-Mahdani (Auni Haji Abdullah, 2005). Di atas usaha ulama inilah, sebuah lagi undang-undang bertulis yang berunsur Islam telah dihasilkan dan dinamakan Hukum Kanun Dato’ Kota Setar setelah baginda Sultan mengasaskan pusat pemerintahan di Kota Setar pada 31hb Disember 1735 (Muhammad Hassan, 1928).

Sultan Abdul Hamid Abdul Halim Shah mendapat gelaran ‘Bapa Moden Kedah’ kerana sumbangan baginda membangun dan memodenkan pentadbiran Negeri Kedah

¹³⁸ Beliau telah menghasilkan 20 hasil penulisan yang kebanyakannya berbentuk risalah dan beliau juga bertanggungjawab membuka Madrasah Hamidiyah yang merupakan sekolah agama moden terawal di Kedah pada tahun 1916 (Nia'mat & Wan Shamsudin, 1996).

¹³⁹ Iaitu satu-satunya pemerintah Kedah yang berpendidikan agama dari seberang laut di Jawa dan India.

¹⁴⁰ Ismail Haji Salleh (1996) berpendapat bahawa dalam tahun 1600 masihi, Khalifah ‘Usmaniyah telah menghantar angkatan penobatan yang diketuai ulama ahl-bait yang bernama Syarif Aznan mengadap Sultan Muzaaffar Syah (1547-1602) di Kota Si Putih, selanjutnya Syarif Aznan dilantik menjadi penasihat sultan dalam hal ehwal agama dan Mufti Kedah dengan gelaran Dato’ Seraja Imam.

termasuklah perkembangan Islam. Adinda baginda, Yang Teramat Mulia Tunku Mahmud ibn Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah¹⁴¹ dikenali sebagai kerabat diraja yang kuat mematuhi ajaran agama (Auni, 2005). Baginda Sultan turut memperkenankan pembukaan Madrasah Hamidiah pada tahun 1916 oleh Syeikhul-Islam Wan Sulaiman bin Wan Sidik dan seterusnya Ma'ahad Mahmud pada tahun 1936 oleh Tunku Mahmud (Muhammad Hassan, 1928). Baginda turut bertegas berhubung kandungan perjanjian dalam Perjanjian Persahabatan¹⁴² yang dimeterai pada 1hb November 1923 di antara Kerajaan Kedah yang diwakili Tunku Ibrahim ibn Sultan Abdul Hamid Halim Shah dengan Kerajaan Inggeris di Singapura (Wan Shamsudin Mohd Yusof, 2002) .

Baginda juga telah memperkenankan penubuhan Majlis Negeri (State Council) yang bertujuan menggubal dan melaksanakan undang-undang menubuhkan Pejabat Agama Islam Negeri Kedah bertempat di Limbong Kapal Alor Setar. Mulai tahun 1913 seorang Pegawai Tinggi Agama bergelar Syeikhul-Islam¹⁴³ dengan dibantu oleh seorang Kadhi Besar telah dilantik yang berperanan antara lain menggubal peraturan-peraturan berkaitan Islam, mengeluarkan fatwa, mengawal kegiatan para pendakwah untuk

¹⁴¹ Beliau seorang kerabat diraja yang berpengaruh besar dalam jentera pemerintahan Kedah dan pernah diberi kepercayaan sebagai pemangku raja. Kerana minatnya dalam bidang agama serta pergaulan luasnya dengan golongan ulama, beliau telah diberi kepercayaan menjadi Yang DiPertua Majlis Agama Kedah. Dengan kedudukan ini, beliau banyak memberikan sumbangan dalam mengembangkan ajaran Islam di Kedah dan ini termasuklah bertanggungjawab membina Masjid Zahir pada tahun 1912 yang diilhamkan dari rekabentuk Masjid Aziziah di Langkat Sumatera Utara (Auni, 2005).

¹⁴² Antara fasal-fasal penting dalam perjanjian tersebut, pihak Inggeris yang menaungi Kedah pada waktu itu bersetuju dengan kehendak Sultan Abdul Hamid Halim Shah bahawa bahasa Melayu dan tulisan Jawi menjadi bahasa dan tulisan rasmi dalam urusan pentadbiran negeri.

¹⁴³ Terdapat tiga orang yang memegang jawatan sebagai Syeikhul-Islam iaitu Syeikh Muhammad bin Yusof al-Khayat dan Syeikh Muhammad Dahlan atau Syeikh Abdullah Dahlan, kedua-duanya ulama yang di datangkan dari Mekah (Mohd Isa bin Othman, 2001). Tokoh ketiga yang menjawat jawatan ini ialah Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Sidik dan setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1935, gelaran Syeikhul-Islam telah digantikan dengan Majma^c Syeikh al-Islam atau Masyikhatul-Islam yang dianggotai oleh tiga orang ulama dan salah seorang dari mereka bertindak sebagai ketua dan tokoh pertama yang menganggotainya ialah Syeikh Ismail bin Haji Muhammad Salleh (1894-1945) (Auni, 2005).

menjauhkan ajaran-ajaran sesat dan memastikan jentera pentadbiran telah berjalan dengan licin termasuk di bahagian syariah (Auni, 2005). Institusi keagamaan tersebut diperkemaskan lagi pada tahun 1952¹⁴⁴ ketika pemerintahan Sultan Badlishah ibn Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan pada tahun 1962¹⁴⁵ di bawah pemerintahan Sultan Haji Abdul Hamid Halim Muadzam Shah (Wan Shamsudin, 2008).

3.4 Perkembangan Undang-Undang dan Pentadbiran Islam

Menurut Othman Bin Haji Ishak (1981), setelah Siam memeterai perjanjian dengan British pada tahun 1909, Kedah menjadi sebuah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan mula menerima penasihat British dalam bidang pentadbiran negeri kecuali dalam hal ehwal agama dan adat Melayu. Kedua-dua bidang ini diserahkan kepada sultan untuk mentadbirkannya dan untuk mentadbirkan hal ehwal agama, sultan melantik seorang pembantu yang dikenali sebagai Syeikhul-Islam. Menurut Abdul Kadir (1996) pada zahirnya British berkecuali dalam hal tersebut tetapi pada hakikatnya British telah campur tangan dalam pentadbiran agama dan undang-undang Islam.

Sejak kedatangan British, beberapa siri undang-undang pentadbiran Islam telah diperkenalkan mengikut bentuk atau gaya perundangan British yang telah pun diperkenalkan terlebih dahulu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu

¹⁴⁴ Kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Negeri Kedah yang bertujuan memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam. Majlis ini diketuai kali pertamanya oleh Syeikh Mahmud bin Noh, Kadhi Besar Kedah waktu itu.

¹⁴⁵ Selanjutnya pada tahun 1962, ketika pemerintahan, Tuanku Sultan Kedah ketika ini, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang kedua dibentuk bagi menggantikan majlis sebelumnya di bawah Undang-undang Kerajaan Kedah No.9 Tahun 1962 yang berkuat-kuasa mulai 4hb April 1963. MAIK ditubuhkan untuk membantu dan menasihati Tuanku Sultan selaku Ketua Agama Negeri di dalam perkara-perkara yang bersangkutan agama Islam dan diketuai pertama kalinya oleh Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Latiff (1963-1967).

Bersekutu. Daripada undang-undang atau enakmen-enakmen pentadbiran Islam yang dapat dikesan, ternyata hanya terhad kepada penggubalan undang-undang pentadbiran Islam tentang perkahwinan dan perceraian, hukuman yang boleh dijatuhkan kepada mereka yang melanggar atau meninggalkan ibadat tertentu dan peraturan-peraturan tentang penyebaran agama. Undang-undang Islam yang diluluskan itu tidak melibatkan perkara-perkara tentang muamalat, jenayah dan hudud (Abdul Kadir, 1996).

Di antara enakmen terawal yang diperkenalkan di Kedah dikenali sebagai Muhammadan Marriages (Separation) Enactment 1913 Tahun 1332. Dalam teks bahasa Melayu (jawi) disebut sebagai Undang-undang Shiqaq 1332 (1913)¹⁴⁶ (Ahmad Ibrahim, 1986). Pada tahun 1336H (1917) satu undang-undang tentang penyebaran agama Islam telah diluluskan dikenali Undang-undang Menjaga Orang-orang Luar (Undang-undang No. 119¹⁴⁷) yang dikuatkuasakan hingga 30 Rabi'ul Awal 1353 (13 Julai 1934).

¹⁴⁶ Ahmad Ibrahim di dalam majalah al-Islam keluaran Ogos 1986 halaman 39 menulis tajuk “Ke Arah Penyelarasan Undang-undang Islam Di Malaysia” menyatakan Mohammadan Marriages (Separation) Enactment No. 68; lihat juga edisi Jawi Undang-undang 68 (*Shiqaq*) di perkenalkan melalui enakmen 1332 (1913). Ia kemudian dipinda melalui Enakmen No. 10 Tahun 1337 (1918), seterusnya enakmen ini dimasukkan ke dalam edisi semakan Undang-undang Negeri Kedah yang dikuatkuasakan hingga 30 Rabi'ul Awal 1353 (13 Julai 1934), dikenali sebagai Enakmen No. 68. Enakmen ini mempunyai 13 peruntukan yang memberi kuasa kepada Kadi untuk melantik perunding sebagai orang perantaraan untuk menyelesaikan perselisihan yang berlaku antara suami-isteri, sama ada untuk berdamai, tebus talak atau sebagainya.

¹⁴⁷ Enakmen ini mempunyai 10 peruntukan antara peruntukannya ialah melarang orang-orang yang bukan rakyat negeri Kedah masuk ke negeri tersebut untuk mengajar agama atau membuka sekolah kecuali terlebih dahulu mendapat surat kebenaran daripada wakil Kerajaan British dari tempat orang itu tinggal serta mendapat kebenaran masuk daripada pegawai yang bertugas di stesyen keretapi. Di Kedah, menjaga orang-orang luar yang mengajar agama (Undang-undang No. 119, Seksyen 3), “Habour Master” dan pegawai polis berhak menahan mereka yang melanggar peraturan di atas (Seksyen 4). Peruntukan ini juga memberi kuasa kepada State Council (Majlis Mesyuarat Negeri) membuang negeri terhadap orang asing yang melakukan kesalahan tersebut (Seksyen 5). Sesiapa yang bersubahat membawa orang asing ke negeri tersebut tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan itu, jika didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Kelas Pertama, boleh dikenakan hukuman penjara, sama ada dengan kerja berat atau ringan, tidak lebih daripada satu tahun, atau denda tidak melebihi lima ratus ringgit, atau kedua-duanya sekali (Seksyen 6). Orang-orang asing yang mendapat kebenaran untuk mengajar agama atau membuka sekolah di Kedah daripada wakil Kerajaan British tempat ia tinggal, tidak sekali-kali dibenarkan berbuat demikian, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada State Council Negeri Kedah itu sendiri (Seksyen

Pada tahun 1337H (1918) Kerajaan Negeri Kedah meluluskan pula Undang-undang Mahkamah Syariah¹⁴⁸. Menurut Abdul Kadir (1996), Enakmen ini mempunyai perbezaan dengan enakmen-enakmen yang diluluskan di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain. Undang-undang tentang pentadbiran perkahwinan dan perceraian dan undang-undang kesalahan (offences enactment) di negeri-negeri tersebut digubal dalam dua enakmen yang berasingan iaitu undang-undang tentang perkahwinan dan perceraian biasanya dimasukkan ke dalam undang-undang yang dikenali sebagai The Muhammadan

8). Peruntukan-peruntukan di atas mengenakan hukuman yang berat terhadap mereka yang melanggar peruntukan tersebut, walaupun perkara yang melanggar peruntukan tersebut, walaupun perkara yang dilakukan itu tidak bertentangan dengan Islam.

¹⁴⁸ Undang-undang ini dikuatkuasa melalui undang-undang No. 9 Tahun 1337H (1918). Seterusnya ia telah dipinda melalui undang-undang No. 1 Tahun 1340H (1921), No. 5 Tahun 1349H (1930) dan No. 14 Tahun 1351H (1932). Akhirnya segala pindaan itu dimasukkan ke dalam edisi semakan Undang-undang Negeri Kedah yang terus dikuatkuasakan pada 30 Rabi'ul Awal 1353H (13 Julai 1934). Edisi semakan ini dikenali sebagai Mahkamah Syariah Undang-undang No. 109. Enakmen ini mengandungi 29 peruntukan mengenai pendaftaran perkahwinan dan perceraian, kesalahan meninggal atau melanggar hukum ibadat tertentu, kesalahan melakukan perbuatan maksiat serta kesalahan mengajar agama dan menerbitkan buku-buku agama tanpa kebenaran. Tentang pendaftaran perkahwinan dan perceraian undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa setiap perkahwinan, perceraian dan rujuk mesti dilaporkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh berlakunya perkara tersebut (Seksyen 3, 4 dan 6). Mereka yang melanggar peraturan tersebut boleh dijatuhi hukuman denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan.(Seksyen 7 (i)). Sesiapa yang bersekedudukan selepas talak tiga, boleh dijatuhi hukuman denda tidak melebihi lapan puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun (Seksyen 9). Sesiapa yang tidak hadir sembahyang Juma'at tanpa keuzuran atau kebenaran daripada pegawai masjid, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi seringgit (Seksyen 13). Sesiapa yang tidak berpuasa pada bulan Ramadan, menjual makanan masak sebelum pukul 4.00 petang pada bulan Ramadan, membuka kedai pada pukul 11.30 pagi sehingga belum selesai sembahyang Jumaat, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi sepuluh ringgit (Seksyen 14). Orang yang bertanggungjawab memujuk untuk mlarikan perempuan daripada penjaganya boleh dikenakan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi seratus ringgit (Seksyen 15). Laki-laki yang di dapati bersalah kerana berzina, tanpa melibatkan perbuatan rogol, boleh dihukum penjara tidak lebih daripada setahun atau denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit. Bagi perempuan pula ia boleh dijatuhi humunan denda tidak lebih daripada enam bulan (Seksyen 17). Perempuan yang berkelakuan sundal, jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan bagi kesalahan pertama atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan bagi kesalahan berikutnya; (Ibid., Seksyen 17). Kesalahan berkahwin dengan tunang orang lain, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan (Seksyen 21). Adalah menjadi satu kesalahan menerbitkan kitab-kitab agama tanpa terlebih dahulu diperiksa oleh Sheikh al-Islam dan mendapat kebenaran State Council, demikian juga tentang pengajaran agama Islam (Seksyen 23). Sheikh al-Islam berkuasa dengan persetujuan State Council membuat peraturan bagi orang-orang yang hendak masuk Islam (Seksyen 25 (1)). Seterusnya enakmen ini menerangkan tentang kes-kes yang boleh di dengar oleh Mahkamah Kadi dan kes-kes yang boleh di dengar oleh Mahkamah Awam (Seksyen 27 dan 28).

(Offences Enactment) atau sebagainya sedangkan dalam Undang-undang Mahkamah Syariah ini kedua-dua bidang itu dicantumkan ke dalam satu undang-undang sahaja. Walaupun sebahagian besar daripada peruntukan-peruntukan itu menyentuh tentang urusan pentadbiran, tetapi terdapat sebahagian kecil daripada enakmen itu mempunyai undang-undang substaintif yang bertentangan dengan peruntukan yang termaktub dalam perundangan Islam itu sendiri, khususnya peruntukan yang melibatkan Islam itu sendiri, khususnya peruntukan yang melibatkan perbuatan zina.

Seterusnya undang-undang ini dipinda lagi pada tahun 1952 yang dikenali sebagai The Syariah Courts (Amendment) Enactment, 1371H (1952), Enactment No. 4 of 1371H (1952) dan ia memasukkan enakmen No. 30 di akhir enakmen tersebut. Pada tahun 1948, Kerajaan Kedah telah menggubal satu enakmen tentang penubuhan Majlis Agama dan Adat-Istiadat Melayu yang dikenali sebagai The Council Of Religion and Malay Custom Enactment, 1367 (1948), Enakmen No. 4 of 1367 (1948)¹⁴⁹. Pada tahun 1952, satu pindaan enakmen telah digubal dan enakmen ini dikenali sebagai The Muslim Laws (Amendment), Enactmen 1371H (1952), Enactment No. 3 of 1371 (1952)¹⁵⁰.

Kemudian sama seperti negeri-negeri Melayu yang lain, undang-undang pentadbiran Islam disatukan ke dalam undang-undang yang dikenali sebagai Administration of

¹⁴⁹ Ia mempunyai enam peruntukan dan tujuannya ialah untuk membantu dan menasihati sultan dalam hal-hal tentang Islam dan adat istiadat Melayu. Keahliannya mesti mengandungi tidak kurang daripada sepuluh orang iaitu lima orang terdiri daripada ulama dan lima orang mewakili pihak adat-isitiadat Melayu (Seksyen 2 (1)).

¹⁵⁰ Enakmen ini digubal bagi memasukkan perkataan “Muslim” sebagai menggantikan perkataan “Mohammadan” dan “Religion of Islam” sebagai menggantikan perkataan “Muhammadan Religion”.

Muslim Law Enactmen 1962, Enactment No. 9 of 1962¹⁵¹. Dengan terlaksananya undang-undang ini, maka terbatallah undang-undang berikut iaitu Enakmen No. 25 (Courts), yang khusus tentang Mahkamah Kadi dan Naib Kadi, Enakmen No. 68 Muslim Marriages (Separation), Enakmen No. 109 (Syariah Courts) dan Enakmen No. 4 1367 (Council of Religion and Malay Custom Enactmen).

Menurut Abdul Kadir (1996) pada peringkat awal, enakmen pentadbiran Islam negeri Kedah menumpukan kepada beberapa aspek tertentu tentang Islam, khususnya peraturan yang melibatkan perkahwinan dan perceraian dan kesalahan-kesalahan tertentu yang melibatkan hukum ibadat serta peraturan-peraturan tentang pengajaran agama. Di negeri-negeri Melayu yang lain, kedua-dua bidang ini dimasukkan ke dalam dua teks undang-undang yang berlainan. Berbeza dengan negeri Kedah, kedua-dua bidang ini disatukan ke dalam undang-undang yang dikenali sebagai undang-undang Mahkamah Syariah No. 109. Bagaimanapun perkara pertelingkahan suami isteri dimasukkan ke dalam undang-undang yang berasingan yang dikenali sebagai Undang-undang *Shiqaq*, atau dalam bahasa Inggerisnya Mohammadan Marriages (Separations) Enactmen No. 68.

Berdasarkan beberapa enakmen yang diluluskan di negeri Kedah, ternyata British telah secara langsung campur tangan dalam hal agama di negeri tersebut, khususnya perkara-perkara yang melibatkan dakwah (Undang-undang No.119). Berdasarkan peruntukan

¹⁵¹ Enakmen ini mengandungi 11 bahagian dengan sebanyak 174 peruntukan. Bahagian-bahagiannya; pertama, permulaan; kedua, Majlis; ketiga, Mahkamah Syariah; keempat, Kewangan; kelima, Masjid; keenam, Perkahwinan dan perceraian; ketujuh, Nafkah orang-orang tanggungan; kelapan, Orang-orang yang masuk Islam; kesembilan, Kesalahan-kesalahan dan kesepuluh, Perkara Am.

tersebut, jelaslah British telah campurtangan secara langsung dalam urusan agama negeri kerana jabatan-jabatan tersebut kebanyakannya dikuasai oleh British, manakala Dewan Mesyuarat Undangan Negeri kuat dipengaruhi oleh Penasihat British. Peruntukan dalam perundangan awal inilah yang banyak mempengaruhi undang-undang pentadbiran Islam yang digubal kemudiannya pada tahun 1962 (Abdul Kadir, 1996).

Kerajaan Negeri menubuhkan “Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Negeri Kedah” pada tahun 1952 bertujuan untuk memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam. Kemudian pada zaman awal pemerintahan KDYMM Tuanku Sultan Haji Abdul Hamid Halim Mu’adzam Shah, barulah terbentuknya “Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)” yang kedua¹⁵² berdasarkan Undang-undang Kerajaan Kedah No. 9 Tahun 1962 (Wan Shamsudin, 2008), kemudian penubuhan beberapa jabatan lain seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah¹⁵³ dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (Wan Shamsudin, 2008).

¹⁵² MAIK ditubuhkan untuk menolong dan menasihati KDYMM Tuanku Sultan selaku Ketua Agama Islam Negeri di dalam perkara-perkara yang bersangkut paut dengan Agama Islam. Keanggotaan MAIK terdiri daripada Yang Dipertua, Setiausaha Pejabat Hal Ehwal Agama, Kadi Besar, Pendaftar Sekolah-sekolah Agama, Setiausaha Jawatankuasa Zakat, Setiausaha Baitul Mal dan beberapa orang ahli ulama yang diangkat oleh KDYMM menurut cadangan Yang Dipertua dan beberapa orang ahli yang diangkat oleh KDYMM menurut cadangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan. Semenjak dari penubuhan MAIK sehingga kini terdapat seramai sembilan orang Pegawai Tertinggi Agama dilantik menjalankan tugas Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman seperti senarai berikut; (1) Dato’ Haji Abdul Rahman Bin Haji Abdul Latiff, DPMK., PSB.: 1963 – 1967, (2) Dato’ Syeikh Abdul Halim Bin Haji Othman, DPMK., BCK.: 1967 -1970, (3) Dato’ Paduka Syeikh Abdul Majid Bin Mohd Noor, DHMS., DPMK., PCK. (Dato’ Mursyid Diraja).: 1971 – 1979, (4) Dato’ Syeikh Othman Bin Haji Ibrahim, DSDK., BCK.: 1979 – 1985, (5) Dato’ Syeikh Mohd Yusoff Bin Haji Ismail, DSDK., BCK : 1985-1994, (6) Dato’ Syeikh Abdul Halim Bin Dato’ Haji Abdul Rahman, DSDK., AMK., AMN., BCK.: 1994 – 1996, (7) Dato’ Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh, DGMK., DSDK., BCK.: 1996 – 2003, (8) Dato’ Syeikh Kassim Bin Saad, DSDK., BCK.: 2003 -2005, dan (9) Dato’ Syeikh Uzir bin Baharom Bin Haji Baharom, DSDK., AMK., AMN., BCK.: (Mei 2005 – sekarang).

¹⁵³ Berdasarkan Waran Perjawatan Negeri Bilangan 3/1998 wujudlah Jabatan Mufti Negeri Kedah pada 12 Mei 1998 bermula dengan Sahibul-Samahah Dato’ Paduka Syeikh Abdul Majid Bin Mohd Noor, Dato’ Mursyid Diraja dilantik selaku Mufti Negeri Kedah yang pertama diikuti oleh Sahibul-Sama’ah Dato’

3.5 Peranan Mazhab Di Negeri Kedah

Al-Attas (1969) menyatakan pengislaman Asia Tenggara melalui tiga fasa iaitu di antara tahun 578-805H/1200-1400M sebagai fasa penukaran jasad, fasa kedua di antara tahun 803-1120H / 1400-1700M sebagai penjelasan penukaran jiwa yang memperlihatkan timbulnya ilmu mistik, tasawuf dan kalam dan fasa ketiga dari 1120H/1700M sehingga sekarang yang memperlihatkan penerusan fasa kedua dan rintangan-rintangan dari barat.

Para sarjana Islam menyebut Sumatera Utara menerima Islam pada pertengahan abad ke-13 dan diperkuuhkan melalui laporan Ibn Battutah yang melawat Pasai¹⁵⁴ pada 1345M bahawa Pasai ketika itu diperintah oleh Malik al-Zahir keturunan Malik al-Salih. Menurut Ibn Battutah (t.t), Raja Pasai ketika itu berpengetahuan di dalam agama jika dibandingkan dengan raja-raja dari negara Islam lain. Rita Rose De Meglio (1970) menyatakan raja tersebut adalah pengikut aliran mazhab Syafie dan mendapat nasihat dari para sarjana Islam dari Shiraz dan Isfahan dalam soal agama.

Paduka Syeikh Hasbullah Bin Haji Abdul Halim sebagai Mufti Negeri Kedah yang kedua dan sekarang Dato' Syeikh Bedruddin Bin Haji Ahmad; objektif penuhanan jabatan ini adalah bertujuan melahirkan masyarakat Islam yang berilmu dan berwibawa, mewujudkan fatwa yang benar-benar lengkap, kemas dan sistematik berlandaskan sumber-sumber hukum serta pengalaman fatwa negeri dan negara Islam lain di samping menjadi tempat rujukan yang utama bagi sebarang masalah agama; sebelum ini sebarang urusan fatwa dikendalikan oleh sebuah Jawatankuasa yang dinamakan "Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah" yang ahli-ahlinya dilantik oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah di bawah Seksyen 35 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah Bilangan 9, 1962, namun setelah kewujudan Jabatan Mufti, urusan pengeluaran fatwa dikendalikan sepenuhnya oleh jabatan ini.

¹⁵⁴ Pasai adalah pusat penyebaran Islam di rantau ini sebelum Kesultanan Melaka. Ia diterajui oleh pemerintah yang alim di dalam agama Islam dan mazhab Syafie diisytiharkan oleh Kerajaan Pasai sebagai mazhab rasmi. Maka tidak diragui lagi, penerimaan oleh raja dan istana memberi jalan mudah kepada pengembangan dan penerimaan Islam dan aliran Syafie di rantau ini. Perlu ditegaskan bahawa peranan yang kuat aliran ini di Pasai telah menjadi asas pengembangannya di rantau ini. Setelah Pasai, tugas menerajui penyebaran Islam dan mazhab Syafie diambil alih oleh Melaka (Ahmad Mohamad Ibrahim, Mahmud Saedon & Kamal Hasan, 1990).

Secara umumnya abad ke-15 dan ke-16 menyaksikan proses pengislaman di Asia Tenggara dan dalam masa yang sama aliran Syafie berkembang bersama-sama, sebagaimana yang telah dinyatakan, aliran ini telah diterima oleh pemerintah-pemerintah rantau ini sebagai perkara yang dihormati. Dalam membincangkan proses islamisasi di rantau ini, perlu memahami kepentingan penulisan yang telah memainkan peranan intensif dalam proses tersebut. Penulisan Islam menggunakan tulisan jawi yang berasaskan bahasa Arab dan penulisan ini dikenali sebagai kitab jawi dan peranannya memperkuatkan pengetahuan Islam dan mazhab Syafie sebagai panduan utamanya (Ahmad Mohamad Ibrahim, Mahmud Saedon & Kamal Hasan, 1990).

Ahmad Mohamad Ibrahim, Mahmud Saedon & Kamal Hasan (1990) turut menyimpulkan bahawa ilmu fiqh, tasawwuf dan usuluddin merupakan tiga cabang pengetahuan agama Islam yang mempengaruhi dunia Melayu-Indonesia secara umumnya. Para cendikiawan agama Malayu-Indonesia-Pattani berusaha memahami, mentafsir, menterjemah dan membahaskan teks klasik Arab dan sebelum abad ke-19, para cendikiawan agama bekerja keras menggunakan mazhab Syafie untuk menerangkan perkara-perkara asas seperti ibadat.

Terdapat banyak penulisan fiqh dari mazhab Syafie dan secara umumnya penulisan oleh pakar agama dari Semenanjung Tanah Melayu sehingga abad ke-19 diambil dari buku-buku fiqh seperti *Nihayah al-Muhtaj*, *Mughni al-Muhtaj*, *Fath al-Wahhab* dan *Tuhfah* sebagai sumber rujukan utama. Di atas sebab inilah di dapati tiada perbezaan pendapat berkenaan method penulisan dan pandangan yang diterimakan adalah yang *rajih* dan

mu'tamat berdasarkan mazhab Syafie. Ini menyebabkan perbincangan tentang perbezaan pendapat (*khilafiyah*) tidak menimbulkan banyak masalah. Persoalah *khilafiyah* hanya bermula pada abad ke-20 apabila angin perubahan diterajui oleh Sayyid Jamaluddin al-Afghani, Syeikh Muhammad 'Abduh, Rashid Rida dan lain-lain yang turut memberi kesan kepada orang-orang Islam di Asia Tenggara (Roff, William A., 1967)

Mahmood Zuhdi (1992) menyatakan perbezaan atau perselisihan pendapat yang menjadi asas pembinaan mazhab ini hanyalah merupakan perbezaan pendapat dalam memahami sesetengah nas syarak dan cara bagaimana konsep asasnya harus diterapkan atas permasalahan cabang yang timbul dari semasa ke semasa. Para fuqaha dari setiap mazhab tidak pernah mendakwa bahawa pandangan mereka yang betul dan mesti diikuti, malah mereka tidak pernah meminta orang lain menerima pandangan mereka, bahkan sering menganjurkan supaya umat Islam mengikuti apa sahaja dalil yang boleh membawa kepada kebenaran.

Imam Abu Hanifah pernah berkata "...Inilah sebaik-baik yang dapat kita fahami, siapa yang merasai betul dia boleh menerimanya...", manakala Imam Syafie pernah menggesa pengikutnya supaya membelakangi kesimpulan hukum yang beliau putuskan berasaskan Qias kalau sekiranya didapati mana-mana hadis yang menyalahinya. Imam Malik pula melarang pelajarnya menulis fatwa-fatwa yang dihuraikan beliau kerana mungkin fatwa-fatwa itu akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa manakala Imam Ahmad ibn Hanbal menjelaskan bahawa siapa sahaja boleh berijtihad kerana pintu ijtihad itu tidak pernah ditutup selama-lamanya (Muhammad Abu Zahrah, t.t.).

Apabila perbezaan pendapat tentang hukum berkembang sehingga kepada peringkat para fuqaha berselisih pendapat mengenai sumber hukum dan kaedah penggunaannya, maka asas-asas kepada penubuhan mazhab telah terbina. Setiap aliran berkembang secara tersendiri, terpisah dari aliran yang lain dan mempunyai kelompok ahli hukum tersendiri yang mempunyai ciri-ciri dan kaedah pembinaan hukum yang tersendiri. Namun hakikatnya, aliran-aliran yang wujud masih berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah dan perselisihan hanya dalam hal-hal yang bukan bersifat dasar.

Mahmood Zuhdi (1992) menyimpulkan sifat mazhab-mazhab adalah kemuncak kepada perkembangan yang berlaku sebelum kemunculannya dan mencapai kedudukan hukum Islam ditahap kegemilangan. Melalui penubuhan mazhab-mazhab ini teori dan kaedah pembinaan hukum Islam menjadi lebih jelas dan mantap dan mudah untuk dipelajari dari masa-masa sebelumnya.

3.5.1 Pengaruh Mazhab Syafie Ke Atas Perundangan Islam Di Kedah

Dalam konteks Negeri Kedah, peranan mazhab Syafie terhadap perkembangan perundangan Islam termasuklah hukum faraid amatlah besar. Uzir bin Baharom (Temubual pada 14hb Januari 2010) menyimpulkan hakikatnya pembentukan perundangan Islam di Kedah telah lama terikat dengan mazhab Syafie dan jika ada pendapat dari mazhab lain sekalipun hanya pada perkara-perkara bersifat *maslahah am* yang perlu diputuskan melalui Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK).

Untuk menyimpulkan peranan dan dominasi mazhab Syafie di dalam perundangan Kedah, perlulah merujuk kepada intipati kandungan yang dinyatakan melalui enakmen-enakmen yang dikuatkuaskan di negeri ini dan tidaklah cukup sekiranya sekadar melihat kepada unsur-unsur umum yang wujud di kalangan masyarakat semata-mata (Uzir, 2010). Sepertimana telah disebut di awal bab ini, perkembangan Islam di Kedah berhubungkait dengan kedatangan mazhab Syafie melalui para ulama yang kemudiannya bermastautin di Kedah dan mempelopori penyebaran mazhab ini. Mereka juga merupakan penasihat Sultan di dalam memutuskan hal-hal perundangan Islam, oleh itu tidak hairanlah jika pendapat dari mazhab Syafie merupakan pendapat utama dalam undang-undang bertulis negeri ini.

Undang-undang Tubuh kerajaan Kedah Darul Aman sendiri (Nombor 32/1959 Seksyen 33 A) memperuntukan bahawa Agama Islam Negeri ialah Agama Islam *Ahl al-Sunnah Wal Jama'ah* dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan sebagai Ketua Agama Islam Negeri dan diperuntukkan juga bahawa Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK)¹⁵⁵ hendaklah menolong dan menasihati sultan. Peruntukan ini kekal sehingga sekarang dan diperjelaskan melalui beberapa tafsiran tambahan di bawah lain-lain enakmen yang diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri Kedah dan di bawah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan Kedah.

Terdapat beberapa enakmen yang diluluskan dan berkuatkuasa ketika ini di Negeri Kedah. Penulis akan menerangkan lebih lanjut di bawah huraian Mahkamah Syariah

¹⁵⁵ MAIK ditubuhkan mengikut peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah 1962 (Undang-Undang Negeri Kedah Nombor 9 Tahun 1962).

yang memiliki kuasa perundangan dalam menafsirkan peruntukan undang-undang di dalam keputusan-keputusannya. Namun, secara dasarnya kaedah pemakaian hukum syarak telah diperkuuhkan melalui pernyataan peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang bertulis, bertujuan mengesahkan keautoritian mazhab yang menjadi sandaran hukum.

3.5.2 Pemakaian Hukum Syarak Di Kedah

Peruntukan berhubung tafsiran hukum syarak tidak pernah dinyatakan secara jelas dan khusus di dalam mana-mana perundangan Islam secara bertulis di Kedah sebelum ini¹⁵⁶. Kajian terhadap beberapa enakmen negeri ini mendapati bahawa tafsiran hukum syarak tidak disebut di dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962, yang merupakan enakmen induk kepada mana-mana enakmen selepasnya.

Uzir (2010) menegaskan keadaan demikian berpunca daripada ketidakperluan peruntukan tersebut dibuat kerana secara jelas dan tanpa pertikaian bahawa mazhab Syafie adalah mazhab negeri ini. Sejarah dominasi mazhab Syafie yang kuat dan tebal dibuktikan melalui keputusan dan amalan di kalangan pemerintah, pegawai-pegawai agama dan masyarakat. Namun, keadaan semakin berbeza pada mutakhir ini di mana masyarakat awam mulai jelas dengan pendapat-pendapat mazhab lain dengan wujudnya beberapa keperluan yang mendesak atas prinsip *maslahah ‘am*.

¹⁵⁶ Kecuali berhubung dengan tatacara pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah seperti dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 38 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962.

Kajian juga mendapati tiada tafsiran hukum syarak diperuntukkan di dalam Enakmen Mahkamah Syariah 1983¹⁵⁷ dan Enakmen Mahkamah Syariah 1993¹⁵⁸ kecuali disebut perkataan “Hukum Syarak” secara umum tanpa penjelasan khusus. Apa yang menariknya Enakmen Mahkamah Syariah 1983 adalah satu-satunya enakmen yang mempunyai peruntukan mengenai tafsiran undang-undang Islam negeri¹⁵⁹ yang kemudiannya dimansuhkan oleh Enakmen Mahkamah Syariah 1993.

Perkembangan pembaharuan undang-undang Islam yang berlaku di seluruh negara turut mempengaruhi pembentukan perundangan Islam terkini di Kedah. Peruntukan undang-undang ini telah diselaraskan di seluruh negara bagi memantapkan sistem perundangan Islam dan memperbaiki mana-mana ruang yang menjadi kelemahan kepada perlaksanaannya. Penambahbaikan undang-undang Islam telah memberi kesan yang baik kepada masyarakat dan negera (Abd. Rahman bin Haji Abdullah, Temubual pada 11hb Januari 2010).

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, tiada peruntukan yang menyatakan apakah mazhab yang dikuatkuasakan di negeri ini, namun pada tahun 1hb April 2008, empat

¹⁵⁷ Seksyen 25 Enakmen Mahkamah Syariah 1983 menyebut; “(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan. (2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan dengan jelas, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak”.

¹⁵⁸ Seksyen 25 Enakmen Mahkamah Syariah 1993 menyatakan; “(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan. (2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan dengan jelas, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak”.

¹⁵⁹ Seksyen 2 memperuntukan “Undang-undang Islam Negeri” ertiinya Undang-undang Islam Negeri seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Enakmen ini.Jadual Pertama (1) Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam 1962, (2) Enakmen Aturcara Mal Islam 1979, (3)Enakmen Keluarga Islam 1979, (4) Undang-undang Zakat 1374(1955).

enakmen¹⁶⁰ telah berkuatkuasa dan telah menyatakannya secara jelas. Beberapa seksyen telah memperuntukan makna hukum syarak sebagai mengikut mana-mana perundangan mazhab-mazhab sama ada Syafie, Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Peruntukan-peruntukan tersebut dinyatakan di dalam seksyen-seksyen di bahagian tafsiran dan penegasannya di bahagian pemakaian seperti di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008¹⁶¹ dan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008¹⁶². Manakala terdapat peruntukan yang agak jelas di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1989¹⁶³. Namun demikian peruntukan undang-undang meletakkan mazhab Syafie di hadapan berbanding mazhab-mazhab yang lain.

¹⁶⁰ Empat enakmen tersebut adalah Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan Enakmen Mufti (Kedah Darul Aman) 2008.

¹⁶¹ Seksyen 2(1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan “Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain – “Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali”.

¹⁶² Seksyen 2(1) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan “Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain – “Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali”, dan seksyen 23 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan “(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan. (2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan dengan jelas, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak”.

¹⁶³ Seksyen 2 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1989 menyatakan “Enakmen ini hendaklah dipakai mengikut Hukum Syarak bagi segala pembicaraan Kehakiman di dalam atau di hadapan Mahkamah Kadi dan Mahkamah Rayuan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Mahkamah Syariah 1983”, Seksyen 3 menyatakan “Hukum Syarak ertinya Undang-undang Islam dalam mana-mana Mazhab yang sah” dan Seksyen 100 (1) (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan. (2) Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini atau mana-mana peruntukan di dalam Enakmen ini tidak menyatakan apa-apa perkara dengan jelas, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Syahmi (2010) menyatakan tafsiran susunan bahasa undang-undang berbeza dengan bahasa umum yang digunakan oleh masyarakat. Dalam seksyen-seksyen tersebut walaupun dalam ayat yang sama, namun apabila didahului perkataan mazhab Syafie, maka susunan keutamaan mazhab tetap didahului pendapat mazhab Syafie, kemudian barulah diikuti pendapat mazhab-mazhab yang lain.

Kesimpulannya peruntukan yang menyebut kedudukan mazhab-mazhab yang boleh diamalkan di Kedah adalah jelas dan tidak dipertikaikan. Namun secara hakikatnya, untuk menggunakan pendapat mazhab selain pendapat mazhab Syafie terutamanya di dalam hal-hal lain, termasuklah hukum faraid selain keputusan-keputusan Mahkamah dalam undang-undang kekeluargaan Islam akan menemui kesukaran kerana dikhawatir bertentangan dengan amalan semasa.

3.6 Pentadbiran Pusaka Islam Di Kedah

Pentadbiran pusaka Islam secara umumnya akan melibatkan proses perundangan yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan¹⁶⁴ melalui akta-akta parlimen atau Kerajaan Negeri¹⁶⁵ melalui enakmen-enakmen. Bagi menjelaskan peranan perundangan dan perkaitannya dengan undang-undang pusaka Islam, perlulah merujuk kepada beberapa peruntukan perundangan yang telah digubal bagi menguruskan pentadbiran pusaka.

¹⁶⁴ Kuasa tersebut termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Senarai 1(4)(e), Jadual ke-9 – Senarai Persekutuan.

¹⁶⁵ Kuasa tersebut termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Senarai 2(1) Jadual ke-9 – Senarai Negeri.

Parlimen telah meluluskan dua jenis undang-undang bagi mentadbir pusaka orang Islam dan termasuk bukan Islam iaitu Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Manakala Dewan Undangan Negeri Kedah telah meluluskan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 yang mengandungi peruntukan bagi menyelesaikan pembahagian pusaka melalui hukum faraid. Di peringkat Persekutuan, pihak yang dipertanggungjawabkan melaksanakan akta-akta tersebut adalah Mahkamah Tinggi, Unit Penyelesai Pusaka Kecil di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) serta Amanah Raya Berhad. Manakala di peringkat Negeri tanggungjawab tersebut diletakkan kepada Mahkamah Syariah.

3.6.1 Seksyen Penyelesai Pusaka Kecil

Tuntutan untuk pembahagian harta pusaka kecil bagi orang-orang Islam di buat di Seksyen Penyelesai Pusaka Kecil¹⁶⁶ di Pejabat Pusaka Kecil atau Pejabat Tanah di hadapan Pegawai Penyelesai Pusaka. Pembahagian harta pusaka kecil¹⁶⁷ di buat melalui Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1955 dan telah dikuatkuasa pemakaianya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia secara berperingkat-peringkat¹⁶⁸.

¹⁶⁶ Terdapat 37 unit pembahagian pusaka kecil di seluruh Semenanjung Malaysia. Unit ini diletakkan di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Unit Pusaka Kecil ini mula diwujudkan pada 1hb.Mac 1974.

¹⁶⁷ Harta Pusaka Kecil adalah semua tuntutan harta pusaka si mati meliputi harta tak alih sahaja atau mengandungi campuran harta tak alih dan harta alih dan jumlah nilaiannya tidak melebihi RM2,000,000.00.

¹⁶⁸ Umpamanya di Kelantan pada 1hb. Disember 1955, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu pada 1hb. Julai 1957, Kedah pada 1hb. Ogos 1962, Pulau Pinang pada 1hb. Ogos 1965 dan Melaka pada 30hb. Disember 1965. Pindaan terhadap akta ini telah dibuat berkuat-kuasa 1hb September 2009 di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)(Pindaan) 2008 (Akta 1331) dan membatalkan pemakaian seksyen-seksyen berkaitan akta yang terdahulu.

Akta ini mengandungi 34 seksyen atau peruntukan dan mengandungi lima bahagian¹⁶⁹, dan peraturan dan perjalanan perbicaraan harta pusaka kecil adalah dijelaskan dalam peruntukan seksyen 11, 12, 13, 14 dan 15, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Terdapat peruntukan umum berkaitan pemakaian hukum faraid di dalam proses pembahagian pusaka yang menyatakan bahawa “fatwa-fatwa boleh diminta apabila perlu daripada pihak-pihak tertentu untuk menentukan status agama dan undang-undang peribadi yang dipakai terhadap penurunan harta pusaka si mati”.

Menurut subseksyen 12(7), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Pegawai Penyelesa Pusaka (pemungut) hendaklah menentukan undang-undang yang terpakai¹⁷⁰ kepada penurunan harta pusaka si mati dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang itu adalah benefisiari-benefisiari dan kadar syer serta kepentingan masing-masing. Manakala di dalam menguruskan pembahagian harta pusaka kecil, Pegawai Penyelesa Pusaka hendaklah di samping memahami peruntukan di dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, perlulah juga memahami beberapa undang-undang lain yang berkaitan¹⁷¹. Keseluruhannya, kebanyakan proses pengurusan pusaka

¹⁶⁹ Lima bahagian tersebut adalah (i) Bahagian I - Permulaan, (ii) Bahagian II - Pentadbiran Harta Pusaka Kecil, (iii) Bahagian III - Peruntukan-peruntukan Khas berhubung dengan Negeri Sembilan, (iv) Bahagian IV Peruntukan-peruntukan Khas berhubung dengan Sabah, dan (v) Bahagian V- Pelbagai.

¹⁷⁰ Antaranya, (i) Pembahagian adalah mengikut hukum syarak (faraid) bagi orang-orang Islam, terutamanya menurut surah an-Nisa' (4), ayat 5,7,11,12,176 dan surah al-Baqarah (2), ayat 282, (ii) Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri-negeri, seperti untuk mendapatkan keputusan tentang harta sepencarian, (iii) Pembahagian pusaka mengikut Customary Tenure Enactment (Cap.215), (iv) Peruntukan tertentu menurut Jadual ke-3 Seksyen 34 dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (v) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (vi) Peruntukan dalam Enakmen Tanah Simpanan Melayu yang menghadkan penurunan milik kepada orang-orang Melayu sahaja, (vii) Pembahagian secara muafakat boleh dibuat sekiranya semua waris bersetuju, (viii) Pembahagian harta pusaka anak watan Sabah adalah tertakluk kepada Mahkamah Adat Negeri Sabah dan Ordinan Tanah Negeri Sabah (jika berkaitan dengan tanah adat), (ix) Ordinan Pembahagian 1958 bagi orang-orang bukan Islam.

¹⁷¹ Antaranya, (i) Akta Umur Dewasa 1971 (No.21/1971), (ii) Enakmen Duti Harta Pusaka 1941 (Cap.7/1941), (iii) Ordinan Anak Angkat 1952 (No.41/52), (iv) Akta Kesahtaraan Anak 1961

berjaya diselesaikan melalui unit penyelesai pusaka kecil walaupun terdapat beberapa masalah seperti yang dinyatakan sebelum ini (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006).

3.6.2 Mahkamah Tinggi (Sivil)

Mahkamah Tinggi (Sivil) mempunyai kuasa untuk menguruskan pembahagian pusaka bagi harta pusaka yang ditafsirkan sebagai harta pusaka besar (biasa)¹⁷². Undang-undang yang digunakan dalam menentukan pembahagian harta pusaka besar (biasa) adalah sama dengan undang-undang yang dilaksanakan dalam pembahagian harta pusaka kecil.

Undang-undang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka besar (biasa) ialah Akta Probet dan Pentadbiran 1959¹⁷³ yang memperuntukkan cara-cara untuk mendapatkan Surat Kuasa Probet atau Surat Kuasa Tadbir, di mana permohonan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun cara pembahagian harta pusaka orang-orang Islam hendaklah mengikut hukum syarak (faraid) dan Mahkamah Syariah masih dikehendaki membantu urusan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam dalam menentukan bahagian-bahagian faraid, mengesahkan sesuatu nazar, wasiat dan membuat keputusan berkenaan dengan harta sepencarian.

(No.60/1961), (v) Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961, (vi) Ordinan Batasan Waktu 1959 (No.4/59), (vii) Akta Kontrak 1950 (No.136/1950), (viii) Akta Keterangan 1950 (No.56/1950), (ix) Kanun Tanah Negara 1965 (No.56/65), (x) Ordinan Wasiat 1959 (No.38/59), (xi) Akta Undang-undang Sivil 1956 (No. 67/56), (xii) Undang-undang Keluarga Islam, (xiii) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, dan (xiv) Undang-undang Keterangan Syariah.

¹⁷² Harta Pusaka Besar adalah harta pusaka yang jumlah nilaiannya lebih daripada RM2,000,000.00 sama ada terdiri daripada harta alih atau harta tak alih, ataupun harta pusaka yang jumlah nilaiannya kurang daripada RM2,000,000.00 tetapi si mati ada meninggalkan wasiat.

¹⁷³ Akta ini telah dikuatkuasakan pemakaianya di seluruh Semenanjung Malaysia pada 1hb. Februari 1960.

3.6.3 Amanah Raya Berhad (ARB)

Menurut peruntukan undang-undang Amanah Raya Berhad (ARB)¹⁷⁴ bertanggungjawab untuk menguruskan pembahagian harta pusaka ringkas¹⁷⁵. Permohonan untuk penyelesaian dan pembahagian harta pusaka ringkas hendaklah dibuat melalui Pegawai Pentadbir Pusaka (Pengarah Perbadanan Amanah Raya Berhad) menurut peruntukan seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

Undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka ringkas ialah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, dan terdapat peruntukan khas dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 yang memberi kuasa kepada Pegawai Pentadbir Pusaka atau Pemegang Amanah Raya untuk mentadbir dan menyelesaikan harta pusaka ringkas ini tanpa perlu membuat permohonan surat kuasa tadbir kepada Mahkamah Tinggi. Selain itu, Amanah Raya Berhad juga mempunyai bidang-kuasa di bawah beberapa undang-undang¹⁷⁶, namun kaedah pembahagian harta pusaka yang dibuat kepada waris-waris yang berhak masih tertakluk sepertimana yang dinyatakan dalam sijil faraid yang dikeluarkan Mahkamah Syariah.

¹⁷⁴ Amanah Raya Berhad adalah sebuah syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532) dan dikorporatkan di bawah Akta Syarikat 1965. Amanah Raya Berhad beroperasi sebagai sebuah syarikat pada 1hb. Ogos 1995 selepas ia dikorporatkan. Sebelum itu, Amanah Raya Berhad merupakan sebuah jabatan kerajaan yang dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia yang telah wujud sejak tahun 1921.

¹⁷⁵ Harta pusaka ringkas ialah harta pusaka tanpa wasiat yang jumlah nilaiannya tidak melebihi RM600,000.00 yang terdiri daripada harta alih sahaja.

¹⁷⁶ Antaranya, (i) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532), (ii) Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208), (iii) Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97), (iv) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), (v) Akta Pembahagian 1958 (Akta 300), dan (vi) Akta Wasiat 1959 (Akta 346).

3.6.4 Mahkamah Syariah

Seperti yang telah diterangkan di dalam bab kedua, secara ringkasnya bahawa bagi mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam atau hukum syarak yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, maka negeri-negeri wajib menubuhkan Mahkamah Syariah Negeri-negeri

Mahkamah Syariah wujud bersama-sama dengan mahkamah biasa dalam sistem Persekutuan tetapi ia diletakkan di bawah tanggungjawab negeri-negeri dan mempunyai bidang-kuasa hanya kepada orang-orang Islam sahaja terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan hukum syarak atau undang-undang diri orang-orang Islam seperti dijelaskan dalam senarai 2(1), Jadul ke-9 Perlembagaan Persekutuan (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006).

Dalam pentadbiran dan penyelesaian kes-kes pusaka orang Islam, Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa memperaku dan mengesahkan bahagian-bahagian yang akan diperolehi oleh waris-waris (benefisiari-benefisiari) dalam bentuk ‘Sijil Faraid’ atau ‘Perakuan Ahli Waris’ sahaja. Di samping itu di dalam penyiasatannya¹⁷⁷ terhadap

¹⁷⁷ Di antaranya termasuklah sebab-sebab pusaka mempusakai dan halangan-halangannya, hak-hak yang berkaitan dengan harta pusaka sebelum dibahagikan kepada waris-waris yang berhak, waris-waris yang berhak kepada harta pusaka si mati dan kadar bahagian yang masing-masing mereka berhak sama ada $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{8}$, $\frac{1}{3}$, $\frac{2}{3}$, $\frac{1}{6}$ atau $\frac{1}{3}$ baki, mengenal-pasti waris-waris *asabah* yang akan menerima baki harta pusaka setelah dibahagikan harta pusaka si mati kepada waris-waris *fardu* (*ashab al-furud*), mempastikan waris-waris yang berhak terdekat hubungannya dengan si mati akan memperolehi harta pusaka dengan menggunakan kaedah *al-hijb* sama ada *hijb nuqsan* atau *hijb hirman*, Baitul Mal berhak menerima harta pusaka si mati yang beragama Islam jika si mati tidak meninggalkan waris-waris *ashab al-furud* atau *ashab al-'asabah*, atau jika harta pusaka itu tidak dapat dihabiskan oleh waris-waris *ashab al-furud* maka Baitul Mal lebih berhak menerima harta pusaka si mati beragama Islam berbanding dengan waris-waris *dhawi al-arham* (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006).

permohonan faraid Mahkamah Syariah bertanggungjawab menyelesaikan beberapa perkara menurut hukum syarak.

3.7 Mahkamah Syariah Negeri Kedah

Di Negeri Kedah, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan diberi kuasa menubuhskan Mahkamah Syariah sama ada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah di atas nasihat Majlis (Majlis Agama Islam Kedah) seperimana diperuntukan menurut seksyen 3 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008¹⁷⁸.

Mahkamah Syariah bertindak di dalam ruang bidang kuasanya sama ada melalui peruntukan Persekutuan atau Negeri. Punca-punca kuasa ditafsirkan sebagai peruntukan undang-undang yang telah memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk bertindak dalam melaksanakan sesuatu proses perundangan (Syahmi, 2010). Bidang kuasa Mal Mahkamah Syariah telah diperuntukkan secara umum dalam Senarai 2(1) Jadual ke-9 – Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, manakala perinciannya diperuntukan di peringkat negeri di mana bidang kuasa Mal Mahkamah Syariah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 menurut seksyen 6¹⁷⁹, 13(3)(b)¹⁸⁰ dan 18¹⁸¹.

¹⁷⁸ Seksyen ini menyebut; “(1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melalui kaedah pemberitahuan dalam *Warta* menubuhskan Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri Kedah Darul Aman di tempat-tempat yang difikirkan patut, (2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melalui kaedah pemberitahuan dalam *Warta* menubuhskan Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Kedah Darul Aman, (3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melalui kaedah pemberitahuan dalam *Warta* menubuhskan Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Kedah Darul Aman”.

¹⁷⁹ Bidang kuasa Mal Mahkamah Rayuan Syariah menurut seksyen 6 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008; “(1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk

Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, jelaslah bahawa Mahkamah Syariah negeri-negeri mempunyai bidang kuasa Mal mengenai perkara-perkara yang telah dinyatakan di bawah Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008. Ini termasuklah bidang kuasa pembahagian dan perwarisan harta pusaka sama ada mengandungi wasiat dan tak berwasiat serta penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak.

3.8 Penutup

Sejarah perkembangan hukum faraid di Negeri Kedah adalah seiring dengan perkembangan hukum faraid di Malaysia terutamanya dalam perkara pentadbiran

mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya. (2) Apabila suatu rayuan daripada suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan Undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu. (3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan sebagaimana yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu”.

¹⁸⁰ Bidang kuasa Mal Mahkamah Tinggi Syariah menurut seksyen 13(3)(b) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008; dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubung dengan – (i)...(ii)...(iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahteraan, atau penjagaan atau jagaan (*hadanah*) anak-anak; (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian; (v) wasiat atau alang semasa *marad al-mawt* seseorang si mati Islam; (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam; (vii) wakaf atau *nazr*; (viii) pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat; (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak; (x)...(xi)...(xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana Undang-undang bertulis.

¹⁸¹ Bidang kuasa Mal Mahkamah Rendah Syariah menurut seksyen 18 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008; “(2)(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amanun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan *hadanah* atau harta sepencarian)”, (3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah”.

pembahagian pusaka. Walau bagaimanapun perkembangannya di Negeri Kedah lebih bersifat tersendiri kerana peranan pelbagai pihak dalam memastikan keutuhan pendapat mazhab Syafie terpelihara.

Agensi-agensi Persekutuan yang terlibat dalam pentadbiran pembahagian pusaka turut terikat dengan prinsip tersebut di Negeri Kedah. Mahkamah Syariah sebagai institusi yang berpengaruh dalam memutuskan hukum faraid disaran perlu bersifat terbuka dalam menerima pendapat mazhab selain mazhab Syafie terutamanya dalam urusan melibatkan waris *dhawi al-arham*.

BAB EMPAT

KEDUDUKAN *DHAWI AL-ARHAM* DALAM SISTEM FARAID

4.1 Pendahuluan

Sistem faraid yang diamalkan di Malaysia adalah bersumberkan pendapat fiqh dari mazhab Syafie. Pandangan mazhab-mazhab yang sealiran dengan pandangan mazhab Syafie dalam sistem faraid adalah turut dipatuhi. Kedapatan beberapa pandangan mazhab lain yang ditolak oleh pendapat mazhab Syafie seperti *al-rad* dan *dhawi al-arham* yang akan dinyatakan di dalam bab ini.

Berkaitan keutamaan hukum ini, Rasulullah s.a.w ada bersabda yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah Bin Mas’ud r.a, maksudnya: “Pelajarilah al-Quran dan ajarkanlah ia kepada manusia dan pelajarilah ilmu faraid dan ajarkanlah ia kepada manusia. Sesungguhnya manusia yang akan digenggam (diwafatkan) dan sesungguhnya ilmu tersebut akan digenggam (dicabut), dan nanti akan timbul fitnah-fitnah, sehingga nanti akan tiba masanya apabila dua orang berselisih mengenai pembahagian harta pusaka, tidak ada orang yang dapat menyelesaikan antara keduanya” (al-Naisaburi, t.th.).

4.2 Definisi Faraid

Faraid berasal daripada perkataan Arab iaitu jamak kepada *faraidah* (فِرَائِضَةٌ) dan asalnya daripada perkataan *fard* (فرض) yang bererti *al-taqdir* (النَّقْدِيرُ) yang bermakna yang ditakdirkan atau yang ditentukan. Pelbagai kaedah telah diwujudkan oleh para ulama di dalam kitab-kitab karangan mereka berhubung perbahasan definisi faraid. Faraid juga

dinamakan sebagai ilmu perwarisan (*ilmu al-mirath*) (علم الميراث) atau ilmu yang berkaitan dengan harta peninggalan si mati (*ilmu al-tarikah*) (علم التركة). Faraid terbentuk daripada kombinasi dua ilmu iaitu ilmu fiqh dan ilmu matematik, manakala ilmu fiqh pula dikhususkan kepada dua ilmu iaitu ilmu nasab dan ilmu fatwa. Justeru itu, ilmu faraid adalah kombinasi tiga ilmu yang disatukan iaitu ilmu nasab, ilmu fatwa dan ilmu matematik (Al-Marbawi, 1940).

Perlaksanaan faraid tertakluk kepada rukun-rukun pusaka dan sebab-sebab pusaka mempusakai, para ulama telah menetapkan rukun pusaka kepada tiga perkara iaitu pertama; si mati, sama ada mati hakiki¹⁸² atau mati hukmi¹⁸³, kedua; waris iaitu wujud atau hidup waris-waris yang akan mewarisi harta pusaka si mati sama ada mewarisi tersebut didasarkan sebab-sebab perkahwinan atau keturunan/kerabat atau pembebasan hamba tertakluk kepada syarat-syarat dan halangan dari menerima pusaka, dan ketiga; harta, iaitu semua peninggalan si mati yang menjadi miliknya, semasa hayatnya sama ada harta benda, hak kepunyaan, ikhtisas, begitu juga apa yang termasuk ke dalam miliknya setelah dia mati (Abdul Kadir Haji Ismail, 1983).

Disamping itu syarat-syarat dan halangan dari menerima pusaka akan menentukan prinsip seseorang itu berhak menerima pusaka si mati atau tidak. Dalam perkara ini telah

¹⁸² Mati hakiki ialah kematian yang sebenar iaitu kematianya disaksikan dan nyata serta tidak dipertikaikan. Di dalam konsep moden, kematianya dibuktikan dengan mengemukakan sijil kematian atau permit menguburkan yang dikeluarkan pihak berkuasa.

¹⁸³ Mati hukmi ialah kematian yang tidak disaksikan kematianya atau kematianya tidak dapat dibuktikan dengan nyata seperti masalah orang hilang (*mafqud*) tetapi dihukumkan sebagai telah mati oleh hakim melalui anggapan kematian. Konsep ini di Malaysia tertakluk kepada Seksyen 108 Akta Keterangan 1950 (disemak 1971) iaitu seseorang itu dianggap mati berkuat-kuasa pada tarikh hakim mengeluarkan perintah dan bukannya pada tarikh seseorang itu didapati hilang (Abdul Rashid Haji Abdul Latif, 1987).

timbul beberapa permasalahan yang telah diputuskan oleh para ulama seperti mati bersama¹⁸⁴, anak dalam kandungan¹⁸⁵, waris hilang (*mafqud*)¹⁸⁶, membunuh¹⁸⁷, berlainan agama¹⁸⁸ dan murtad¹⁸⁹.

4.3 Kaedah Pembahagian Faraid

Menurut hukum faraid proses menentukan waris dan menentukan kadar bahagian yang diperoleh oleh waris-waris telahpun diputuskan melalui al-Qur'an, al-Sunnah dan ijma'. Waris terdiri daripada waris-waris lelaki¹⁹⁰ dan waris-waris perempuan¹⁹¹ dan sekiranya

¹⁸⁴ Sekiranya berlaku kematian bersama, misalnya dalam kemalangan jalan raya, bot karam di lautan, nahas kapal terbang, gempa bumi, tanah runtuh, perang, bencana tsunami, wabak penyakit dan sebagainya dan tidak diketahui dengan tertib kematian iaitu tidak diketahui siap yang mati dahulu dan siap pula kemudian, maka hukumnya tiada pusaka mempusakai di antara mereka (Al-Sabuni, Muhammad 'Ali, 1987).

¹⁸⁵ Anak di dalam kandungan juga boleh mewarisi dengan dua syarat iaitu (i) anak dalam kandungan itu hendaklah dilahirkan hidup berdasarkan hadis: اَذَا اسْتَهِلَ الْمُوْلُودُ وَوُرِثَ, maksudnya "Apabila kanak-kanak itu bersuara, diberi pusaka" (Al-Faqa, Muhammad Hamid, t.th), dan (ii) anak dalam kandungan itu telah wujud di dalam perut ibunya semasa pemilik harta mati (Al-Ghamzawi, Muhammad al-Zahri, 1933 dan Al-Ansari, Abi Yahya Zakaria, t.th).

¹⁸⁶ Kedudukan waris yang hilang dan tidak diketahui di mana berada, dan tidak dapat dipastikan sama ada hidup atau mati, hukumnya dianggap masih hidup (kerana asalnya hidup) kecuali setelah dibuktikan kematianya melalui mati hukmi (Wan Abdul Halim, 2006).

¹⁸⁷ Ulama telah bersepakat mengatakan bahawa membunuh adalah perkara yang menghalang seseorang itu daripada mewarisi pusaka berdasarkan hadis: لَا يُرِثُ الْفَاقِلُ شَيْئًا, maksudnya "Tidak mewarisi orang yang membunuh itu sesuatu (dari pusaka)" (Al-Syawkani, t.th).

¹⁸⁸ Berlainan agama juga menghalang seseorang waris itu daripada mewarisi pusaka berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w:

وعن أسماء بن زيد رضي الله تعالى عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لا يرث المسلم الكافر ، و لا يرث الكافر المسلم . متفق عليه .
Maksudnya; "Dari 'Usamah bin Zaid r.a bahawasanya Nabi s.a.w bersabda; orang Islam tidak mewarisi orang kafir dan orang kafir tidak mewarisi orang Islam, muttafaq 'alaih" (Al-Faqa, t.th). Bagaimanapun, amalan di Malaysia berdasarkan Akta 1004 Distribution (Amendment) Act 1997 yang berkaitan harta orang-orang bukan Islam, tidak menyebut tentang orang-orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang-orang bukan Islam (Wan Abdul Halim, 2006).

¹⁸⁹ Murtad bermakna keluar daripada agama Islam dan seseorang yang murtad tidak berhak mewarisi pusaka pemilik harta yang beragama Islam, jumhur ulama turut berpendapat, harta orang-orang murtad tidak boleh diwarisi tetapi dikembalikan kepada Baitul Mal dan dinamakan harta *fai* (harta rampasan) (Al-Sabuni, 1987), bagaimanapun menurut mazhab Hanafi, harta yang diperoleh sebelum seseorang itu murtad boleh dibahagi kepada waris-waris manakala yang diperoleh selepas murtad dikembalikan kepada Baitul Mal (Al-Syawkani, t.th).

¹⁹⁰ Waris lelaki terdiri daripada 15 orang iaitu (i) anak lelaki, (ii) cucu lelaki daripada anak lelaki dan ke bawah, (iii) bapa, (iv) datuk sebelah bapa (bapa kepada bapa) dan ke atas, (v) saudara lelaki seibu seapa, (vi) saudara lelaki seapa, (vii) saudara lelaki seibu, (viii) anak saudara lelaki seibu seapa dan ke bawah, (ix) anak saudara lelaki seapa dan ke bawah, (x) bapa saudara seibu seapa, (xi) bapa saudara seapa,

seseorang lelaki meninggalkan kesemua waris lelaki dan perempuan, waris yang berhak mewarisi pusaka adalah seramai lima orang sahaja iaitu suami atau isteri, bapa, ibu, anak lelaki dan anak perempuan, manakala waris lain gugur atau terdinding.

Waris-waris mewarisi pusaka dengan dua cara iaitu secara *fardu* dan secara ‘asabah. Kadar bahagian secara *fardu* yang telah ditetapkan di dalam al-Quran ialah sebanyak 6 bahagian dan termasuklah di dalamnya dinyatakan secara terperinci waris-waris yang berhak terhadap bahagian-bahagian *fardu* tersebut dan konsep pendindingan atau *hijb* sama ada *hijb hirman*¹⁹² (الحجب الحرمان) atau *hijb nuqsan*¹⁹³ (الحجب النقصان) iaitu 1/2 bahagian¹⁹⁴, 1/3 bahagian¹⁹⁵, 2/3 bahagian¹⁹⁶, 1/4 bahagian¹⁹⁷ (النصف) (الثلث) (الثلثان) (الربع)

(xii) anak lelaki kepada bapa saudara sebu seba dan ke bawah, (xiii) anak lelaki kepada bapa saudara seba dan ke bawah, (xiv) suami, dan (xv) tuan (lelaki) yang membebaskan hamba.

¹⁹¹ Waris perempuan terdiri daripada 10 orang iaitu (i) anak perempuan, (ii) cucu perempuan daripada anak lelaki dan ke bawah, (iii) ibu, (iv) nenek sebelah ibu dan ke atas, (v) nenek sebelah bapa dan ke atas, (vi) saudara perempuan seibu seberapa, (vii) saudara perempuan seberapa, (viii) saudara perempuan seibu, (ix) isteri, dan (x) tuan (perempuan) yang membebaskan hamba.

¹⁹² *Hijb hirman* atau pendindingan semua bermakna seseorang waris itu gugur sama sekali daripada mendapat pusaka dengan sebab adanya waris lain yang lebih hampir atau lebih kuat daripadanya, misalnya anak lelaki mendindingkan cucu, bapa mendindingkan datuk kerana anak lelaki lebih hampir dengan si mati berbanding cucu dan bapa lebih dekat kepada si mati berbanding dengan datuk (Wan Abdul Halim, 2006).

¹⁹³ *Hijb nuqsan* atau pendindingan kurang bermakna seseorang waris itu mendapat bahagian yang kurang (daripada banyak kepada sedikit) dengan sebab adanya waris lain, misalnya suami mendapat 1/2 bahagian tetapi terdinding sebahagiannya oleh anak yang menyebabkan suami mendapat kurang iaitu 1/4 bahagian. Terdapat 7 orang waris yang terlibat dalam pendindingan kurang antaranya 5 orang waris *fardu* dan 2 orang waris *'asabah*. Waris-waris *fardu* yang terlibat ialah suami, isteri, ibu, cucu perempuan dan saudara perempuan sebapa, manakala waris *'asabah* yang terdinding daripada mendapat *'asabah* kepada bahagian yang tertentu (*fardu*) ialah bapa dan datuk (Wan Abdul Halim, 2006).

¹⁹⁴ Waris-waris yang difardukan 1/2 bahagian ada 5 golongan iaitu suami; sekiranya si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya, seorang anak perempuan; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang meng ‘asabahkannya’ iaitu anak lelaki, seorang cucu perempuan; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang meng ‘asabahkannya’ iaitu cucu lelaki dan tidak ada yang mendindingkannya iaitu anak lelaki atau dua orang atau lebih anak perempuan, seorang saudara perempuan seibu seba; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang meng ‘asabahkannya’ iaitu saudara lelaki seibu seba dan tidak ada waris yang membolehkannya menjadi ‘asabah ma a al-ghair’ (عصبة مع الغير) iaitu anak perempuan atau cucu perempuan dan juga tidak ada waris yang mendindingkannya iaitu anak lelaki, cucu lelaki dan bapa, seorang saudara perempuan seba; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang meng ‘asabahkannya’ iaitu saudara lelaki seba dan tidak ada waris yang membolehkannya menjadi ‘asabah ma a al-ghair’ (عصبة مع الغير) iaitu anak perempuan atau cucu perempuan dan tidak ada waris yang mendindingkannya iaitu anak lelaki, cucu lelaki, bapa, saudara lelaki seibu seba, saudara perempuan

bahagian¹⁹⁷, 1/6 bahagian¹⁹⁸ dan 1/8 bahagian¹⁹⁹. Terdapat juga bahagian 1/3 baki (الثلث باقى)²⁰⁰ dan beberapa permasalahan khusus di dalam faraid seperti

seibu sebapa yang menjadi ‘asabah ma’ al-ghair (عصبة مع الغير) dan dua orang atau lebih saudara perempuan seibu sebapa.

¹⁹⁵ Waris-waris yang difardukan 1/3 bahagian ada 2 golongan iaitu ibu: sekiranya si mati tidak meninggalkan keketurunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu cucu, anak atau seterusnya, atau sekiranya si mati tidak meninggalkan dua orang atau lebih saudara lelaki atau perempuan sama ada seibu sebapa, sebapa atau seibu, atau campuran di antara ketiga-tiga jenis saudara tersebut, dan dua orang saudara seibu atau lebih sama ada lelaki atau perempuan: sekiranya si mati tidak meninggalkan keketurunan ke bawah, sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya atau keketurunan lelaki ke atas iaitu bapa, datuk dan seterusnya.

¹⁹⁶ Waris-waris yang difardukan 2/3 bahagian ada 4 golongan iaitu dua orang perempuan atau lebih; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang mengashabahkan mereka iaitu anak lelaki, dua orang cucu perempuan; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang mengashabahkan mereka iaitu cucu lelaki dan tidak ada waris yang mendindingkan mereka iaitu anak lelaki atau dua orang anak perempuan atau lebih, dua orang saudara perempuan seibu sebapa atau lebih; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang mengashabahkan mereka saudara lelaki seibu sebapa dan tidak ada waris yang membolehkan mereka menjadi ‘asabah ma’ al-ghair (عصبة مع الغير) iaitu anak perempuan atau cucu perempuan, juga tidak ada waris yang mendindingkan mereka iaitu anak lelaki, cucu lelaki dan bapa, dan dua orang saudara perempuan sebapa atau lebih; sekiranya si mati tidak meninggalkan waris lelaki yang meng‘asabahkan mereka iaitu saudara lelaki sebapa dan tidak ada waris yang membolehkan mereka menjadi ‘asabah ma’ al-ghair (عصبة مع الغير) iaitu anak perempuan atau cucu perempuan, juga tidak ada waris yang mendindingkan mereka iaitu anak lelaki, cucu lelaki, bapa, saudara lelaki seibu sebapa, dua orang saudara perempuan seibu sebapa atau lebih dan saudara perempuan seibu sebapa yang menjadi ‘asabah ma’ al-ghair (عصبة مع الغير).

¹⁹⁷ Waris-waris yang difardukan 1/4 bahagian ada 2 golongan iaitu suami: sekiranya si mati meninggalkan keketurunan ke bawah, sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya, dan isteri: sekiranya si mati tidak meninggalkan keketurunan ke bawah, sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya.

¹⁹⁸ Waris-waris yang difardukan 1/6 bahagian ada 7 golongan iaitu bapa; sekiranya si mati meninggalkan keketurunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya, datuk; sekiranya si mati meninggalkan keketurunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya dan tidak ada yang mendindingkannya iaitu bapa, ibu; sekiranya si mati meninggalkan keketurunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya, demikian juga sekiranya di si mati meninggalkan 2 orang atau lebih saudara lelaki atau perempuan sama ada seibu sebapa, sebapa atau seibu, atau campuran di antara ketiga-tiga jenis saudara tersebut tanpa mengambil kira sama ada saudara si mati tersebut turut mewarisi pusaka atau tidak disebabkan terdinding atau sebagainya, nenek (seorang atau lebih); sekiranya si mati tidak meninggalkan waris yang mendindingkannya iaitu ibu, bagi nenek sebelah ibu (ibu kepada ibu), atau ibu atau bapa bagi nenek sebelah bapa (ibu kepada bapa), cucu perempuan (seorang atau lebih); sekiranya si mati hanya meninggalkan seorang anak perempuan dan tidak ada waris lelaki yang mengashabahkannya iaitu cucu lelaki dan tidak ada waris yang mendindingkannya iaitu anak lelaki, saudara perempuan sebapa (seorang atau lebih); sekiranya si mati hanya seorang saudara perempuan seibu sebapa dan tidak ada waris lelaki yang mengashabahkannya iaitu saudara lelaki sebapa, juga tidak ada keketurunan perempuan ke bawah iaitu anak perempuan atau cucu perempuan dan tidak ada waris yang mendindingkannya iaitu anak lelaki, cucu lelaki, bapa dan saudara lelaki seibu sebapa, dan seorang saudara seibu lelaki atau perempuan; sekiranya si mati tidak meninggalkan keketurunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya, atau keketurunan lelaki ke atas seperti bapa, datuk dan seterusnya.

¹⁹⁹ Waris-waris yang difardukan 1/8 bahagian ada satu golongan iaitu isteri; sekiranya si mati meninggalkan keketurunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan iaitu anak, cucu dan seterusnya.

'umariyatain (عمريتين)²⁰¹. Bahagian-bahagian waris terkandung sebahagiannya di dalam al-Quran yang menyebutnya di dalam surah al-Nisaa' ayat 11²⁰², 12²⁰³ dan 176²⁰⁴.

²⁰⁰ Waris yang ditetapkan bahagiannya sebanyak 1/3 baki hanya tertentu kepada ibu sahaja iaitu sekiranya si mati hanya meninggalkan ibu, bapa dan isteri atau ibu, bapa dan suami. 1/3 baki bermaksud ibu mendapat sebanyak 1/3 bahagian daripada baki setelah ditolak bahagian isteri atau bahagian suami.

²⁰¹ Permasalahan ini timbul apabila si mati meninggalkan waris-waris yang terdiri daripada suami, ibu, saudara seibu dua atau lebih dan saudara lelaki seibu sebanyak atau lebih.

²⁰² Surah al-Nisaa' (4:11):

يُوصِّيُكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِكُرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْتَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ الْأَنْتَيْنِ فَلَهُنَّ تِلْكَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِبَوِيهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا أَسْدُسٌ مِّمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرَثَهُ أَبُواهُ فَلِأَمَّهِ الْأَنْتَيْنِ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأَمَّهِ الْأَسْدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّي بِهَا أَوْ دِينٍ إِبَاؤُكُمْ وَأَبْشَارُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَعْمَلُ فَرِيضَةً مَّنْ أَنْ لَهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا

Maksudnya; "Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (sepahruh) harta itu. Dan bagi ibu-bapa (simati), tiap-tiap seorang dari keduanya; seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh simati, jika simati itu mempunyai anak. Tetapi jika simati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu-bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula simati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam".

²⁰³ Surah al-Nisaa' (4:12):

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكُنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّي بِهَا أَوْ دِينٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكُنَّ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الْتُّسْنُ مِمَّا تَرَكُنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّي بِهَا أَوْ دِينٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كُلَّهُ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ أُخْرَ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلٍّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا أَسْدُسٌ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الْأَنْتَيْنِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّي بِهَا أَوْ دِينٍ غَيْرَ مُضَارٍ وَصِيَّةٌ مَّنْ أَنَّ اللَّهَ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَلِيمٌ

Maksudnya; "Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan bapa atau anak, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan)".

²⁰⁴ Surah al-Nisaa' (4:176):

يَسْتَفْتُونَكَ قُلْ اللَّهُ يُقْبِلُكُمْ فِي الْكَلَلَةِ إِنْ أَمْرُوا هَلْكَ لِيَسْ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا أَنْتَيْنِ فَلَهُمَا الْأَنْتَيْنِ مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلَّذِكُرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْتَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنْ تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Selanjutnya mewarisi pusaka secara ‘asabah (عصبة)²⁰⁵ secara dasarnya ditentukan kepada waris-waris lelaki kecuali dua orang yang mewarisi secara *fardu* iaitu suami dan saudara lelaki seibu. Dua orang waris yang mempunyai keistimewaan dalam kaedah perwarisan ialah bapa dan datuk yang mewarisi pusaka dengan tiga cara iaitu adakalanya mendapat ‘asabah, adakalanya mendapat *fardu* dan adakalanya mendapat *fardu* dan ‘asabah secara serentak dalam satu masa (Wan Abdul Halim, 2006).

Selain waris lelaki, waris perempuan juga mewarisi secara ‘asabah seperti tuan (perempuan) kepada hamba yang membebaskan hamba yang mewarisi secara berseorangan, adakalanya waris perempuan mewarisi secara ‘asabah dengan adanya waris-waris lelaki yang sedarjat dengannya seperti anak lelaki dengan anak perempuan atau bersama perempuan lain seperti saudara perempuan seibu sebaik bersama anak perempuan atau bersama lelaki yang lebih rendah darjat daripadanya seperti cucu perempuan dan cicit lelaki (Wan Abdul Halim, 2006).

Maksudnya; "Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad, mengenai masalah Kalalah). Katakanlah "Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara Kalalah itu (ialah seorang yang mati, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa), iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh simati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuan itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu".

²⁰⁵ ‘Asabah menurut istilah ilmu faraid ialah waris yang tidak mendapat bahagian secara *fardu* yang ditetapkan, tetapi mereka adakalanya mengambil semua pusaka, adakalanya mengambil baki setelah diberi bahagian waris *fardu* dan adakalanya tidak mendapat bahagian langsung kerana telah dihabiskan oleh waris *fardu*.

Para ulama telah membahagikan waris ‘asabah kepada dua bahagian iaitu ‘asabah al-nasabiyyah (²⁰⁶عصبة النسبية) dan ‘asabah sababiyyah (²⁰⁷عصبة سببية). ‘Asabah al-nasabiyyah terbahagi kepada tiga jenis iaitu ‘asabah dengan diri sendiri (‘asabah bi al-nafsi) (²⁰⁸عصبة بالنفس), ‘asabah bersama dengan orang lain (‘asabah bi al-ghair) (²⁰⁹عصبة بالغير), ‘asabah berserta dengan orang lain (‘asabah ma’ al-ghair) (²¹⁰عصبة مع الغير).

Selain itu hadis Rasulullah s.a.w juga menyatakan beberapa kaedah faraid untuk memperjelaskan kandungan al-Quran, dan hadis-hadis tersebut telah diriwayatkan di dalam riwayat yang sahih di antaranya;

²⁰⁶ ‘Asabah al-nasabiyyah ialah waris yang mewarisi secara ‘asabah melalui keketurunan.

²⁰⁷ ‘Asabah sababiyyah ialah waris yang mewarisi secara ‘asabah dengan sebab pembebasan hamba.

²⁰⁸ ‘Asabah dengan diri sendiri bermakna diri seseorang itu menjadi ‘asabah tanpa memerlukan kepada orang lain untuk meng ‘asabahkannya, mereka yang mewarisi secara ‘asabah jenis ini ialah semua waris lelaki kecuali suami dan saudara lelaki seibu. Senarai waris yang mendapat ‘asabah perlu mengikut tertib keutamaan iaitu anak lelaki, cucu lelaki, cicit lelaki dan ke bawah, bapa, datuk dan ke atas, saudara lelaki seibu seberapa, saudara lelaki seberapa, anak saudara lelaki seibu seberapa, anak saudara lelaki seberapa, cucu saudara lelaki seibu seberapa, cucu saudara lelaki seberapa, bapa saudara seibu seberapa, bapa saudara seberapa, anak lelaki bapa saudara seibu seberapa, anak lelaki bapa saudara seberapa, cucu lelaki kepada bapa saudara seibu seberapa, cucu lelaki kepada bapa saudara seberapa, datuk saudara seibu seberapa, datuk saudara seberapa, anak lelaki kepada datuk saudara seibu seberapa dan anak lelaki kepada datuk saudara seberapa dan seterusnya waris-waris lelaki yang berkeketurunan sebelah bapa (Abdul Kadir, 1983 & al-Zuhayli, Wahbah , 1996). ‘Asabah jenis ini berdalilkan hadis s.a.w:

وعن ابن عباس رضى الله تعالى عنهمما قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : لحقوا الغرائب بأهلهما فما بقي فهو لأولى رجل ذكر . منتقى عليه .

Maksudnya; “Dari Ibnu ‘Abbas r.a. beliau berkata: Rasulullah s.a.w bersabda; hendaklah kamu berikan fardhu-fardhu kepada ahli-ahlinya, apa yang baki maka untuk lelaki yang lebih utama (iaitu yang lebih hampir/kuat), muttafaq “alaih” (Al-Faqa,t.th).

²⁰⁹ ‘Asabah bersama dengan orang lain bermakna seseorang itu mewarisi secara ‘asabah apabila si mati meninggalkan waris lelaki dan waris perempuan yang sama darjah di mana bahagian mereka telah ditetapkan iaitu bahagian waris lelaki adalah dua kali lebih daripada bahagian perempuan iaitu lelaki 2 bahagian dan perempuan 1 bahagian. Mereka yang mewarisi secara ‘asabah jenis ini terdiri daripada empat golongan iaitu anak lelaki dan anak perempuan, cucu lelaki dan cucu perempuan dan ke bawah, saudara lelaki seibu seberapa dan saudara perempuan seibu seberapa dan saudara lelaki seberapa dan saudara perempuan seberapa. Namun begitu terdapat pengecualian di dalam kaedah ‘asabah bi al-ghair iaitu apabila cucu perempuan dengan cicit lelaki dan datuk dengan saudara perempuan seibu seberapa atau seberapa (Abdul Kadir, 1983).

²¹⁰ ‘Asabah berserta dengan orang lain bermakna waris perempuan iaitu saudara perempuan seibu seberapa atau saudara perempuan seberapa menjadi ‘asabah apabila si mati meninggalkan bersertanya anak perempuan atau cucu perempuan dengan syarat tidak ada saudara lelaki seibu seberapa atau seberapa yang meng ‘asabahkan saudara-saudara perempuan tersebut menjadi ‘asabah bi al-ghair.

وعن عمران بن حصين رضي الله تعالى عنه قال : جاء رجل الى النبي صلى الله عليه وسلم فقال : ان ابن ابني مات, فما لي من ميراثه؟ فقال : لك السادس, فلما ولى دعاه فقال : لك سدس آخر, فلما ولى دعاه فقال : ان السادس الآخر طعمة. رواه أحمد والأربعة, وصحه الترمذى, وهو من روایة الحسن البصري عن عمران, وفي سماعه خلاف.

Maksudnya:

“Dari ‘Imran bin Husain r.a beliau berkata; telah datang seorang lelaki kepada Nabi s.a.w lalu berkata; sesungguhnya anak lelaki dari anak lelakiku telah meninggal dunia, maka berapakah bahagianku dari harta warisannya?, Rasulullah s.a.w bersabda; bagimu seperenam, dan setelah orang itu pergi, baginda memanggilnya kembali dan bersabda; bagimu seperenam lagi, dan setelah orang itu pergi, baginda memanggilnya kembali dan bersabda; sesungguhnya seperenam lagi itu adalah tambahan. Diriwayatkan oleh Ahmad dan imam yang empat, dan disahkan oleh Tirmizi, dan hadis ini adalah riwayat Hassan Basri dari ‘Imran, dan tentang mendengarnya ada perselisihan” (Al-Faqa, t.th).

وعن ابن بريده عن أبيه رضي الله تعالى عنهمَا قال : أن النبي صلى الله عليه وسلم جعل للجدة السادس اذا لم يكن دونها أم. رواه أبو داود النسائي وصحه ابن خزيمة وابن الجارود وقوه ابن فدي.

Maksudnya:

“Dari Ibnu Buraidah dari ayahnya r.a; bahwasanya Nabi s.a.w telah menetapkan untuk nenek (memberikan untuk nenek perempuan) seperenam, jika (ketika itu simati) tidak ada ibu. Riwayat Abu Daud, Nasa’i dan disahkan oleh Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Jarudi dan dikuatkan oleh Ibnu ‘Ady” (Al-Faqa, t.th).

وعن ابن مسعود رضي الله تعالى عنه, في بنت وبنت ابن وأخت قضى النبي صلى الله عليه وسلم لابنة النصف, والابنة الابن السادس تكملة الثنين وما يبقى فللاخت. رواه البخاري.

Maksudnya:

“Dari Ibnu Mas’ud r.a, tentang anak perempuan dan anak perempuan dari anak lelaki berserta saudara perempuan, beliau berkata; sesungguhnya aku hukumkan kepadanya seperti yang dihukumkan oleh Nabi s.a.w iaitu bagi anak perempuan seperdua harta dan bagi anak perempuan dari anak lelaki seperenam untuk menyempurnakan dua pertiga dan mana yang tinggal (setelah dibahagi) maka bagi saudara perempuan. Diriwayat oleh Bukhari” (Al-Faqa, t.th).

Ulama-ulama terdahulu menulis ilmu faraid di dalam kitab-kitab karangan mereka yang muktabar²¹¹ dan menyusun kaedah penulisan yang baik agar mudah di fahami dan dipelajari oleh para pembaca. Memandangkan ilmu faraid terbentuk dari pelbagai sumber, maka bentuk penulisan yang tersusun adalah penting untuk perkembangan ilmu tersebut.

Seperti yang telah dinyatakan, perbezaan pendapat ulama hanya berlaku di dalam perkara-perkara tertentu seperti *dhawi al-arham*, *al-rad* dan *al-'aul* tetapi pada perkara selainnya, para ulama bersepakat menerima prinsip faraid dari sumber al-Quran dan al-sunnah. Pertikaian ulama di dalam *dhawi al-arham* adalah antara penerimaan golongan tersebut sebagai ahli waris atau tidak dipelopori mazhab Syafie dan Maliki di suatu pihak dan mazhab Hanafi dan Hanbali di suatu pihak. Bagaimanapun prinsip faraid tetap diterima sebagai hukum menyelesaikan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam.

4.4 *Dhawi al-Arham* (ذوی الارحام)

4.4.1 Definisi

'Al-Arham' (الارحام) adalah bentuk jama^c dari kata 'rahmun' (رحم) yang asalnya di dalam bahasa Arab bererti 'tempat pembentukan / menyimpan janin dalam perut ibu', kemudian dikembangkan menjadi maksud 'kerabat', sama ada dari pihak bapa ataupun dari pihak ibu. Pengertian ini disandarkan dengan adanya rahim yang menyatukan asal

²¹¹ Di antara kitab-kitab fiqh mazhab Syafie yang terkenal adalah kitab *Minhaj al-Talibin*, karangan al-Nawawi, kitab *Mughni al-Muhtaj* dan kitab *al-'Iqna*, karangan al-Syarbini, kitab *I'anah al-Talibin*, karangan Abi Bakar al-Mahsyur, kitab *Fathul Mu'in*, karangan Zayn al-Din al-Malibari dan penulisan kontemporari misalnya kitab *al-Fiqh al-Minhaji*, karangan Dr.Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbahai.

usul mereka, jadi dengan demikian lafaz ‘*al-arham*’ tersebut secara umum digunakan dengan makna ‘kerabat’, baik dalam bahasa Arab ataupun dalam istilah syariat Islam (Al-Sabuni, 1996). Allah S.W.T berfirman;

وَأَنْفُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya:

"...Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silat'ur-rahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu " (Surah Al-Nisaa' 4: 1).

فَهَلْ عَسِيْتُمْ إِنْ تَوَكَّلُوا فِي الْأَرْضِ وَنَقْطُعُوا أَرْحَامَكُمْ

Maksudnya:

"(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhawatirkan – jika kamu dapat memegang kuasa – kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silat'ur-rahim dengan kaum kerabat?" (Surah Muhammad 47:22).

dan Rasulullah s.a.w telah bersabda;

مَنْ أَحَبَ أَنْ يَبْسِطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيَنْسَأَ لَهُ فِي أَجْلِهِ فَلَيَصْلِ رَحْمَهُ

Maksudnya:

"Barangsiapa yang berkehendak untuk dilapangkan rezekinya dan ditangguhkan ajalnya, maka hendaklah ia menyambung silat'ur-rahmi" (Riwayat Bukhari, Muslim dan lainnya).

Dhawi al-arham di dalam istilah fuqaha adalah kerabat si mati yang tidak mempunyai bahagian atau hak waris yang tertentu, maksudnya *dhawi al-arham* adalah mereka yang tidak termasuk di dalam golongan *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah*. Golongan ini

jika dibenarkan mengambil pusaka, maka mereka adalah waris yang terakhir sekali iaitu setelah tidak ada lagi waris *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* kecuali suami atau isteri yang tidak boleh menghalang *dhawi al-arham* mengambil pusaka.

Abdul Rashid (1997) menyatakan jangan menganggap bahawa dengan melihat kedudukan mereka yang terkemudian sekali dalam susunan keutamaan waris-waris, maka mereka mempunyai perhubungan yang lebih jauh dari ahli-ahli waris lainnya. *Dhawi al-arham* adalah waris yang mempunyai talian kekerabatan dengan si mati, namun mereka tidak mewarisi pusaka secara *fardu* atau secara '*asabah*', misalnya ibu saudara (saudara perempuan sebelah bapa atau ibu), bapa saudara (saudara lelaki sebelah ibu), anak lelaki kepada saudara perempuan, cucu lelaki dari keturunan anak perempuan dan sebagainya (Al-Sabuni, 1996).

Waris *dhawi al-arham* boleh dibahagikan kepada empat golongan iaitu keturunan ke bawah²¹², keturunan ke atas²¹³, keturunan sisi si mati²¹⁴ dan keturunan sisi kepada ibu, bapa, datuk dan nenek si mati²¹⁵ (Wan Abdul Halim, 2006) sebagaimana diperjelaskan dalam *Rajah 3, Rajah 4, Rajah 5* dan *Rajah 6* di lampiran.

²¹² Keketurunan ke bawah (فروع) ialah anak kepada anak perempuan si mati ke bawah dan anak kepada anak perempuan kepada anak lelaki si mati dan ke bawah.

²¹³ Keketurunan ke atas (أصول) ialah datuk yang berselang, iaitu datuk yang diselangi oleh perempuan di tengahnya seperti bapa kepada ibu si mati dan nenek yang berselang, iaitu nenek yang diselangi oleh lelaki seperti ibu kepada bapa kepada ibu si mati.

²¹⁴ Keketurunan sisi si mati ialah anak kepada saudara perempuan seibu seapa atau seapa ke bawah, anak perempuan kepada saudara lelaki seibu seapa atau seapa si mati ke bawah, dan anak kepada saudara lelaki atau perempuan seibu si mati ke bawah.

²¹⁵ Keketurunan sisi kepada ibu, bapa, datuk dan nenek si mati ialah ibu saudara sebelah bapa si mati, bapa saudara seibu dengan bapa si mati, bapa saudara dan ibu saudara sebelah ibu si mati, anak perempuan kepada bapa saudara seibu seapa atau seapa si mati (sepupu perempuan), anak perempuan kepada datuk saudara seibu seapa atau seapa si mati (emak sepupu) dan seterusnya dan datuk sebelah ibu si mati dan saudara-saudaranya.

4.4.2 Perbezaan Pendapat Perwarisan *Dhawi al-Arham*

(i) Pendapat Pertama²¹⁶

Golongan pertama berpendapat *dhawi al-arham* tidak berhak mendapat pusaka dan menegaskan apabila tidak ada *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah*, maka harta pusaka diberikan kepada Baitul Mal untuk kemaslahatan masyarakat Islam umumnya dan tidak membenarkan pusaka tersebut diberikan kepada *dhawi al-arham* (Al-Sabuni, 1996), meskipun si mati mempunyai ramai waris dari kalangan *dhawi al-arham* (Abdul Kadir, 1983).

Amalan di Malaysia ketika ini berpihak kepada pendapat pertama, ini bermakna waris *dhawi al-arham* tidak mendapat apa-apa daripada harta pusaka walaupun mereka sangat hampir dengan si mati, sebaliknya harta tersebut dikembalikan kepada Baitul Mal (Wan Abdul Halim, 2006). Golongan yang berpendapat *dhawi al-arham* tidak berhak menerima pusaka berhujah dengan dalil-dalil berikut;

1. Perkara utama di dalam hukum faraid adalah dengan adanya nas yang *qat'i* dari al-Qur'an atau al-Sunnah, namun di dalam perkara ini tidak ada nas yang kuat yang menyatakan *dhawi al-arham* berhak mendapat pusaka. Sekiranya diberikan hak menerima pusaka kepada mereka, bermakna memberikan hak tanpa berlandaskan dalil dan ini adalah *batil* (باطل). Pusaka tidaklah berdasarkan kepada akal fikiran dan

²¹⁶ Pendapat ini adalah pendapat-pendapat Abu Bakar al-Siddiq, 'Uthman 'Affan, Zaid Bin Thabit, Sufyan al-Thauri, al-Zuhri, al-Auza'i, Daud, Abu Thaur, Ibn Jarir al-Tabari, fuqaha Hijaz dan adalah juga pendapat Imam Syafie, Imam Malik dan Ibn Hazam al-Zahiri (Abdul Rashid, 1997).

sekiranya *dhawi al-arham* itu ada mempunyai bahagian nescaya diterangkan Allah S.W.T.²¹⁷

2. ‘Arif Khalil (1992) menyatakan berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w yang dikeluarkan oleh ‘Ali bin ‘Umar al-Daraqutni menyatakan;

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ سُئِلَ عَنْ مِيرَاثِ (الْعُمَّةِ وَالخَالِةِ) فَقَالَ: أَخْبَرْنِي جَبْرِيلُ أَلَا شَيْءٌ لَهُمَا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. ketika ditanya tentang hak mempusakai (saudara perempuan dari sebelah bapa ataupun dari sebelah ibu), baginda bersabda; sesungguhnya (malaikat) Jibril telah memberitahu kepadaku bahawa kedua-duanya tidak berhak menerima pusaka sedikit pun”.

Adalah jelas bahawa saudara perempuan dari sebelah bapa ataupun dari sebelah ibu adalah *dhawi al-arham* yang sangat dekat darjat kekerabatan dengan si mati jika dibandingkan dengan kerabat lainnya. Oleh yang demikian, jika kedua-duanya tidak berhak untuk menerima pusaka, kerabat lain dari *dhawi al-arham* adalah lebih lagi kerana tidak mungkin diberikan hak menerima pusaka kepada kerabat lain tersebut sedangkan ibu saudara tidak memperolehinya.

3. Harta pusaka apabila ternyata tidak ada waris hendaklah diserahkan kepada Baitul Mal untuk kemaslahatan umum kerana umat Islam akan turut menikmati faedah dan kegunaannya. Namun sekiranya diserahkan kepada *dhawi al-arham*, maka faedah dan kegunaannya hanya di kalangan mereka sahaja, sedangkan di dalam kaedah fiqh kemaslahatan umum lebih utama berbanding kemaslahatan peribadi. Oleh itu Baitul Mal lebih utama untuk memperolehi harta pusaka berbanding *dhawi al-arham* (Al-Sabuni, 1996). Baitul Mal lebih berhak sama ada pentadbirannya teratur atau tidak

²¹⁷ *وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيئًا*; Surah Maryam (19:64); maksudnya “Tuhan engkau adalah tidak lupa”.

kerana hak orang-orang Islam di atas harta itu dipandang tidaklah gugur dengan sebab kecacatan dalam pentadbiran atau ketidakadilan Imam dalam pengurusannya (Abdul Rashid, 1997).

(ii) Pendapat Kedua²¹⁸

Golongan kedua berpendapat *dhawi al-arham* boleh menjadi waris sekiranya tidak ada *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* termasuklah dalam keadaan waris hanyalah suami atau isteri sahaja (Abdul Kadir, 1983). *Dhawi al-arham* adalah lebih berhak untuk menerima pusaka dari Baitul Mal kerana mereka memiliki kekerabatan dengan si mati dan lebih diutamakan untuk menerima pusaka tersebut (Al-Sabuni, 1996).

Al-Muzani dan Ibn Syuraih dari fuqaha mazhab Syafie turut berpendapat harta pusaka hendaklah diwariskan kepada *dhawi al-arham* berbanding Baitul Mal dan ini juga adalah pandangan *muta'akhirin* (setelah 400 tahun hijrah) serta sesetengah *mutaqaddimin* yang berhujah apabila Baitul Mal tidak teratur kerana pemerintah tidak adil atau tidak ada keahlian atau tidak ada, maka ketika ketiadaan waris-waris hendaklah diberikan harta pusaka itu kepada *dhawi al-arham* (Abdul Kadir, 1983).

Pandangan ini telah juga diterima oleh fuqaha mazhab Maliki kebelakangan dan dengan itu mereka juga membolehkan *dhawi al-arham* mewarisi harta pusaka. Peruntukan secara undang-undang telah diterapkan dalam Undang-undang Pusaka Mesir 1943, Fasal 31 di mana dinyatakan bahawa apabila tidak ada lagi *ashab al-furud* dan *ashab al-*

²¹⁸ Pendapat ini adalah pendapat-pendapat 'Ali, 'Umar, 'Abdullah bin Mas'ud, Abu Darda', Mu'az bin Jabal, 'Abdullah bin 'Abbas, Mujahid, Akramah, al-Hasan, Qatadah, Syuraih, 'Ata'Taus, Alqamah, al-Sa'bi, Masruq, al-Nakha'i, al-Thauri dan lain-lain fuqaha Kufah dan ianya adalah pendapat Imam Abu Hanifah, sahabat-sahabatnya dan Ahmad bin Hanbal (Ibn Qudamah, t.t & Ibn Rusyd, 1981 & Ibn Kathir, t.t).

'asabah, maka harta peninggalan atau bakinya diberikan kepada *dhawi al-arham* mengikut susunan keutamaannya. Demikian juga terdapat dalam Undang-undang Perseorangan Syria 1953 Fasal 2888, keputusan-keputusan mahkamah di Indo-Pakistan²¹⁹ dan lain-lain lagi (Abdul Rashid, 1997).

Setelah memperbandingkan kedua-dua pendapat tersebut, dapat disimpulkan bahawa pendapat jumhur ulama golongan kedua dari Imam Hanafi dan Imam Hanbal lebih rajih, kuat dan terakru kerana ia merupakan pendapat majoriti sahabat, tabi'in dan imam mujtahidin. Di samping itu dalil yang menjadi sandaran mereka lebih kuat dan terakru dan kelihatan lebih adil lebih-lebih lagi jika dihubungkan dengan suasana dewasa ini (Al-Sabuni, 1996). Golongan yang berpendapat *dhawi al-arham* berhak menerima pusaka berhujah dengan al-Qur'an, al-Sunnah dan logik akal antaranya;

1. Al-Qur'an menyatakan;

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَاجَرُوا وَجَاهُدُوا مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ وَأُولُو اُلُّاَرَحَامِ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ
يَبْعَضُونَ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُكْلِمُ شَيْءٍ عَلَيْمٌ

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka adalah mereka dari golongan kamu. Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang (lain, yakni mereka lebih berhak dari orang lain, dalam perkara bantu-membantu, dan perkara mewarisi atau diwarisi harta bendanya) menurut (hukum) Kitab Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu" (Surah Al-Anfaal 8:75)

Dalil ini menunjukkan para kerabat secara umumnya lebih berhak untuk menerima harta pusaka di samping waris-waris yang lain termasuklah Baitul Mal. Lafaz '*ulul*

²¹⁹ Lihat kes Umar Din Iwn. Muhammad Bakhsh 77 PLR 1984/27 PR 1984.

arham' (أَوْلُوا الْأَرْحَام) yang bererti 'kerabat' adalah umum kerana termasuklah *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* atau selain dari kedua-duanya dari kalangan kerabat. Lafaz tersebut turut merangkumi para kerabat yang mempunyai hubungan rahim atau hubungan darah. Ayat tersebut seolah-olah menyatakan kerabat adalah 'sesiapa pun mereka' sama ada *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah* atau selain dari kedua-duanya dan merekalah yang lebih berhak untuk menerima pusaka berbanding yang bukan kerabat.

Apabila si mati yang mempunyai kerabat meninggalkan harta pusaka maka harta pusaka itu wajar diberikan kepada mereka dengan tidak mendahuluikan orang lain. Atas dasar inilah kerabat si mati lebih berhak untuk menerima pusaka berbanding Baitul Mal (Al-Sabuni, 1996). Ayat ini tidaklah pula bertentangan dengan ayat pusaka yang merupakan ayat khas yang menetapkan golongan-golongan waris dan kadar bahagian pusaka mereka dengan jelas (Abdul Rashid, 1997).

2. Hal ini juga berdasarkan firman-Nya yang lain:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ
مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ حَصِيبَةً مَقْرُوضًا

Maksudnya:

"Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)" (Surah Al-Nisaa' 4:7)

Melalui ayat ini Allah S.W.T menyatakan lelaki dan perempuan berhak untuk menerima pusaka yang ditinggalkan oleh kerabatnya sama ada sedikit atau banyak

dan telah disepakati oleh jumhur ulama bahawa yang dimaksud dengan *dhawi al-arham* adalah para kerabat, oleh yang demikian *dhawi al-arham* berhak untuk menerima pusaka. Majoriti ulama menyatakan ayat di atas bertujuan menasakhkan (menghapus) amalan kebiasaan pada zaman awal Islam yang mengamalkan prinsip pusaka mempusakai secara persaudaraan, tolong menolong dan penghijrahan. Dengan turunnya ayat ini, prinsip pusaka mempusakai hanyalah di antara para kerabat, oleh itu para kerabatlah termasuklah *dhawi al-arham* paling berhak untuk menerima harta pusaka si mati (Al-Sabuni, 1996).

3. Manakala dalil dari hadis adalah seperti yang sebut di dalam sebuah riwayat mahsyur dan di dalam riwayat ini dikisahkan;

لما مات ثابت بن الدهداح قال عليه السلام لقيس بن عاصم : هل تعرفون له نسبا فيكم؟ فقال : أنه كان فينا غريبا، ولا نعرف له إلا ابن أخ به هو (أبو لبانة بن عبد المنذر) فجعل رسول الله صلى الله عليه وسلم ميراثه له.

Maksudnya:

“Ketika Thabit bin al-Dahdah meninggal dunia, maka Rasulullah s.a.w. bertanya kepada Qais bin ‘Ashim, "Apakah engkau mengetahui nasab orang ini? Qais menjawab; "Yang kami ketahui orang itu dikenali sebagai terasing nasabnya dan kami tidak mengetahui kerabatnya kecuali hanya anak lelaki dari saudara perempuannya (iaitu Abu Lubanah bin ‘Abdul Munzir). Kemudian Rasulullah s.s.w. pun memberikan pusaka (Thabit) kepadanya (Abu Lubanah bin ‘Abdul Munzir)".

Anak lelaki kepada saudara perempuan merupakan *dhawi al-arham* dan bukan dari *ashab al-furud* dan *ashab al-‘asabah*. Dengan pemberian oleh Rasulullah s.a.w telah menunjukkan bahawa para kerabat dari *dhawi al-arham* berhak menerima pusaka apabila si mati tidak mempunyai *ashab al-furud* dan *ashab al-‘asabah*.

4. Bahawa Abu ‘Ubaidah al-Jarrah pernah mengajukan persoalan kepada ‘Umar al-Khattab r.a. berkaitan Sahal bin Hunaif yang telah meninggal dunia sedangkan Sahal tidak mempunyai kerabat kecuali hanya bapa saudaranya iaitu saudara lelaki kepada ibunya. ‘Umar memerintahkan Abu ‘Ubaidah untuk memberikan harta peninggalan Sahal kepada bapa saudaranya berdasarkan hadis Nabi s.a.w;

وَعَنْ أَبِي أَمَامَةَ بْنِ سَهْلٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ : كَتَبَ عُمَرُ إِلَى ابْنِ عَبِيدَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مُولَى لَامْوَالِ لَهُ، وَالخَالُ وَارِثُ مِنْ لَا وَارِثَ لَهُ .
رواه أحمد والأربعة سوى أبي داود، وحسنه الترمذى وصحه ابن حبان.

Maksudnya:

“Dari Abu Umamah bin Sahal r.a, beliau berkata; ‘Umar mengutus surat kepada Abu ‘Ubaidah r.a, bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda; Allah dan Rasul-Nya adalah tuan bagi orang yang tidak bertuan, dan saudara lelaki (sebelah) ibu itu adalah ahli waris bagi orang yang tidak ada ahli warisnya. Diriwayatkan oleh Ahmad dan Imam yang empat kecuali Abu Daud dan disahkan oleh Tirmizi dan Ibnu Hibban” (Al-Faqa, t.th).

Kisah ini adalah dari apa yang diungkapkan oleh ‘Umar daripada sabda Rasulullah s.a.w dan merupakan dalil yang kuat bahawa *dhawi al-arham* lebih berhak menerima harta pusaka si mati berbanding Baitul Mal. Sekiranya Baitul Mal lebih berhak untuk memperolehi pusaka si mati yang tidak mempunyai waris dari *ashab al-furud* atau *ashab al-‘asabahnya*, maka tentulah ‘Umar bin al-Khattab tidak akan memerintahkan Abu ‘Ubaidah al-Jarrah r.a. untuk memberikan pusaka kepada bapa saudara Sahal tersebut. Ini kerana ‘Umar bin al-Khattab r.a adalah seorang khalifah Islam yang sangat terkenal mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan peribadi.

5. Manakala dalil logik adalah *dhawi al-arham* lebih berhak untuk menerima pusaka daripada Baitul Mal dengan alasan ikatan di antara Baitul Mal dan si mati hanya dari satu arah iaitu ikatan Islam (رابط الاسلام) kerana si mati itu seorang muslim. Ini

berbeza dengan seseorang yang memiliki hubungan kekerabatan (*dhawi al-arham*) dengan si mati yang mempunyai dua ikatan iaitu ikatan Islam (رابط الاسلام) dan ikatan rahim (رابط الرحم). Oleh sebab itu ikatan dari dua arah sudah tentu lebih kuat jika dibandingkan dengan ikatan dari satu arah. Perkara ini samalah seperti di dalam masalah saudara lelaki seibu sebapa dengan saudara lelaki sebapa dalam permasalahan pembahagian pusaka yang mana seluruh harta pusaka menjadi hak saudara lelaki seibu sebapa kerana ikatannya dari dua arah iaitu dari sebelah bapa dan sebelah ibu sedangkan saudara sebapa hanya dari sebelah bapa (Al-Sabuni, 1996).

4. Pendapat ini tidak bersetuju dengan dalil yang dikemukakan oleh Imam Malik dan Imam Syafi'i bahawa *dhawi al-arham* tidak berhak menerima pusaka melalui hadis Rasulullah s.a.w yang dikeluarkan oleh 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni ('Arif Khalil, 1992);

أن النبي صلى الله عليه وسلم قد سئل عن ميراث (العممة والخالة) فقال: أخبرني جبريل ألا شيء لهم
Maksudnya:

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. ketika ditanya tentang hak mempusakai (saudara perempuan dari sebelah bapa ataupun dari sebelah ibu), baginda bersabda; sesungguhnya (malaikat) Jibril telah memberitahu kepadaku bahawa kedua-duanya tidak berhak menerima pusaka sedikit pun".

dengan menyatakan bahawa hadis tersebut berkemungkinan telah wujud sebelum turunnya ayat di atas (Surah an-Nisaa' 4:7) atau mungkin juga ibu saudara (dari sebelah bapa atau sebelah ibu) tidak berhak mendapat pusaka ketika ada bersamanya *ashab al-furud* atau *ashab al-'asabah*. Oleh itu secara zahirnya dapat difahami Rasulullah s.a.w menolak hak mempusakai ibu saudara kerana ketika itu ada *ashab*

al-furud atau *ashab al-'asabah* dan timbullah hadis di atas. Maka perlulah dibezakan dengan hadis “والخال وارث من لا وارث له” yang bermaksud “...dan saudara lelaki (sebelah) ibu itu adalah ahli waris bagi orang yang tidak ada ahli warisnya” dan inilah tujuan memperbandingkan dua hadis yang kelihatan bertentangan.

4.4.3 Syarat *Dhawi al-Arham* Menerima Pusaka

Al-Sabuni (1996) menyatakan para ulama yang menerima *dhawi al-arham* sebagai ahli waris bersepakat bahawa pusaka kepada *dhawi al-arham* hendaklah diletakkan terkemudian dari *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabah*. Atas sebab inilah *dhawi al-arham* tidak boleh mewarisi harta pusaka kecuali dengan dua syarat iaitu:

1. Ketika tidak ada *ashab al-furud* kerana jika ada *ashab al-furud* waris ini tidak sekadar mengambil bahagiannya secara *fardu* bahkan bakinya pun akan di ambil kerana merupakan hak mereka secara *al-rad*, sedangkan telah diketahui bahawa kedudukan ahli waris yang menerima hak secara *al-rad* lebih didahulukan jika dibandingkan dengan waris *dhawi al-arham*. Namun begitu sekiranya *ashab al-furud* terdiri dari suami atau isteri sahaja, maka waris-waris tersebut akan menerima bahagian pusaka secara *fardu* dan bakinya diberikan kepada *dhawi al-arham* sebab kedudukan hak suami atau isteri secara *al-rad* itu wujud sesudah kedudukan *dhawi al-arham*, oleh yang demikian baki harta si mati diberikan kepada *dhawi al-arham*.
2. Ketika tidak ada *ashab al-'asabah* kerana *ashab al-'asabah* akan mengambil seluruh pusaka yang ada apabila tidak ada *ashab al-furud* dan jika ada *ashab al-furud* maka *ashab al-'asabah* akan menerima baki harta si mati yang ada setelah diambil bahagiannya secara *fardu* oleh *ashab al-furud*.

2.4.5 Kaedah Pembahagian Pusaka *Dhawi al-Arham*

Para fuqaha dari kalangan jumhur ulama berbeza pendapat mengenai kaedah dan tatacara *dhawi al-arham* menerima pusaka. Terdapat tiga pendapat iaitu pendapat *ahl al-rahmi* (أهل الرحمة), pendapat *ahl al-tanzil* (أهل التنزيل) dan pendapat *ahl al-qarabah* (أهل القرابة).

(a) Pendapat *ahl al-rahmi* (أهل الرحمة)

Menurut pendapat *ahl al-rahmi* dasar pembahagian pusaka yang berlaku di kalangan *dhawi al-arham* ialah semata-mata atas perhubungan darah (rahim) sepertimana dinyatakan di dalam al-Qur'an²²⁰. Mereka mentafsirkan bahawa dengan membezakan pembahagian di antara *dhawi al-arham* boleh menimbulkan pertentangan dalam perlaksanaannya dengan dasar perwarisan pusaka kepada *dhawi al-arham*, dan ini boleh diperkuatkan lagi dengan ketiadaan sebarang ketetapan mengenai cara pembahagian harta sepertimana berlaku kepada ahli-ahli waris golongan lainnya.

Oleh itu, pembahagian kepada *dhawi al-arham* seperti di antara anak perempuan kepada anak perempuan kepada ibu saudara atau anak perempuan kepada saudara lelaki dan ibu saudara atau sebagainya lagi adalah dilakukan secara sama banyak sama ada mereka itu lelaki atau perempuan, sama ada jauh atau dekat kepada si mati (Ibrahim al-Bajuri, t.t). Yang menjadi panduan adalah seluruh ahli waris disatukan haknya untuk menerima pusaka kerana adanya ikatan kekerabatan (Al-Sabuni, 1996). Pendapat ini dikemukakan oleh Hasan Bin Maisar dan Nuh Bin Dharah, bagaimanapun pendapat ini tidak diterima

²²⁰ Surah al-Anfal:75 dan al-Ahzab:6.

oleh fuqaha lainnya kerana jelas ianya tidak logik dan menyalahi ruh faraid (Abdul Rashid, 1997).

(b) Pendapat *ahl al-tanzil* (أهل التنزيل)

Pendapat ini dikenali sebagai “penggantian waris” iaitu ahli-ahli waris dari *ashab al-furud* dan *ashab al-‘asabah* menjadi perantara atau penghubung kepada *dhawi al-arham* dengan si mati seolah-olahnya ahli-ahli waris tersebut masih hidup dan boleh menerima bahagian hartanya (Ibn Rusyd, 1981). Pendapat ini meletakkan *dhawi al-arham* di kedudukan induk waris asal dengan tidak mengambil kira bilangan waris yang masih hidup tetapi dengan melihat kepada siapa (waris) yang lebih dekat dengan *ashab al-furud* dan *ashab al-‘asabah*nya seterusnya harta pusaka diberikan kepada waris yang lebih dekat dengan induknya (Al-Sabuni, 1996).

Pendapat ini merupakan pendapat ‘Ali, ‘Umar, ‘Abdullah bin Mas’ud, Alqamah, Masruq, al-Nakha’i, Syarik, Ibn Abi Laila, dan al-Thauri (Ibn Qudamah, t.t) dan kemudiannya menjadi pegangan fuqaha mazhab Syafie, Hanbali dan Maliki iaitu setelah fuqahanya menerima golongan *dhawi al-arham* sebagai waris (Abdul Rashid, 1997).

Di antara dalil yang disandarkan oleh pendapat *ahl al-tanzil* ialah hadis *marfu'* yang diperolehi berdasarkan fatwa Ibn Mas'ud r.a;

أن النبي صلى الله عليه وسلم أله ورث عمّة وخالقه . ولم يكن شمّة ورثة غيرهما فأعطى العمّة الثلثين، وأعطى
الخالة الثالث.

Maksudnya:

“Sesungguhnya ketika Rasulullah s.a.w memberi pusaka kepada ibu saudara (saudara perempuan sebelah bapa) dan ibu saudara (saudara perempuan sebelah ibu), kebetulan ketika itu tidak ada ahli waris lain, maka baginda memberikan ibu saudara (saudara perempuan sebelah bapa) dengan dua per tiga (2/3) bahagian dan sepertiga bahagian lagi diberikannya kepada ibu saudara (saudara perempuan sebelah ibu)”.

Ibn Mas’ud r.a kemudiannya telah membahagikan pusaka dengan kadar setengah bahagian untuk anak perempuan kepada anak perempuan dan setengah bahagian lagi kepada anak perempuan kepada saudara perempuan seibu seba. Pendapat ini menyatakan bahawa hadis Rasulullah s.a.w. dan keputusan oleh Ibn Mas’ud r.a menunjukkan kuatnya pendapat mereka ini (Al-Sabuni, 1996).

Disamping itu dasar yang menjadi pegangan segolongan fuqaha dalam mengemukakan pendapat ini adalah dalam soal pembahagian pusaka, seseorang itu tidaklah boleh berpandukan kepada pertimbangan akal semata-mata kerana dalam hal ini tidak terdapat sebarang nas atau ijma’ yang boleh dijadikan pegangan, maka jalan yang terbuka dalam persoalan ini ialah dengan berpandukan ketetapan-ketetapan faraid ahli-ahli waris biasa yang menjadi penghubung kepada *dhawi al-arham* berkenaan. Sebagai contoh anak perempuan kepada anak perempuan akan mengambil tempat sebagai anak perempuan dan menerima bahagian faraidnya, anak lelaki kepada anak lelaki akan mengambil tempat sebagai anak lelaki dan anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak lelaki akan mengambil tempat sebagai cucu perempuan kepada anak perempuan. *Dhawi al-arham* hanya berhak mengambil tempat ahli waris induk asal yang terdekat kepadanya menurut susunan keutamaan masing-masing²²¹.

²²¹ Waris-waris ke bawah terdiri dari keturunan-keturunan kepada si mati seperti cucu sejauh-jauhnya, waris-waris garis ke atas terdiri dari datuk dan nenek hingga setinggi-tingginya dan waris-waris sisi yang

Dalam menentukan ahli-ahli waris sisi adalah perlu diperhatikan kepada asas yang memisahkan mereka iaitu sama ada dari sebelah bapa atau dari sebelah ibu²²².

Manakala bagi ahli-ahli waris keturunan kepada si mati iaitu seperti cucu dan yang lebih jauh lagi akan berlaku peraturan bahawa apabila tingkatan (darjat) mereka adalah sama jauhnya kepada penghubung, maka anak kepada waris *fardu* dan ‘*asabah* akan diutamakan dari anak kepada waris *dhawi al-arham*.

Terdapat perbezaan pendapat dari kalangan fuqaha dari mazhab Syafie dan mazhab Hanbali tentang cara pembahagian harta yang sepatutnya dilakukan kepada waris-waris yang berhubungan dengan si mati melalui ahli-ahli waris biasa yang menjadi penghubung mereka²²³. Bagaimanapun mereka bersepakat dalam cara pembahagian kepada *dhawi al-arham* dalam kedudukan berikut:

masing-masing bermula dengan anak-anak saudara sejauh-jauhnya, bapa saudara dan ibu saudara serta keturunan-keturunan mereka sejauh-jauhnya, bapa saudara dan ibu saudara kepada ibu dan bapa si mati serta keturunan-keturunan mereka sejauh-jauhnya, bapa saudara dan ibu saudara kepada ibu dan bapa si mati serta keturunan-keturunan mereka sejauh-jauhnya, bapa saudara dan ibu saudara kepada datuk dan nenek serta keturunan-keturunan mereka. Demikianlah seterusnya kedudukan susunan keutamaan waris-waris sisi dengan masing-masing yang berada di peringkat kumpulan yang terkemudian akan menunggu sehingga tidak ada lagi waris di peringkat sebelumnya.

²²² Umpamanya, dalam persaingan antara bapa saudara di sebelah ibu dan ibu saudara di sebelah bapa. Maka jelas di sini masing-masing waris adalah mewakili pihak-pihak yang berlainan iaitu di pihak bapa dan di pihak ibu. Oleh itu harta yang akan dibahagikan kepada waris-waris berkenaan (seterusnya diberikan kepada keturunan-keturunan mereka) ialah faraid yang sepatutnya diterima oleh ibu sekiranya ia masih hidup iaitu sebanyak 1/3 dan bakinya sebanyak 2/3 bahagian akan di ambil oleh bapa. Bagi waris-waris yang berhubungan melalui saudara-saudara seibu maka bahagian yang akan diterima oleh keturunan-keturunan saudara tersebut ialah sama banyak kerana saudar-saudara seibu sendiri akan mengambil faraid mereka secara sama banyak sama ada lelaki atau perempuan.

²²³ Menurut fuqaha mazhab Syafie bahawa dalam masalah seperti ini hendaklah diselesaikan menurut kaedah waris terdekat kepada penghubung akan mengeluarkan semua waris lain yang lebih jauh. Tetapi mazhab Hanbali berpendapat bahawa kaedah keutamaan waris tersebut hanya dilaksanakan jika mereka berada dalam susunan waris yang sama. Untuk itu waris-waris dibahagikan kepada 3 susunan iaitu: keturunan, ahli-ahli waris sebelah bapa dan ahli-ahli waris sebelah ibu. Contoh pembahagian kepada ahli-ahli waris berikut menurut pendangan mazhab-mazhab Syafie dan Hanbali berdasarkan peraturan tersebut di atas ialah:

- a) Di antara ahli-ahli waris yang ada hubungan dengan si mati melalui seorang ahli waris biasa yang sama tetapi berlainan tingkatan, maka yang terdekat tingkatannya kepada penghubung tersebut akan mengeluarkan mereka yang lebih jauh²²⁴.
- b) Di antara ahli-ahli waris yang ada hubungan dengan si mati melalui seorang ahli waris biasa yang sama dan masing-masing berada dalam tingkatan yang sama jauhnya kepada penghubung tersebut, maka mereka akan mewarisi berdasarkan keutamaan mereka dalam susunan ahli waris²²⁵.

Waris / Pendapat	Syafie	Hanbali
Bapa kepada Ibu	Semua	1/3
Anak lelaki kepada saudara perempuan seibu sebaa sebelah ibu	x	x
Anak perempuan kepada saudara perempuan seibu sebaa sebelah bapa	x	x

Dalam kes tersebut di atas menurut mazhab Syafie bahawa bapa kepada ibu akan mengeluarkan sepupu sebelah bapa kerana sepupu adalah tingkatan lebih jauh kepada penghubungnya iaitu bapa, sedangkan bapa kepada ibu hanya satu tingkatan jauhnya kepada penghubung iaitu ibu. Demikian juga bapa kepada ibu mengeluarkan sepupu di sebelah ibu, kerana datuk berada dalam susunan keutamaan yang kedua, sedangkan sepupu adalah seperti mana juga dengan saudara perempuan adalah berada dalam susunan yang ketiga. Oleh itu semuanya dikeluarkan oleh datuk dan datuk sahaja dalam kes ini akan mewarisi semua harta. Bagi mazhab Hanbali sebaiknya memutuskan bahawa bapa kepada ibu tidak dapat mengeluarkan sepupu sebelah bapa, kerana ia berada dalam susunan yang berlainan, tetapi datuk dapat mengeluarkan sepupu sebelah ibu, kerana datuk berada dalam tingkatan yang lebih dekat kepada ahli waris biasa yang menghubungnya iaitu ibu. Oleh itu masing-masing datuk mendapat sebanyak 1/3 dan sepupu sebelah bapa mendapat sebanyak 2/3.

²²⁴ Umpamanya, simati meninggalkan: Anak perempuan kepada anak perempuan dan anak kepada anak perempuan kepada anak lelaki. Oleh kerana dalam kes ini cucu perempuan adalah yang lebih dekat, maka ia akan mengeluarkan anak lelaki kepada anak perempuan (cicit lelaki) yang lebih jauh hubungannya itu, dan Demikian juga halnya dengan ibu saudara sebelah ibu akan mengeluarkan ibu kepada datuk di sebelah ibu, kerana tingkatan ibu saudara adalah lebih dekat kepada penghubung iaitu ibu kepada si mati. Tetapi apabila tingkatan mereka adalah sama jauhnya, maka keutamaannya akan ditentukan dengan melihat siapa di antara mereka yang berhubungan melalui waris rahim. Oleh itu dalam kes persaingan antara anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak lelaki dan anak lelaki kepada anak lelaki kepada anak perempuan, maka yang terkuat ialah anak perempuan kepada anak lelaki yang mewarisi waris fardu. Seterusnya jika mereka berada dalam tingkatan dan kekuatan hubungan yang sama iaitu sama ada kerana berhubungan melalui waris *fardu* yang sama atau waris rahim yang sama, maka dalam keadaan demikian mereka akan berkongsi dalam harta peninggalan dengan dua bahagian diberikan kepada lelaki.

²²⁵ Umpamanya si mati meninggalkan: Bapa kepada ibu dan ibu saudara seibu sebaa di sebelah ibu. Dalam kes ini jelas bahawa kedua-duanya iaitu bapa kepada ibu dan ibu saudara adalah berhubungan dengan si mati melalui ibu yang sama dan mereka juga adalah sama jauhnya kepada penghubung iaitu satu tingkatan, maka bapa kepada ibu, dalam kes ini, akan mengeluarkan ibu saudara, kerana bapa kepada ibu adalah termasuk dalam susunan yang kedua, sedangkan ibu saudara berada dalam susunan yang ketiga (susunan waris sisi). Jika seterusnya penghubung, tingkatan dan susunan keutamaan adalah semuanya

c) Di antara ahli-ahli waris yang ada hubungan dengan si mati melalui ahli-ahli waris biasa yang berlainan sedangkan mereka adalah sama tingkatannya kepada ahli-ahli waris biasa yang menjadi penghubung mereka, maka mereka ini sama ada dikeluarkan atau mewarisi sebanyak bahagian yang akan diterima oleh masing-masing penghubung atau sebaliknya tidak memperolehi apa-apa bahagian kerana dikeluarkan²²⁶.

(c) Pendapat *ahl al-qarabah* (أهل القرابة)

Menurut pendapat *ahl al-qarabah* pewarisan di kalangan *dhawi al-arham* hendaklah berdasarkan kedekatan waris-waris berkenaan kepada si mati iaitu sama ada di segi pihak (*jihat*), tingkatan atau kekuatan perhubungan darah (*qarabah*) sepertimana berlaku dalam prinsip ‘asabah (Ibrahim al-Bajuri, t.t.). Pendapat ini juga dikenali dengan

sama, maka pembahagian akan dilakukan sepertimana dengan waris-waris biasa. Umpamanya, ahli-ahli waris yang ada ialah : Ibu saudara seibu sebapa sebelah ibu dan ibu saudara sebapa sebelah ibu. Maka kepada masing-masing ibu saudara seibu sebapa diberikan sebanyak $\frac{1}{2}$, dan ibu saudara sebapa sebanyak $\frac{1}{6}$ iaitu sepertimana pembahagian faraid kepada saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa.

²²⁶ Umpamanya, ahli-ahli waris adalah terdiri dari: anak lelaki kepada saudara perempuan seibu sebapa, anak perempuan kepada bapa saudara seibu sebapa sebelah bapa, ibu saudara seibu sebelah bapa, ibu saudara sebapa sebelah ibu, dan ibu saudara seibu sebapa sebelah ibu. Dalam kes ini jelas bahawa masing-masing waris mempunyai penghubung yang berlainan, tetapi mereka adalah sama tingkatannya kepada penghubung mereka. Dalam penyelesaiannya, pertama perlu dipastikan sama ada waris-waris di peringkat penghubung ada yang boleh dikeluarkan oleh penghubung lainnya atau tidak. Jelaslah dalam kes ini bahawa bapa kepada si mati akan mengeluarkan saudara-saudara si mati dan oleh kerana itu waris-waris yang mewarisi melaluinya juga boleh dikeluarkan. Sedangkan di antara ahli-ahli waris lainnya lagi iaitu bapa saudara dan ibu saudara adalah masing-masing diwakili oleh bapa dan ibu kepada si mati yang menjadi penghubung mereka dan tidak ada yang boleh mengeluarkan kedua-duanya itu. Adapun di antara ahli-ahli waris sebelah bapa ternyata bahawa anak perempuan kepada bapa saudara adalah satu tingkatan lebih jauh dari ibu saudara seibu dan oleh kerana itu ia dikeluarkan oleh ibu saudara. Maka setelah dipastikan kedudukan ahli-ahli waris dalam pembahagian, dapatlah berikutnya diberikan faraid kepada masing-masing bapa sebanyak $\frac{5}{6}$ dan ibu sebanyak $\frac{1}{6}$. Faraid-faraid ini kemudiannya dibahagikan kepada waris-waris yang berhak di sebelah bapa dan ibu. Maka atas kadar faraid sebanyak $\frac{1}{6}$ yang diambil oleh ibu dibahagikan kepada ibu saudara seibu sebapa $\frac{1}{2}$, dan ibu saudara sebapa sebanyak $\frac{1}{6}$. Di sebelah bapa hanya ibu saudara seibu sahaja yang berhak, maka ia akan mengambil semua faraid sebanyak $\frac{5}{6}$ yang diterima oleh bapa.

pendapat ‘*qarabah*’ dan ianya diikuti oleh mazhab Hanafi²²⁷. Pendapat ini merupakan pendapat paling terkemuka dan merupakan pendapat ‘Ali Abi Thalib r.a. (Al-Sabuni, 1996).

Dalam membincangkan perlaksanaan pendapat ini, pertamanya perlu mengetahui apa yang dikatakan peraturan tentang pendindingan ahli-ahli waris dan setelah itu bolehlah memperkatakan peraturan tentang pembahagian harta. Menurut peraturan pendindingan (pengeluaran) yang berlaku dalam pendapat ini ialah ahli-ahli waris akan ditentukan keutamaannya berdasarkan peraturan “*al-Ja’bari*” yang berlaku kepada golongan ‘*asabah*’. Keutamaan-keutamaan waris yang dimaksudkan itu ialah keutamaan pihak, keutamaan tingkatan dan kekuatan perhubungan darah (Abdul Rashid, 1997).

Al-Sabuni (1996) menyatakan penentuan keutamaan menurut pendapat ini adalah secara membahagikan waris *dhawi al-arham* kepada asnaf-asnaf (kelompok-kelompok) sama seperti mana dia dalam kaedah perlaksanaan pembahagian pusaka untuk *ashab al-‘asabah* iaitu dengan berdasarkan darjat kekerabatan dengan si mati kemudian berdasarkan kekuatan kekerabatan tersebut dengan si mati. Kaedah perlaksanaannya tetap mematuhi kaedah umum pembahagian pusaka iaitu bahagian lelaki adalah dua kali bahagian perempuan.

Menurut pendapat ini waris *dhawi al-arham* dibahagikan kepada empat asnaf, kemudian setiap asnaf tersebut mempunyai cabang-cabangnya dan keadaan-keadaannya yang

²²⁷ Undang-undang Pusaka Mesir 1943:77 mulai Fasal 31 hingga Fasal 38, pembahagian dilakukan menurut pendapat *qarabah*, khasnya cara penyelesaian Abu Yusof yang dianggap lebih praktikal (Abdul Rashid, 1997).

tersendiri. Asnaf-asnaf tersebut adalah, pertama; waris *dhawi al-arham* yang dinasabkan kepada si mati²²⁸, kedua; waris *dhawi al-arham* yang mana si mati dinasabkan kepada mereka²²⁹, ketiga; waris *dhawi al-arham* yang dinasabkan kepada ibu dan bapa si mati²³⁰, dan keempat; waris *dhawi al-arham* yang dinasabkan kepada datuk dan nenek si mati atau datuk dan nenek si mati sebelah ibu dan bapa si mati²³¹.

Selanjutnya al-Sabuni (1996) menyatakan kaedah untuk memperincikan keduduan keutamaan tersebut adalah waris *dhawi al-arham* (sama ada lelaki ataupun perempuan) apabila seorang diri menjadi ahli waris, maka dia akan menerima seluruh harta si mati sedangkan jika dia ada bersama dengan salah satu dari suami atau isteri, maka ia akan menerima bakinya.

²²⁸ Waris *dhawi al-arham* yang dinasabkan kepada si mati adalah, pertama; anak-anak kepada anak perempuan si mati dan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan, dan kedua; anak-anak kepada anak perempuan kepada anak lelaki si mati dan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan.

²²⁹ Waris *dhawi al-arham* yang mana si mati dinasabkan kepada mereka adalah, pertama; datuk yang bukan sahib dan ke atas seperti bapa kepada ibu dan bapa kepada bapa kepada ibu, dan kedua; nenek yang bukan sahib dan ke atas seperti ibu kepada bapa kepada ibu dan ibu kepada ibu kepada bapa kepada ibu.

²³⁰ Waris *dhawi al-arham* yang dinasabkan kepada ibu dan bapa si mati adalah, pertama; anak-anak saudara perempuan seibu sebaa atau sebapa atau seibu, sama ada lelaki atau perempuan, kedua; anak perempuan kepada saudara lelaki seibu sebaa atau sebapa atau seibu dan anak perempuan kepada anak lelaki mereka dan ke bawah, dan ketiga; anak lelaki kepada saudara lelaki seibu dan anak-anak mereka dan ke bawah seperti anak lelaki kepada saudara lelaki seibu atau anak lelaki kepada anak lelaki kepada saudara lelaki seibu atau anak perempuan kepada anak lelaki kepada saudara lelaki seibu.

²³¹ Waris *dhawi al-arham* yang dinasabkan kepada datuk dan nenek si mati atau datuk dan nenek si mati sebelah ibu dan bapa si mati adalah, *pertama*; ibu saudara (saudara perempuan kepada bapa) kepada si mati sama ada seibu sebaa atau sebapa atau seibu, kemudian bapa saudara (saudara lelaki kepada ibu) si mati, ibu saudara (saudara perempuan kepada ibu) dan bapa saudara kepada ibu (saudara lelaki kepada bapa kepada ibu) yang seibu, *kedua*; anak lelaki atau perempuan kepada ibu saudara (saudara perempuan kepada bapa), anak-anak kepada bapa saudara (saudara lelaki kepada ibu), anak-anak kepada ibu saudara (saudara perempuan kepada ibu), anak-anak bapa saudara (saudara lelaki kepada bapa) yang seibu dan ke bawah, *ketiga*; ibu saudara kepada bapa si mati sama ada seibu sebaa atau sebapa atau seibu, begitu juga bapa saudara dan ibu saudara (bapa saudara dan ibu saudara kepada bapa), begitu juga bapa saudara (saudara lelaki kepada bapa) kepada seibu (merangkumi semua bapa saudara dan ibu saudara kepada ibu sama ada seibu sebaa atau sebapa), *keempat*; semua anak-anak dan keketurunan di atas (pertama, kedua dan ketiga) dan ke bawah seperti anak lelaki dan anak perempuan ibu saudara kepada bapa dan sebagainya, *kelima*; bapa saudara kepada bapa kepada bapa si mati yang seibu dan bapa saudara nenek, bapa saudara dan ibu saudara kepada bapa dan ibu saudara kepada ibu dari sebelah datuk atau nenek, dan *keenam*; semua anak-anak dan keketurunan di atas (kelima) dan ke bawah.

Sekiranya bersama dengan ahli waris *dhawi al-arham* yang lain, maka pembahagiannya seperti berikut; pertama; mengutamakan dekatnya darjat kekerabatan²³², kedua; apabila ada persamaan di dalam dekatnya darjat kekerabatan, maka yang lebih berhak untuk diutamakan adalah waris yang paling dekat dengan si mati yang disandarkan kepada *ashab al-furud* atau *ashab al-'asabah*²³³, ketiga; apabila darjat dan dekatnya waris kepada si mati adalah sama, maka harus diutamakan mana yang lebih kuat darjat kekerabatannya²³⁴, dan keempat; apabila dalam suatu keadaan berlaku persamaan kekuatan kekerabatan, maka pembahagiannya dilakukan secara sama-rata yang bermakna semua ahli waris dari *dhawi al-arham* berhak menerima bahagian²³⁵.

Di peringkat inilah yang menentukan keutamaan seseorang waris dan dengan itu boleh mendinding waris-waris lainnya dengan melihat keutamaannya dalam susunan pihak tersebut. Prinsip keutamaan dalam tingkatan hanya berlaku setelah ditentukan “pihak” waris-waris berkenaan. Apabila semuanya tergolong dalam pihak yang sama, masing-

²³² Misalnya si mati meninggalkan anak perempuan kepada anak perempuan dan anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak perempuan, maka yang didahulukan adalah anak perempuan kepada anak perempuan.

²³³ Misalnya si mati meninggalkan anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak lelaki dan anak lelaki kepada anak lelaki kepada anak perempuan, maka yang lebih didahulukan adalah anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak lelaki. Dalam contoh ini ada persamaan darjat di antara kedua-dua waris iaitu kedua-duanya memiliki hubungan kekerabatan dengan si mati sebagai cicit. Perbezaan di antara kedua-duanya adalah anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak lelaki dihubungkan dengan si mati melalui *ashab al-furud* (melalui anak perempuan kepada anak lelaki) sedangkan anak lelaki kepada anak lelaki kepada anak perempuan dihubungkan dengan si mati melalui *dhawi al-arham* (melalui anak lelaki kepada anak perempuan).

²³⁴ Misalnya si mati meninggalkan anak perempuan kepada saudara lelaki sebapa dan anak perempuan kepada saudara lelaki sebapa, maka dalam keadaan ini kita diutamakan anak perempuan kepada saudara lelaki sebapa yang bermakna seluruh harta si mati menjadi haknya. Ini kerana anak perempuan kepada saudara lelaki sebapa lebih kuat kekerabatannya dengan si mati berbanding anak perempuan kepada saudara lelaki sebapa yang kurang kekuatan kekerabatannya dengan si mati.

²³⁵ Misalnya si mati meninggalkan seorang anak perempuan kepada anak lelaki kepada bapa saudara sebupa sebupa, seorang anak perempuan kepada anak lelaki kepada bapa saudara sebupa sebupa yang lain dan anak perempuan kepada anak lelaki kepada bapa saudara sebupa sebupa yang lain, maka pusaka si mati dibahagikan secara sama rata di antara mereka kerana ketiga-tiganya memiliki darjat yang sama dari segi kekerabatan.

masing kemudiannya akan ditentukan berdasarkan peraturan keutamaan tingkatan iaitu mana-mana waris yang terdekat kepada si mati akan mengeluarkan yang lebih jauh.

Peraturan ini adalah berlaku secara mutlak iaitu tanpa mengira sama ada waris itu lelaki atau perempuan atau sama ada ianya berhubungan melalui sebelah bapa atau ibu (Abdul Rashid, 1997). Umpamanya, anak perempuan kepada anak perempuan akan mengeluarkan anak lelaki kepada anak perempuan kepada anak lelaki, ibu saudara akan mengeluarkan sepupu, anak perempuan kepada saudara perempuan seibu akan mengeluarkan anak perempuan kepada anak lelaki saudara lelaki seibu seberapa dan ibu saudara sebelah ibu akan mengeluarkan anak perempuan kepada saudara sebelah bapa.

Peraturan kekuatan hubungan darah bergantung kepada sama ada kedua-dua peraturan keutamaan waris di atas telah disempurnakan atau belum. Jika ianya telah dipenuhi iaitu semuanya waris berada dalam susunan pihak dan tingkatan yang sama, maka keutamaannya dalam pembahagian harta akan seterusnya ditentukan oleh peraturan kekuatan perhubungan darah iaitu:

- a) Ahli-ahli waris seibu seberapa adalah lebih kuat hubungannya dengan si mati dari ahli-ahli waris seriba dan yang seriba adalah lebih kuat dari yang seibu²³⁶.
- b) Ahli-ahli waris yang berhubung langsung dengan si mati melalui waris biasa dari *ashab al-furud* atau *ashab al-'asabah* akan mengeluarkan waris-waris lain²³⁷.

²³⁶ Abu Yusof dan Muhammad al-Syaibani berselisih pendapat dalam soal pembahagian kepada keketurunan waris sisi yang seibu, kerana Abu Yusof berpendapat bahawa keketurunan kepada waris biasa seibu seperti anak perempuan dan anak lelaki kepada saudara lelaki seibu hendaklah diberikan dua bahagian untuk anak perempuan sedangkan al-Syaibani memberikan secara sama-rata kerana orang tua mereka juga dibahagikan sama rata (al-Bajuri, t.t.), umpamanya, anak perempuan kepada anak lelaki saudara lelaki seibu seberapa akan mengeluarkan anak perempuan kepada anak lelaki saudara lelaki seibu.

- c) Apabila ahli-ahli waris sama tingkatannya tetapi sesetengahnya berhubung langsung dengan waris *fardu* dan sesetengahnya berhubung dengan waris ‘*asabah*, maka yang terkuat perhubungan darahnya akan mewarisi²³⁸.
- d) Apabila ahli-ahli waris sama tingkatan dan kekuatan perhubungan darah, maka pembahagian dilakukan dengan memberikan dua bahagian kepada lelaki dan satu bahagian kepada perempuan²³⁹.
- e) Waris-waris yang tingkatan dan kekuatan hubungan darah berlainan pihak, maka waris yang berhubung melalui sebelah bapa akan mengambil sebanyak 2/3 dan yang berhubung di sebelah ibu akan mengambil sebanyak 1/3²⁴⁰.

4.5 Penutup

Perselisihan pendapat ulama tentang hak mewarisi waris *dhawi al-arham* adalah jelas bersandarkan hujah masing-masing. Namun bagi ulama yang menerima hak mewarisi *dhawi al-arham*, terdapat beberapa perbezaan yang jelas di antara ketiga-tiga kaedah mewarisi oleh *dhawi al-arham*. Di antaranya menurut *ahl al-rahmi*, *ahl al-tanzil* dan *ahl al-qarabah*.

Menurut *ahl al-rahmi*, taraf *dhawi al-arham* adalah sama, tidak ada berbeza antara yang jauh dan dekat dan antara lelaki dan perempuan, semuanya menerima bahagian tanpa ada perbezaan. Menurut *ahl al-tanzil*, waris *dhawi al-arham* tidak disusun secara asnaf

²³⁷ Umpamanya, anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak perempuan akan dikeluarkan oleh anak perempuan kepada anak perempuan kepada anak lelaki.

²³⁸ Umpamanya, anak perempuan kepada saudara perempuan seibu sebapa akan mengeluarkan anak perempuan kepada saudara perempuan sebapa.

²³⁹ Umpamanya anak lelaki. Maka kepada anak lelaki diberikan sebanyak 2/3 dan kepada anak perempuan sebanyak 1/3.

²⁴⁰ Umpamanya, bapa kepada ibu kepada bapa kepada bapa mendapat sebanyak 2/3 dan bapa kepada ibu kepada ibu kepada ibu mendapat sebanyak 1/3.

dan tidak mendahuluikan antara satu dari yang lain bahkan hanya dengan melihat kepada siapa (waris) yang lebih dekat dengan *ashab al-furud* dan *ashab al-'asabahnya*.

Manakala menurut *ahl al-qarabah*, waris *dhawi al-arham* disusun secara asnaf dan mendahuluikan satu dari yang lain sebagai mengambil kaedah dari '*asabah bi al-nafsi* (عصبة بالنفس). Pendapat ini juga menentukan waris dengan melihat siapa (waris) yang paling dekat dengan si mati dari segi darjat dan kekuatan kekerabatan dan menggunakan kaedah bahagian lelaki adalah dua kali bahagian perempuan sepermama yang diterima oleh *ashab al-'asabah*.

BAB LIMA

KEDUDUKAN *DHAWI AL-ARHAM* DALAM SISTEM FARAIID DI KEDAH

5.1 Pendahuluan

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, makna agama di sini ditafsirkan hanya mengenai upacara keagamaan dan bukan makna Islam sebagai sebuah sistem penghidupan sebagaimana yang difahami oleh sarjana Islam²⁴¹. Namun begitu menurut Ahmad Hidayat Buang (2003) unsur-unsur Islam dalam masyarakat dan negara adalah menonjol dan melebihi daripada hanya mengenai upacara keagamaan.

Umat Islam di Malaysia mengikut aliran mazhab *ahl al-sunnah wal-jama'ah* dari segi pegangan teologi dan mazhab Syafie dari segi fiqh. Mazhab ini secara *de facto* adalah mazhab rasmi agama Islam di Malaysia tetapi status rasmi ini tidak diperolehi secara dekri atau sanksi perundangan atau mahkamah, tetapi melalui amalan pentadbiran dalam pengeluaran fatwa dan amalan di Mahkamah Syariah (Ahmad Hidayat, 2003). Dari sudut kronologi sejarah, undang-undang pentadbiran agama Islam di Malaysia memberi penekanan kepada mazhab Syafie terutama dalam pengeluaran fatwa dan perkara ini berpunca daripada cabaran-cabaran yang diberikan oleh golongan muda yang terpengaruh dengan gerakan reformasi timur tengah Muhammad Abduh dan Sayyid Rasyid Rida (Ibrahim Abu Bakar, 1994).

²⁴¹ Lihat Kes Che Omar Che Soh v. PP(1998) 2 MLJ 55.

Kajian ini mendapati secara jelasnya, peranan mazhab yang mendominasi amalan tempatan sejak dulu memberi peranan dan kesan yang besar kepada setiap keputusan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Peranan mazhab juga memainkan sentimen yang besar di kalangan masyarakat yang rata-rata tidak terdedah kepada persoalan hukum syarak secara sepenuhnya. Kajian ini juga mendapati peranan mazhab tersebut dilebarkan kepada prinsip-prinsip penguatkuasaan undang-undang secara pembentukkan perundangan yang berteraskan mazhab Syafie semata-mata walaupun kemudianya terdapat perubahan-perubahan kecil yang menggunakan pendapat mazhab lain selain pendapat mazhab Syafie.

Kajian ini mendapati tiada peruntukan perundangan yang khusus untuk penentuan tatacara pembahagian pusaka (faraid) bagi orang-orang Islam di Kedah. Keputusan pembahagian tersebut didapati hanya dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah melalui beberapa peruntukan undang-undang yang terhad. Namun, sebagaimana yang telah diterangkan secara am di dalam bab kedua dan ketiga dan secara khusus kemudian ini, bahawa pentadbiran pusaka orang-orang Islam diputuskan melalui beberapa statut oleh Parlimen Malaysia melalui beberapa jabatan kerajaan dan badan berkanun.

Di samping itu, penulis juga turut mendapati kecenderungan sesetengah responden yang mempunyai autoriti di dalam perundangan untuk memilih pandangan mazhab selain mazhab Syafie sebagai alternatif sekiranya pendapat tersebut bersifat berkepentingan umum. Namun, hakikatnya sekatan masih dirasakan disebalik lontaran kecenderungan pendapat tersebut kerana keputusan muktamat untuk bertindak di bawah mazhab selain

mazhab Syafie sangat tertakluk kepada liku-liku perundangan yang terhad dan ketat. Akan tetapi untuk menafikan bahawa ruang perundangan tidak memihak kepada pendapat ini juga tidak benar kerana hukum faraid tidak pernah diperundangkan bahkan hanya berbentuk amalan semata-mata. Justeru hak untuk pihak-pihak berautoriti tersebut untuk memutuskan sesuatu perkara berdasarkan pendapat mazhab selain mazhab Syafie masih terbuka luas.

5.2 Peruntukan Faraid Di Negeri Kedah

Undang-undang Islam di Kedah memperuntukan fasal-fasal tertentu bagi pembahagian harta pusaka Islam. Keseluruhannya peruntukan yang wujud di dalam perundangan bertulis di Mahkamah Syariah hanyalah prosedur pengeluaran sijil faraid dan bukannya perundangan mengenai kaedah-kaedah pemakaian hukum faraid itu sendiri. Sehingga kini hukum faraid masih tidak diperundangkan secara bertulis dan satu-satunya panduan di Mahkamah Syariah dalam memutuskan keputusan berhubung pengeluaran sijil faraid adalah berdasarkan hukum syarak menurut apa yang telah ditafsir menurut peruntukan undang-undang.

Peruntukan mengenai pengeluaran sijil faraid di Mahkamah Syariah Kedah telah dinyatakan secara jelas di bawah beberapa peruntukan undang-undang dan tertakluk kepada perubahan-perubahan dari semasa ke semasa. Penulis mengesan beberapa peruntukan berkaitan peruntukan tersebut seperti seksyen 44(1) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962²⁴², seksyen 22 Enakmen Mahkamah Syariah 1983²⁴³,

²⁴² Peruntukan “Surat-surat Akuan Pusaka” di bawah seksyen 44(1) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962 menyatakan, “Jika dalam mana-mana perbicaraan yang bersabit dengan pentadbiran

seksyen 13 Enakmen Mahkamah Syariah 1993²⁴⁴ dan peruntukan yang diguna-pakai ketika ini adalah di bawah peruntukan “Perakuan Pewarisan” di bawah seksyen 20 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008²⁴⁵.

atau pembahagian pusaka seorang yang telah mati yang hartanya kena dibahagikan mengikut Hukum Syarak bahawa sesebuah Mahkamah Adat atau pihak yang berkuasa hendaklah menjadi tanggungannya pada menentukan orang-orang yang berhak mendapat bahagian di dalam pusaka itu atau bahagian-bahagian yang orang-orang itu berhak mendapatnya masing-masing maka Mahkamah Kadhi jika harga jumlah besar pusaka itu pada pendapatnya tiada lebih dari lima ribu ringgit dan Mahkamah Kadhi Besar di dalam sesuatu perkara yang lain bolehlah di atas permintaan Mahkamah Adat atau pihak yang berkuasa itu ataupun dengan permintaan seseorang yang mengaku menjadi seorang waris dan setelah dibayarnya belanja yang ditetapkan baginya itu mengesahkan di atas sesuatu kumpulan dalil-dalil yang didapati oleh Mahkamah Adat atau pihak yang berkuasa itu atau di atas sesuatu kumpulan dalil-dalil misalnya akan fikirannya tentang orang-orang yang manakah dengan memegang di atas dalil-dalil yang demikian itu sama ada seperti yang didapati atau seperti dimisalkan itu adalah berhak mendapat bahagian di dalam pusaka itu dan tentang bahagian-bahagian yang mereka itu berhak masing-masing kepadanya. (2) Maka bolehlah Mahkamah Kadhi Besar atau Mahkamah Kadhi sebelum mengesahkan fikirannya minta mendengar akan pihak-pihak itu di atas mana-mana soalan yang bergantung dengan undang-undang tetapi tidaklah kerana mendengar keterangan atau membuat pendapat-pendapat di atas mana-mana soalan yang bergantung dengan dalil. (3) Di dalam sesuatu perkara yang ada kemusykilan yang khas maka bolehlah Kadhi Besar atau seseorang Kadhi merujukkan masalah itu kepada Jawatankuasa Fatwa kerana mendapat fikirannya dan jikalau fikiran itu diberi maka hendaklah mengesahkan mengikutnya”.

²⁴³ Peruntukan “Perakuan Feraid” di bawah seksyen 22 Enakmen Mahkamah Syariah 1983 menyatakan, “(1) Jika di dalam mana-mana persidangan Mahkamah Adat atau pihak berkuasa atau mana-mana orang yang ada kepentingan mengenai pentadbiran atau pembahagian harta pusaka si mati yang wajib dibahagikan mengikut Undang-undang Islam, Mahkamah Kadi boleh atas permintaan mana-mana Mahkamah Adat, pihak berkuasa atau orang itu, mengeluarkan satu perakuan digelar perakuan feraid mengenai pembahagian harta itu serta orang yang berhak kepadanya. (2) Sebelum memberi perakuan seperti yang tersebut di dalam seksyen-kecil (1) Mahkamah Kadi hendaklah berdasarkan perakuan itu kepada kenyataan yang dikemukakan oleh Mahkamah Adat, pihak berkuasa atau orang itu dan berdasarkan mana-mana kenyataan yang diperolehinya dari hasil penyiasatan sendiri: Dengan syarat bahawa Mahkamah Kadi fikirkan patut, ia boleh sebelum membuat perakuan itu mendengar mana-mana pihak, mengenai apa-apa persoalan berkaitan dengannya atas sumpah atau ikrar. (3) Mahkamah Kadi boleh, mengikut budibicaranya, mengenakan bayaran di atas tiap-tiap perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini”.

²⁴⁴ Peruntukan “Perakuan-perakuan Pewarisan” di bawah seksyen 13 Enakmen Mahkamah Syariah 1993 menyatakan, “Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati Islam, mana-mana Mahkamah Sivil atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masingnya berhak, Mahkamah Syariah bolehlah, atas permohonan Mahkamah Sivil atau pihak berkuasa itu atau mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari, atau wakilnya dan setelah dibayar fee yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian-bahagian yang padanya mereka masing-masing berhak”.

²⁴⁵ Seksyen ini menyatakan, “(1) Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati beragama Islam, mana-mana Mahkamah Sivil pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan – (a) orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau (b) bahagian-bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-

Selain itu melalui kaedah penyelarasan seluruh Malaysia yang diterajui oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melalui “Arahan Amalan Mahkamah Syariah” telah memberi peruntukan perundangan tambahan bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan pengeluaran sijil faraid. Arahan Amalan ini menjadi prinsip-prinsip perundangan yang baru di Mahkamah Syariah bagi mengisi kekosongan peruntukan undang-undang bertulis sedia ada dan bagi memperkemaskan urusan pentadbiran perundangan di Mahkamah Syariah (Abd Rahman, 2010).

Terdapat banyak Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM tetapi yang berkaitan dengan faraid hanyalah empat sahaja iaitu Arahan Amalan No.1 Tahun 2000²⁴⁶, Arahan Amalan No.9 Tahun 2001²⁴⁷, Arahan Amalan No.2 Tahun 2003²⁴⁸, dan Arahan Amalan

orang itu masing-masing berhak, (2) Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang menuntut bahawa dia menjadi beneficiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakuan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu”.

²⁴⁶ Arahan Amalan No.1 Tahun 2000 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; Kod Pendaftaran Kes; Datuk Syeikh Ghazali Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Ketua Hakim Syarie JKSM; “Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu dan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie Kali ke-16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawwal 1421 di Kota Kinabalu, Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Kod Pendaftaran Kes di Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Mulai 1 Julai 2001 semua kes-kes Mahkamah Syariah hendaklah didaftarkan menurut Kod Pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual bersama ini. Tujuan mengadakan Kod Pendaftaran ini ialah untuk (a) Memudahkan pengenalan kes-kes di mahkamah, (b) Memudahkan penyediaan penyata perangkaan, (c) Memudahkan Mahkamah menetapkan kes-kes untuk dibicarakan. Kod 040 – Permohonan Sijil Faraid / Akuan Pusaka.

²⁴⁷ Arahan Amalan No.9 Tahun 2001 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; Pemakaian Pendapat Mazhab Fiqh; Datuk Syeikh Ghazali Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Ketua Hakim Syarie JKSM; “Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11hb. Oktober 2000 di Melaka dan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie Kali ke-17 di Labuan pada 27hb. Oktober 2000 bersamaan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung pemakaian pendapat dari Mazhab-mazhab Fiqh. Pengambilan pendapat Mazhab Mu'tabar hendaklah kepada dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan ‘tauliah’ kepada Hakim-hakim Syarie. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta”.

²⁴⁸ Arahan Amalan No.2 Tahun 2003 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; Penentuan Tempat Permohonan Sijil Faraid; Datuk Syeikh Ghazali Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Ketua Hakim Syarie JKSM; “Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir

No.1 Tahun 2007²⁴⁹. Penyelarasan melalui Arahan Amalan ini telah memberi imej baru kepada Mahkamah Syariah di dalam pengukuhan bidang kuasanya.

Mohd Zin bin Dollah (Temubual pada 4hb Januari 2010) menyatakan dasar undang-undang yang digunakan untuk memutuskan perkara pentadbiran dan pembahagian pusaka Islam adalah melalui undang-undang persekutuan, undang-undang negeri dan hukum syarak. Hukum Syarak ditafsirkan sebagai al-Qur'an dan al-Sunnah (Saidatul Nadiah binti Mohd Sabri, Temubual pada 6hb Januari 2010), manakala Syahmi (2010) menyatakan fiqh Syafie bab *al-Mawarith* adalah rujukan utama. Zain Ali Haji Ab Ghani (Temubual pada 12hb Januari 2010) dan Kamaruslan Haji Mustapha (Temubual pada 11hb Januari 2010) menyatakan perundangan negeri yang dirujuk adalah Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008. Azharuddin bin Abu Bakar (Temubual pada 4hb Januari 2010) menambah disamping itu kaedah muafakat setiap waris dan mana-mana kaedah pembahagian yang tidak bertentangan dengan undang-undang adalah dibenarkan.

1424H di Shah Alam Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan permohonan Sijil Faraid bahawa permohonan Sijil Faraid hendaklah didaftar mengikut tempat pemastautinan Pemohon. Dalam kes pemohon yang bukan pemastautin di mana-mana negeri dalam Malaysia, permohonan bolehlah dibuat di mana-mana negeri yang terdapat apa-apa harta si mati. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.

²⁴⁹ Arahan Amalan No.1 Tahun 2007 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; Pemakaian Pendapat Mazhab Fiqh; Datuk Syeikh Ghazali Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Ketua Hakim Syarie JKSM; "Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1 Tahun 2007 pada 28 hingga 30 Rabiulawal 1428H bersamaan 16hb hingga 18hb April 2007M di Melaka dan pengesahan Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawal 1428H bersamaan 11 Jun 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan tatacara untuk mendapatkan Perintah Faraid, hendaklah dibuat melalui permohonan dengan disokong oleh affidavit pemohon. Perakuan tentang ahli-ahli waris dan bahagian-bahagian mereka berkaitan Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah akan menjadi Perintah Faraid dan mempunyai kesan sebagaimana perintah-perintah lain. Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

5.3 Permohonan Faraid Di Mahkamah Syariah Kedah

Tiada peruntukan khusus di dalam undang-undang Islam Kedah yang menyebut tentang tatacara permohonan dan pembahagian harta pusaka di Mahkamah Syariah. Sebagaimana yang disebut di bawah seksyen 20 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, tidak menyatakan sama ada permohonan tersebut perlu berbentuk saman dan penyata tuntutan atau notis permohonan dan affidavit.

Menurut Abd. Rahman (2010), amalan sedia ada di Mahkamah Syariah Kedah hanya menghendaki pemohon mengisi borang permohonan²⁵⁰ yang disediakan sama ada bertulis tangan atau bertaip. Borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan bersama-sama sesalinan daftar kematian atau akuan bersumpah atau perintah anggapan kematian dari Mahkamah Tinggi²⁵¹ bagi membuktikan seseorang telah meninggal dunia.

Dokumen lain yang perlu dikemukakan pemohon termasuklah salinan kad pengenalan atau daftar kelahiran waris bagi membuktikan sangkutan waris dengan si mati, maklumat harta si mati untuk dibahagikan kepada ahli waris yang dikemukakan bersama dokumen-dokumen dan disahkan oleh pihak-pihak berautoriti. Selanjutnya, pemohon perlu hadir bersama saksi-saksi²⁵² bagi proses siasatan waris²⁵³ yang dikendalikan oleh

²⁵⁰ Amalan ini berbeza sedikit seperti yang ditetapkan oleh Arahan Amalan No.1 Tahun 2007 yang menyebut bahawa arahan amalan berhubung dengan tatacara untuk mendapatkan Perintah Faraid, hendaklah dibuat melalui permohonan dengan disokong oleh affidavit pemohon.

²⁵¹ Perintah Anggapan Kematian diputuskan oleh Mahkamah Tinggi (Sivil).

²⁵² Sama ada saksi tersebut adalah ahli waris sendiri atau mana-mana orang yang berpengetahuan tentang si mati dan ahli warisnya.

²⁵³ Kaedah siasatan waris adalah berbeza-beza dan tidak tetap antara hakim-hakim Syarie, mengikut mana-mana yang bersesuaian. Huraian mengenai tatacara proses siasatan waris telah dinukilkan oleh Wan

hakim syarie. Kadang-kala proses siasatan tersebut berlanjutan untuk tempoh yang panjang dan berulang-ulang sekiranya tidak memuaskan hati hakim syarie sama ada dari aspek keterangan atau dokumen (Abd. Rahman, 2010).

Wan Abdul Halim Wan Harun (Temubual pada 7hb Januari 2010) menyatakan sebahagian besar waris tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pengurusan dan pembahagian harta pusaka ditambah pula dengan sikap dan budaya kebanyakan masyarakat Melayu yang suka bertangguh dalam menyelesaikan masalah harta pusaka si mati.

Syahmi (2010) menyatakan, berdasarkan pengalamannya, permohonan hanya akan dibuat selepas enam bulan dari tarikh kematian, malah ada yang berlanjutan hingga bertahun-tahun. Alasan kelewatan tersebut tidak jelas, namun kesimpulan yang dapat dibuat ialah kerana tanggapan salah ahli waris bahawa urusan penyelesaian harta pusaka adalah tidak memahami prosedur, susah dan mahal, malahan ada pula yang tidak boleh memberikan alasan tertentu sebaliknya menyatakan bahawa harta pusaka tidak akan ke mana pergi walaupun lewat diselesaikan.

Wan Abdul Halim (2006) menyatakan sistem pengurusan permohonan harta pusaka memerlukan pihak ahli waris membuat permohonan sebenarnya telah gagal menyelesaikan keseluruhan masalah harta pusaka. Terdapat masih banyak harta pusaka yang belum dibuat permohonan untuk pembahagian dan sesetengahnya melibatkan

Abdul Halim Wan Harun dalam karyanya “*Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

kematian yang terlalu lama dan ada di antaranya dalam permohonan namun ditinggalkan separuh jalan apabila pemohon menghadapi pelbagai masalah untuk meneruskan permohonan. Maka tidak hairanlah untuk dinyatakan bahawa sistem pembahagian pusaka yang dijalankan di Malaysia masih tidak kukuh dan menghadapi pelbagai cabaran. Suatu sistem yang lebih tegas diperlukan untuk mengelak sebarang kepincangan terutamanya di dalam usaha mempercepatkan proses pembahagian pusaka di kalangan ahli waris.

5.4 Kedudukan *Dhawi al-Arham* di Negeri Kedah

Perkembangan perundangan fiqh zaman sekarang masih terikat dengan zaman *taklid*²⁵⁴. Al-Khudari (1965) menyatakan meskipun berada dalam zaman *taklid*, perkembangan hukum fiqh tidak pernah sunyi dari para fuqaha yang telah memberikan sumbangan yang berharga terhadapnya pada setiap zaman. Mahmood Zuhdi (1992) menyatakan zaman *taklid* tidaklah merupakan penghujung kepada sejarah perkembangan hukum Islam. Ia telah diikuti oleh perkembangan-perkembangan seterusnya dengan segala pasang surut yang ada, sesuai dengan keadaan semasa yang di alami.

Perkembangan *taklid* ini sebenarnya secara tidak langsung telah mengikat perkembangan perundangan Islam dirantau ini. Dalam konteks semasa, perkembangan mazhab Syafie dirantau ini telah secara langsung meletakkan pengaruhnya ke atas setiap amalan masyarakat tempatan dan perundangan bertulis yang digubal sejak ketibaannya

²⁵⁴ *Taklid* bererti menerima apa sahaja hukum yang difatwakan oleh para ulama mujtahidin tanpa usul periksa atas penilaian bahawa ianya suatu hakikat syarak yang perlu diikuti. Ianya telah lahir sejak zaman permulaan Islam lagi dan merupakan amalan majoriti umat Islam di setiap zaman. Gejala ini lahir dalam pertengahan abad yang keempat hijrah dan lahir dari perkembangan politik yang tidak sihat pada waktu itu di dunai Islam (Al-Khudari, 1965).

pada pertengahan abad ke-13 di Pasai. Pengaruh ini berterusan sehingga kini walaupun terdapat keterbukaan perundangan Islam moden yang menerima pendapat mazhab selain pendapat mazhab Syafie di dalam sesetengah perkara.

Merujuk kepada fakta-fakta inilah secara umumnya kedudukan *dhawi al-arham* di dalam pembahagian pusaka Islam dapat disimpulkan dengan mudah sekali. Pendapat mazhab Syafie yang *rajih* dan *mu'tamat* adalah *dhawi al-arham* bukanlah ahli waris yang berhak ke atas pusaka bahkan bahagian tersebut diserahkan hak kepada Baitul Mal. Peranan amalan semasa di Mahkamah Syariah Kedah dan agensi-agensi berkaitan telah menjadi tunjang penguatkuasaan tatacara pembahagian pusaka dan merujuk perkara ini, pendapat mazhab Syafie dilihat sebagai sinonim dengan pengamalan hukum faraid di Kedah.

Seperti yang diterangkan sebelum ini juga, peranan mazhab Syafie di Kedah dilihat terlalu dominan di dalam hampir semua tatacara perundangan Islam. Bukti-bukti sejarah telah menunjukkan mazhab ini telah mendominasi perundangan melalui pemerintah kemudian meliputi perundangan yang dikuat-kuasakan selain penulisan Islam yang memberi penekanan penuh kepada keputusan-keputusan dari mazhab Syafie. Memandangkan penulis telah mendapatkan pandangan sebahagian pihak-pihak berautoriti sebagai responden, ulasan-ulasan yang diperolehi dilihat menjurus kepada pengukuhan mazhab Syafie sebagai sumber dan rujukan paling utama di dalam membuat keputusan berhubung hukum faraid. Adalah juga didapati kebimbangan responden-responden untuk membuat keputusan-keputusan berdasarkan pandangan

mazhab lain kerana faktor-faktor bantahan oleh pihak-pihak lain yang masih mengukuhkan prinsip di bawah pendapat mazhab Syafie.

Di sebalik keterbukaan perundangan bertulis berhubung pemakaian hukum syarak yang memberi kelonggaran kepada penerimaan pendapat mazhab-mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, namun di dapati keterbukaan ini bukanlah bersifat bagi keseluruhan perkara perundangan. Beberapa kekangan dan halangan sama ada dari pihak yang saling berautoriti atau selainnya masih dirasakan bagi mana-mana pihak yang cuba menggunakan ruang keterbukaan tersebut.

Di dalam konteks menentukan kedudukan *dhawi al-arham* sebagai waris pusaka atau sebaliknya, sekalipun tiada perundangan khusus berkaitan undang-undang faraid secara bertulis, pendapat mazhab Syafie adalah diutamakan. Sebagaimana telah dinyatakan, pendapat mazhab Syafie menolak *dhawi al-arham* sebagai waris pusaka disebalik penerimaan sesetengah pendapat mutaa'khirin para ulama mazhab Syafie. Walaupun konsep ketertinggian perundangan bertulis diterima, namun konsep pemakaian hukum syarak yang ditafsirkan sebagai mengutamakan pendapat mazhab Syafie yang *mu'tamat* tidak boleh dinafikan.

Keputusan-keputusan Mahkamah Syariah sendiri berkaitan hukum faraid tidak pernah meletakkan *dhawi al-arham* sebagai waris yang berhak ke atas pusaka si mati. Sekiranya dimasukkan dengan tanpa sengaja, maka *dhawi al-arham* akan digugurkan

dari senarai waris sekalipun keseluruhan pusaka diserahkan kepada Baitul Mal dan *dhawi al-arham* tersebut merupakan kerabat si mati yang terdekat (Syahmi, 2010).

Kajian ini juga tidak menemui alasan mengapa pendapat mutakhir ulama Syafie yang memberi hak mewarisi kepada *dhawi al-arham* tidak diamalkan dalam negeri ini. Kecuali pandangan Uzir (2010) yang menyatakan tiada apa-apa catatan menunjukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah memberi apa-apa titah perintah perubahan terhadap hukum faraid yang diamalkan di Negeri Kedah.

Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) menurut peruntukan undang-undang semasa tertakluk kepada seksyen 4(1)²⁵⁵ dan seksyen 11²⁵⁶ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Tugas utama MAIK adalah hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan²⁵⁷ sepermata diperuntukkan di bawah seksyen 6²⁵⁸ termasuklah kewajipan tentang kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7(2)(e)²⁵⁹.

²⁵⁵ Seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan bahawa “Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman” untuk membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam”

²⁵⁶ Keanggotaan Majlis menurut seksyen 11 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan, “(1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut- (a) seorang Yang Dipertua; (b) seorang Timbalan Yang Dipertua; (c) enam orang atas nama jawatan yang hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut; (i) Mufti; (ii) Ketua Hakim Syarie; (iii) Setiausaha Kerajaan Negeri, (iv) Penasihat Undang-undang Negeri; (v) Pegawai Kewangan Negeri, (vi) Setiausaha; dan (d) beberapa anggota lain yang dilantik atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan”.

²⁵⁷ Seksyen 3 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan bahawa “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak atau kuasa-kuasa Kebawah Duli yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (*P.U.32/1959*)”.

²⁵⁸ Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan, “Majlis hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan

Terdapat satu peruntukan yang jelas tentang kuasa MAIK di dalam pentadbiran pusaka orang-orang Islam seperti di bawah peruntukan identiti di sisi undang-undang dan fungsi Majlis, seksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan “Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah”. Menurut Uzir (2010), peruntukan ini memberi kuasa jelas kepada MAIK untuk menerima harta pusaka si mati yang tidak mempunyai ahli waris untuk mempusakainya atau tidak diketahui siapakah lagi ahli warisnya.

Dalam perkara ini MAIK melalui organisasinya Baitul Mal Negeri Kedah²⁶⁰ diberi tanggungjawab untuk menguruskan dan memegang harta pusaka ini. Sekalipun tiada peruntukan perundangan yang lebih jelas tentang penerimaan hak pusaka kepada Baitul Mal sama ada tatacara atau kaedahnya, namun amalan sejak dahulu lagi telah memberi hak kepada Baitul Mal tanpa pertikaian. Belum pernah berlaku hak Baitul Mal

semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Kedah Darul Aman, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Kedah Darul Aman selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini”.

²⁵⁹ Seksyen 7(2)(e) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan, “Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1) – “untuk menujuhan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada *Baitul Mal* kepada individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi”.

²⁶⁰ Baitul Mal Negeri Kedah diwujudkan pada tahun 1962 di bawah peruntukan seksyen 102 dan 172 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah No.9 Tahun 1962 dan penambahbaikan pengurusan hartanah Baitul Mal telah dilakukan dengan kewujudan Kaedah Pengurusan Baitumal pada 12hb Mac 1970 mengikut Warta Kerajaan Bilangan 7 Tahun 1970 (Buletin MAIK, 2009). Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan, “(1) Suatu kumpulan wang bernama *Baitul Mal* adalah dengan ini ditubuhkan. (2) *Baitul Mal* hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada *Baitul Mal*. (3) Semua wang dan harta *Baitul Mal* hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini. (4) Walau apapun peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, asset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana Undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak”.

diketepikan bagi memberi peluang kepada prinsip *al-rad* atau *dhawi al-arham*. Baitul Mal inilah di samping kuasa amnya di bawah seksyen 55(2)²⁶¹ dan seksyen 87²⁶² yang bertanggungjawab menerima dan menguruskan harta pusaka yang tidak berwaris untuk kemaslahatan umum umat Islam di Negeri Kedah. Hak Baitul Mal untuk menerima hak pusaka tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana tertakluk kepada kuasa dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan (Uzir, 2010).

5.5 Faktor Penolakan *Dhawi al-Arham* Sebagai Waris Di Negeri Kedah

Fakta-fakta yang dinyatakan di dalam bab keempat berhubung pandangan dan pendapat mazhab-mazhab terhadap *dhawi al-arham* telah diuraikan secara teliti. Dapat disimpulkan bahawa pendapat yang menyokong *dhawi al-arham* diberi hak sebagai ahli waris adalah dari mazhab Hanafi dan Hanbali, manakala pendapat yang menolak *dhawi al-arham* sebagai ahli waris dan hak tersebut diberikan kepada Baitul Mal adalah dari mazhab Syafie dan Maliki. Setiap pendapat tersebut disertakan dengan hujah yang saling mengukuhkan pendapat masing-masing.

Susunan penurunan pusaka kepada ahli-ahli waris yang berhak telah disimpulkan menurut pandangan mazhab-mazhab contohnya seperti mazhab Hanafi²⁶³ dan Syafie²⁶⁴

²⁶¹ Berhubung pendapatan Baitul Mal daripada *wakaf* dan *nazr* di bawah seksyen 55(2) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan, “Pendapatan daripada tiap-tiap *wakaf* selain *wakaf khas* dan tiap-tiap *nazr ‘am* hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada *Baitul Mal*”.

²⁶² Berhubung kuasa am untuk membuat peraturan di bawah seksyen 87 Enakmen Pentadbiran undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan, (2) Khususnya, dan tanpa menjelaskan keluasan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1), peraturan boleh dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi ... (e) pengurusan, pentadbiran, pemungutan dan pembahagian hasil semua harta *Baitul Mal*, *wakaf*, *nazr* dan *amanah*, dan fi yang kena dibayar berkaitan dengannya”.

²⁶³ Tertib penurunan pusaka menurut mazhab Hanafi adalah (i) *ashab al-furud*, (ii) *ashab al-‘asabah al-nasabiyah* atau *al-sababiyah*, (iii) *rad* kepada *ashab al-furud*, dan (vi) *dhawi al-arham*.

serta di dalam perundangan moden seperti peruntukan di dalam *al-Qanun al-Misri li al-Mawarith* 1943²⁶⁵. Walaupun terdapat pandangan *muta'akhirin* mazhab Syafie dan *mu'tamat* fatwa mazhab Maliki²⁶⁶ yang memberi hak mewarisi kepada *dhawi al-arham*, namun lebih didahuluikan prinsip *al-rad* kepada *ashab al-furud* dan kemudian barulah kepada *dhawi al-arham* (Muhammad Toha Abu 'Ala Khalifah, 2008).

Al-Sabuni (1996) menyatakan mengutamakan hak Baitul Mal daripada hak *dhawi al-arham* tertakluk beberapa syarat di antaranya Baitul Mal perlu terjamin pengurusannya, adil dan amanah, adil di dalam memberi kepada yang berhak dan tepat guna dalam menyalurkan harta Baitul Mal. Beliau menyimpulkan Baitul Mal yang sedemikian pada masa sekarang telah lama tiada dengan merujuk kepada perkembangan semasa musuh-musuh Islam yang telah berjaya menghapuskan kekhilafahan Islam dan memporak-perandakan kesatuan kaum muslimin dan membentuk negeri dan wilayah yang tidak memiliki kekuatan.

Berdasarkan kenyataan inilah, khususnya setelah abad ketiga hijrah iaitu ketika pengelolaan Baitul Mal tidak lagi teratur sehingga terjadi penyalahgunaan, terdapat fatwa bahawa *dhawi al-arham* lebih berhak menerima pusaka daripada Baitul Mal. Perkara ini adalah persefakan pandangan ulama keseluruhan dengan

²⁶⁴ Tertib penurunan pusaka menurut mazhab Syafie adalah (i) *ashab al-furud*, (ii) *ashab al-'asabah al-nasabiyah* atau *al-sababiyah*, dan (iii) Baitul Mal.

²⁶⁵ Tertib penurunan pusaka menurut *al-Qanun al-Misri li al-Mawarith* (1943) adalah (i) *ashab al-furud*, (ii) *ashab al-'asabah al-nasabiyah* atau *al-sababiyah*, (iii) *rad* kepada *ashab al-furud*, (iv) *dhawi al-arham*, (v) *rad* kepada suami atau isteri, dan (vi) *'asabah al-sababiyah*.

²⁶⁶ Kedua-dua pendapat ini menyimpulkan bahawa prinsip *rad* kepada *ashab al-furud* kemudian *dhawi al-arham* dibenarkan sekiranya Baitul Mal tidak lagi terurus dengan baik oleh pemerintah, tetapi sekiranya Baitul Mal diuruskan dengan baik, maka prinsip *al-rad* dan *dhawi al-arham* tidak boleh dibenarkan (Muhammad Toha Abu 'Ala Khalifah, 2008).

mempertimbangkan kemaslahatan yang sedia ada dan ia bermula pada akhir abad ketiga hijrah sehingga masa sekarang ini (Al-Sabuni, 1996).

Sekiranya pandangan ini di ketengahkan dalam konteks pengurusan Baitul Mal di Negeri Kedah, maka perkara sebaliknya akan ditemui. Baitul Mal Kedah telah diurus-tadbir dengan baik dan tidak berlaku sebarang unsur penyalahgunaan bahkah Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) sendiri telah mendapat penarafan 4 bintang di dalam Pengauditan Indeks Akauntabiliti 2008 berkaitan Pengurusan Kewangan di Negeri Kedah oleh Jabatan Audit Negara (Uzir, 2010).

Keseluruhannya adalah didapati pengaruh pendapat mazhab Syafie yang masih mendominasi kaedah-kaedah pemakaian hukum syarak di Negeri Kedah masih kukuh dan sukar digugat. Mana-mana pendapat yang berdasarkan pendapat selain mazhab Syafie sekiranya perlu diperluaskan sebagai pemakaian umum masyarakat di Negeri Kedah, perlulah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Dalam perkara ini, faktor utama penolakan *dhawi al-arham* sebagai waris di Kedah berpunca dari pegangan mazhab Syafie yang diamalkan dalam perundangan Islam. Pihak berautoriti terikat dengan keputusan pendapat mazhab Syafie yang menolak *dhawi al-arham* sebagai ahli waris.

Kedudukan hak untuk mewarisi harta pusaka waris *dhawi al-arham* secara umumnya ditentukan melalui dasar pemakaian hukum syarak di Negeri Kedah. Oleh kerana keterikatan keputusan-keputusan Mahkamah Syariah atau fatwa yang perlu berdasarkan

pendapat mazhab Syafie, maka *dhawi al-arham* tidak termasuk sebagai waris pusaka. Maksud ihsan atas kesusahan penghidupan atau kedekatan kekerabatan dengan si mati tidak diambil perhatian kerana keputusan sedia ada telah menetapkan *dhawi al-arham* bukanlah ahli waris. Sifat keputusan ini bukanlah tidak adil bahkan kemaslahatan umat Islam keseluruhannya lebih diberi perhatian.

5.6 Cadangan Pendekatan *Dhawi al-Arham* Sebagai Waris

Undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri yang digunakan dalam pembahagian harta pusaka dalam dasar perundangan Islam di Negeri Kedah adalah berteraskan pendapat mazhab Syafie. Sekalipun terdapat peruntukan yang memberi kebenaran penggunaan pendapat selain mazhab Syafie, namun seperti yang telah dinyatakan bahawa kemungkinannya adalah amat sukar. Kebenaran diberi hanya perkara-perkara yang menyentuh kepentingan umum yang pada pandangan pihak berautoriti adalah perlu seperti penguatkuasaan Perlaksanaan Arahan Wajib Pembayaran Zakat Pendapatan Menerusi Potongan Gaji²⁶⁷.

Penulis mendapati pihak-pihak berautoriti menyandarkan keputusan penentuan waris kepada Mahkamah Syariah. Md Zin (2010) menyatakan keputusan yang dibuat Mahkamah Syariah sama ada menggunakan pendapat selain pendapat Syafie adalah diikuti. Wan Abdul Halim (2010) menyatakan beliau pernah memberi keputusan ketika bertugas di Perlis bahawa bahagian pusaka diserahkan kepada waris *dhawi al-arham* atas dasar ihsan kerana kemiskinan waris-waris tersebut, namun setelah itu terdapat

²⁶⁷ Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Kertas No.6(F) 465/2007 pada 28hb November 2007.

bantahan keras daripada Baitul Mal Negeri Perlis menyebabkan keputusan tersebut terpaksa diubah semula.

Keputusan beliau merupakan tindakan berani kerana menggunakan pendapat mazhab Hanafi dan Hanbali yang membenarkan pemberian hak pusaka kepada waris *dhawi al-arham*. Beliau menyarankan sekiranya prinsip *dhawi al-arham* hendak diketengahkan dan membenarkan kelompok ini diterima sebagai penerima pusaka, hakim-hakim syarie perlu berani berhujah dengan pendapat yang menyokong waris tersebut. Beliau turut melihat keterbukaan perundangan terkini yang memberi ruang penerimaan pendapat selain mazhab Syafie, perlu digunakan sepenuhnya (Wan Abdul Halim, 2010). Asmarina Che Omar (Temubual pada 4hb Januari 2010) menyatakan sekiranya Mahkamah Syariah mengeluarkan keputusan-keputusan yang membenarkan waris *dhawi al-arham* menerima pusaka, sebagai pentadbir pusaka keputusan tersebut akan diikuti sepenuhnya kerana menghormati institusi kehakiman negeri.

Md. Zin (2010) mencadangkan ruang perundangan bagi membolehkan *dhawi al-arham* diterima sebagai waris pusaka sebaik-baiknya secara difatwakan. Fatwa boleh berperanan merungkaikan maksud keperluan kepada kehendak sesuatu hukum kerana kedapatan waris *dhawi al-arham* yang susah penghidupan dan perlu dibantu dan sekiranya perundangan negeri memberi kelonggaran tersebut, maka peraturan tersebut akan dipatuhi kerana termasuk di dalam konteks undang-undang yang perlu dipatuhi.

Proses pengeluaran fatwa terikat dengan proses yang ketat kerana Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 meletakkan Fatwa²⁶⁸ selaras dengan kedudukan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan seperti dinyatakan di bawah seksyen 22²⁶⁹. Proses pengeluaran fatwa diketuai oleh Mufti²⁷⁰ melalui pembentukan Jawatankuasa Fatwa dan Pengeluaran Fatwa²⁷¹. Pengeluaran fatwa telah diikat kemas oleh peruntukan di bawah seksyen 28²⁷² di mana pendapat mazhab Syafie adalah diutamakan berbanding

²⁶⁸ Seksyen 19 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008; “(1) Tertakluk kepada seksyen 21 Jawatankuasa Fatwa hendaklah – (a) atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atau (b) atas kehendaknya sendiri, atau (c) atas permintaan oleh mana-mana orang melalui surat atau apa-apa cara yang dialamatkan kepada Mufti dan tertakluk kepada subseksyen (2), mengeluarkan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau atas apa-apa isu yang berhubung dengan Hukum Syarak. (2) Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbangkan permintaan oleh mana-mana orang kecuali pada fikirannya masalah yang dibentangkan itu hanya karut atau dengan apa-apa sebab lain yang munashabah yang tidak patut diberi jawapan”.

²⁶⁹ Seksyen 22 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 menegaskan bahawa fatwa adalah mengikat menurut kaedah “(1) Apa-apa fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Kedah Darul Aman sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipan disisi Agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat. (2) Sesuatu fatwa bolehlah diterima oleh semua Mahkamah Syariah di dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagai autoriti tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya”.

²⁷⁰ Fungsi Mufti ditafsirkan di bawah seksyen 7 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 yang menyatakan “(1) Mufti hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Kedah selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini. (2) Mufti hendaklah bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Baginda bolehlah, dari masa ke semasa memberi perintah sama ada secara am atau khas yang Baginda fikirkan perlu atau bermanfaat, iaitu perintah yang tidak berlawanan dengan peruntukan Enakmen ini, dan adalah menjadi kewajipan Mufti mematuhi dan melaksanakan perintah itu”. Kuasa Mufti ditafsirkan di bawah seksyen 8 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 yang menyatakan, “(1) Mufti hendaklah berkuasa mengeluarkan apa-apa fatwa. (2) Walau apapun peruntukan Enakmen ini Mufti boleh, sekiranya difikirkan perlu, berbincang dengan Jawatankuasa fatwa sebelum mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen ini”.

²⁷¹ Seksyen 10 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan “Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fatwa yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Mufti di atas apa-apa persoalan yang belum muktamad berhubung Hukum Syarak”.

²⁷² Seksyen 26 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan berkenaan *Qaul muktamad* yang hendaklah diikuti iaitu “(1) Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakarkan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie berlandaskan Al-Quran, Hadis, Ijma’ Ulama dan Qiyyas, (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikut hematnya sendiri tanpa terikat

pendapat-pendapat mazhab lain, malahan untuk menggunakan pendapat mazhab selain mazhab Syafie perlu mendapat kebenaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan (Marwazi bin Dziyauddin, 2011).

Kamaruslan (2010) dan Zain Ali (2010) bersepakat menyatakan keterbukaan undang-undang boleh digunakan untuk memberi hak kepada *dhawi al-arham* tetapi perlu menghadapi kemungkinan bantahan Baitul Mal dan pihak berautoriti yang lain. Sekalipun sukar ketika ini, perkara ini tidak dianggap sebagai mustahil boleh berlaku pada masa hadapan ketika mana pendapat-pendapat mazhab Islam keseluruhannya dilihat mana yang lebih relevan untuk diamalkan (Syahmi, 2010).

Penilaian untuk memberikan hak kepada *dhawi al-arham* perlu juga dilihat dari pandangan dan sentimen masyarakat awam keseluruhannya. Cadangan pendekatan bagi membolehkan *dhawi al-arham* menerima pusaka sebaik-baiknya dengan mengambilkira permasalahan sedia ada dalam pengurusan pembahagian pusaka. Sebelum ini masalah-

dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu". Sebelum itu terdapat peruntukan di bawah seksyen 38 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962 yang menyatakan Berkaitan mufti, fatwa dan isnad-isnad yang kena diikuti, seksyen 38 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962 menjelaskan bahawa "(1) Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah disyaratkan dahulu itu maka hendaklah majlis atau jawatankuasa fatwa pada lazimnya mengikut pula *qaul* yang muktamad daripada mazhab Syafie: dengan syaratnya jika majlis atau jawatankuasa fatwa memikir bahawa dengan mengikut pula *qaul* yang muktamad itu akan menjadi berlawanan dengan maslahah orang ramai maka bolehlah majlis atau jawatankuasa fatwa mengikut pula *qaul* yang dhaif daripada mazhab Syafie melainkan sekiranya Duli Yang Maha Mulia bertitah berlainan dengannya: dengan syaratnya lagi jika majlis atau jawatankuasa fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut sama ada *qaul* yang muktamad atau *qaul* yang dhaif daripada mazhab Syafie itu akan menjadi berlawanan dengan maslahah orang ramai maka bolehlah majlis atau jawatankuasa fatwa dengan mendapat izin yang khas daripada Duli Yang Maha Mulia mengikut mana-mana satu *qaul* daripada mazhab yang tiga lagi iaitu Hanafi, Maliki atau Hambali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai akan tetapi di dalam mana-mana fatwa yang demikian maka syarat-syarat dan dasar-dasar yang akan diikuti itu hendaklah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraian yang mustahak. (2) Maka sesuatu fatwa yang diberi oleh majlis sama ada dengan terusnya atau menerusi jawatankuasa fatwa mengikut syarat-syarat yang telah lepas itu hendaklah jika sekiranya Duli yang Maha Mulia bertitah demikian disiarkan dengan pemberitahu di dalam akhbar kerajaan dan tatkala itu hendaklah terkena kepada suami orang-orang Islam yang duduk di dalam negeri ini".

masalah untuk menyelesaikan pembahagian pusaka di kalangan waris telah banyak berlaku dan sukar diselesaikan, antaranya kesukaran mendapatkan kerjasama waris (Md Zin, 2010) menyebabkan kedudukan waris-waris yang berhak tidak dapat dikenalpasti (Syahmi, 2010). Dari sudut positif, sekiranya *dhawi al-arham* diberi hak sebagai waris, adalah di harapkan masalah penyelesaian pusaka tertangguh dapat dikurangkan kerana harta pusaka si mati akan tetap berada dalam kalangan ahli kerabatnya juga dan tidaklah semata-mata kepada Baitul Mal.

5.7 Amalan Semasa Pembahagian Pusaka Kepada *Dhawi al-Arham* Di Beberapa Negera Islam

Penerimaan *dhawi al-arham* sebagai waris telah menjadi amalan di beberapa negara Islam antaranya di Indonesia, India dan Pakistan. Hak mewarisi tersebut telah dikanunkan di dalam beberapa bentuk penyelesaian. Sekalipun dokongan mazhab telah diputuskan sama ada secara bertulis atau tidak, terdapat negara-negara Islam telah menganunkan hak *dhawi al-arham* untuk mewarisi pusaka bagi menjamin hak *dhawi al-arham* secara perundangan.

Sebagai perbandingan amalan, Republik Indonesia melalui Kompilasi Hukum Islam (KHI), 1958²⁷³ menyebut kedudukan *dhawi al-arham* di dalam Fasal 185²⁷⁴ dan terdapat penyesuaian peruntukan KHI di Indonesia dengan amalan semasa di Malaysia di dalam

²⁷³ Hukum Kewarisan dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) dinyatakan di dalam Buku II Bab I, II, III dan IV meliputi Fasal 171 hingga Fasal 193.

²⁷⁴ (1) Ahli waris yang meninggal lebih dahulu daripada si pewaris, maka kedudukannya dapat digantikan oleh anaknya, kecuali mereka yang tersebut dalam Fasal 173, (2) Bahagian ahli waris pengganti tidak boleh melebihi dari bahagian ahli waris yang sedarjat dengan yang diganti.

Fasal 191²⁷⁵. Fasal 191 KHI ini adalah peruntukan perundangan hak Baitul Mal menerima harta pusaka, bezanya KHI Indonesia mengkanunkan Baitul Mal sebagai penerima pusaka bagi si mati tanpa waris manakala di Malaysia khususnya Negeri Kedah tidak dikanunkan. Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999²⁷⁶ (diterangkan secara ringkas kemudian ini) dilihat lebih hampir dengan Fasal 185 KHI Indonesia ini dimana hak diberi secara konsensus antara waris melalui *wasiat wajibah*.

Menurut Tahir Mahmood (1982) perundangan Islam di India²⁷⁷ mempunyai pelbagai aliran mazhab tetapi yang lazimnya digunakan adalah aliran Hanafi dan Ithna' Ash'ari. Sering berlaku kadang-kadang beberapa prinsip aliran Syafie digunakan di dalam beberapa kes dan kadang-kadang aliran Hanafi digunakan ke atas pengamal Syafie. Dari sudut pembahagian pusaka, terdapat dua cabang utama pewarisan, salah satunya diadaptasi dari aliran Hanafi²⁷⁸ dan menjadi '*mutatis mutandis*' oleh aliran Syafie, dan

²⁷⁵ Bila pewaris tidak meninggalkan ahli waris sama sekali atau ahli warisnya diketahui ada atau tidaknya, maka harta tersebut atas putusan Pengadilan Agama diserahkan penguasaannya kepada Baitul Mal untuk kepentingan Agama Islam dan kesejahteraan umum.

²⁷⁶ Enakmen ini diluluskan pada 09hb Ogos 1999 dan diwartakan pada 1hb Julai 2004 (Warta Kerajaan Negeri Selangor Jilid.57, No.14 (Sel.P.U.9), peruntukan tentang *wasiat wajibah* terdapat dalam Bahagian VIII seksyen 27, 28 dan 29.

²⁷⁷ Perlembagaan India membenarkan undang-undang Islam dilaksanakan di bawah kuasa legislatif negeri-negeri sama seperti '*personal law*' yang lain. Negeri-negeri mempunyai kuasa yang kompeten untuk mengubahsuai, meminda, memperbaharui atau mengkaji mana-mana peruntukan undang-undang Islam. Di India, undang-undang Islam ditadbir di bawah mahkamah sivil dan tidak mempunyai mahkamah syariah yang khas seperti sesetengah negara Islam lain. Kuasa Kadhi dihapuskan dan keputusan dibuat oleh Privy Council. Kadhi yang dilantik oleh kerajaan negeri-negeri di bawah Akta Kadhi, 1880 bukanlah pegawai kehakiman, ia hanyalah fungsi agama yang tiada kuasa kehakiman.

²⁷⁸ Aliran Hanafi memutuskan sekiranya terdapat waris *ashab al-furud* kecuali suami atau isteri atau *ashab al-'asabah* wujud, *dhawi al-arham* tidak berhak mewarisi. *Dhawi al-arham* hanya berhak sekiranya (i) Bila tiada waris *ashab al-furud* atau *ashab al-'asabah* – seluruh harta pusaka diberikan kepada *dhawi al-arham*, (ii) sekiranya hanya suami atau isteri yang ada, harta bakinya setelah ditolak bahagian suami atau isteri diberikan kepada *dhawi al-arham*. Di bawah undang-undang India, di dalam beberapa kes sekiranya hanya suami atau isteri merupakan waris tunggal, seluruh harta diserahkan kepada suami atau isteri, sekiranya tiada waris yang ada, harta pusaka akan dipegang oleh '*legatee*' (pemegang amanah) dan sekiranya masih tidak dituntut harta akan diambil oleh negeri mengikut '*principle of escheat*' (Tahir, 1982).

satu lagi diadaptasi dari aliran Ithna' Ash'ari, manakala aliran Isma'ili hampir sama dengan aliran Ithna Ash'ari walaupun terdapat sedikit perbezaan yang tersendiri.

Di bawah amalan perundangan Islam di India, pewarisan oleh *dhawi al-arham* terbahagi kepada dua pendapat iaitu pendapat Abu Yusof dan al-Syaibani yang mana kedua-duanya berteraskan mazhab Hanafi. Namun, pandangan al-Syaibani menjadi ikutan tradisi di India dan kebanyakannya mahkamah mengikut pendapat ini dan secara keseluruhannya, mahkamah di India memutuskan kehakiman pusaka menggunakan mazhab Hanafi (Tahir, 1982).

Mohd Ridzuan Awang (2002) menyatakan di Pakistan kepentingan cucu yang kematian bapa atau ibu dilindungi. Di bawah Fasal 4 Undang-undang Keluarga Islam 1961 menetapkan bahawa dalam hal kematian anak lelaki atau anak perempuan pewaris sebelum sampai warisan kepadanya (mati dahulu dari pewaris), anak-anak kepada mereka (cucu-cucu) yang sekiranya ada pada masa kematian pewaris (datuk atau nenek) adalah secara langsung boleh menerima bahagian yang sama banyak dengan bahagian yang sepatutnya diterima oleh bapa atau ibu mereka iaitu mengikut keadaannya sekiranya mereka masih hidup.

Kesan yang nyata daripada peruntukan ini adalah agak menyimpang daripada matlamat asal penyelesaian secara wasiat. Mereka kemungkinan akan mengambil tempat bapa atau ibu mereka dan berhak mendapat bahagian yang sepatutnya diterima oleh bapa atau ibu mereka sepenuhnya sekiranya mereka masih hidup tanpa dihadkan kepada kadar 1/3

dari harta pusaka yang dibenarkan dalam wasiat. Keadaan ini menyebabkan berkurangnya bahagian faraid yang sepatutnya diterima oleh ahli waris yang lain seperti anak, isteri, suami, bapa, ibu dan lain-lain. Peruntukan ini juga dilihat seolah-olah undang-undang di Pakistan telah mengiktiraf pewarisan kepada ahli waris *dhawi al-arham* secara *ahl al-tanzil*.

Melihat kepada amalan yang telah ada di beberapa negara Islam, sama ada menyebut secara jelas hak *dhawi al-arham* mewarisi secara perundangan bertulis atau secara tersirat melalui *wasiat wajibah* atau sebagainya, dapat disimpulkan prinsip tersebut bukanlah sesuatu yang asing di dalam Islam, bahkan hanya menimbulkan persoalan mengapa tidak jika sebenarnya prinsip tersebut memberikan kebaikan kepada ahli waris itu sendiri.

5.8 Perlaksanaan *Wasiat Wajibah* Di Selangor

Wasiat wajibah merupakan suatu amalan yang baru dalam pembahagian harta pusaka di negara ini walaupun kaedah ini telah lama wujud dan dibahaskan oleh para ulama. Di beberapa buah negara Islam lain, amalan *wasiat wajibah* telah lama dilaksanakan dan mempunyai peruntukan khusus dalam undang-undang bertulis. Amalan di negara-negara tersebut adalah berdasarkan konsep kemaslahatan umum dan keadilan kepada waris dan ahli keluarga terutamanya cucu yang dinafikan daripada mendapat pusaka kerana ibu atau bapa mereka mati dahulu sebelum kematian datuk atau nenek mereka (Saharuddin Haji Selamat, 2005).

Wasiat wajibah adalah suatu istilah yang diambil daripada hukum asal wasiat iaitu wajib berwasiat kepada kedua ibubapa dan ahli keluarga yang terdekat. Ia mula digunakan bagi maksud perundangan dan pelaksanaan konsep ‘wasiat wajib’ di khususnya di beberapa negara Timur Tengah seperti Mesir dan Syria. Secara keseluruhannya, terdapat beberapa negara Islam yang telah mewujudkan peruntukan berkaitan *wasiat wajibah* di dalam undang-undang mereka walaupun peruntukan tersebut terhad dan hanya dikuatkuasakan kepada masalah-masalah tertentu dalam pelaksanaan pembahagian harta pusaka

Secara umumnya, *wasiat wajibah* boleh didefinisikan sebagai suatu pemberian yang wajib kepada ahli waris atau kaum keluarga terutamanya cucu yang terhalang dari menerima harta pusaka kerana ibu atau bapa mereka mati dahulu sebelum kematian datuk atau nenek mereka atau mati serentak dengannya. Mereka akan diberi dengan kadar bahagian tertentu serta dengan syarat-syarat tertentu sebagai wasiat yang wajib dan bukannya sebagai pusaka. Ini kerana berdasarkan hukum pusaka sedia ada mereka akan terhalang daripada mendapat bahagian harta peninggalan datuk atau neneknya kerana wujud ahli waris bapa saudara atau ibu saudara kepada cucu berkenaan.

Di Malaysia, undang-undang khusus berkaitan wasiat orang Islam hanya terdapat di Negeri Selangor sahaja iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999. Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 yang telah diluluskan pada 9hb Ogos 1999 dan diwartakan pada 1hb Julai 2004. Peruntukan yang jelas tentang *wasiat wajibah* dapat

dilihat dalam Bahagian VIII enakmen ini seperti di bawah Seksyen 27²⁷⁹. Saharuddin Haji Selamat (2005) menyatakan peruntukkan *wasiat wajibah* dalam enakmen ini mempunyai beberapa perbezaan dan kelemahan jika dibandingkan dengan peruntukkan sama yang wujud dan digunakan di beberapa negara Islam lain. Di samping itu persoalan yang mungkin wujud dalam pelaksanaan *wasiat wajibah* di negara ini adalah berkaitan aspek prosedur. Hal ini berlaku kerana perkara tersebut tidak diperuntukkan secara jelas dalam enakmen ini terutamanya keperluan pihak benefisiari membuat permohonan khusus melalui *wasiat wajibah* atau sekadar memasukkan hak mereka dalam pembahagian pusaka melalui sijil faraid.

5.9 Penutup

Kajian ini juga mengesahkan bahawa perundangan Islam di Negeri Kedah adalah berteraskan mazhab Syafie dan penggunaan pendapat selain pendapat mazhab Syafie adalah dibenarkan oleh perundangan tetapi dengan syarat yang ketat. Di samping itu perundangan juga telah menetapkan dan mengesahkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan memiliki kuasa di dalam memutuskan apa-apa pemakaian

²⁷⁹ (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya iku hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi kadar kurang satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, (2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya: Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati, (3) Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah: Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.

hukum syarak di Negeri Kedah. Menurut Abdul Majid bin Mohd Nor (2009)²⁸⁰, Baginda Sultan memang cukup peka dan prihatin terhadap hal ehwal agama Islam di Kedah, semua keputusan berkaitan agama Islam termasuk perkara memungut zakat, tanah wakaf dan Baitul Mal adalah terus di bawah kelolaan baginda, tidak ada sesiapa pun boleh campur tangan dalam hal-hal tersebut, orang politik pun tidak boleh masuk. Baginda Sultan amat menghormati pendapat ulama, oleh itu tidak hairanlah jika guru agama dan orang alim selalu dijemput ke istana.

Menurut Ahmad Hidayat (2003), perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang diri orang-orang Islam seperti perkahwinan, perceraian, hak jagaan anak, harta perkahwinan, pusaka, wasiat, wakaf dan sebagainya memakai hukum syarak. Manakala Ahmad Ibrahim (1975) menyatakan peranan para ulama tradisi dan kerjasama mereka dengan penguasa politik memperkuuhkan kedudukan mazhab Syafie melalui sanksi perundangan. Beliau turut menyatakan bahawa Mufti atau Majlis Fatwa negeri-negeri di Tanah Melayu²⁸¹ di dalam memutuskan fatwa hendaklah mengikut *qaul mu'tamat* dalam mazhab Syafie dan sekiranya fatwa yang mengikut mazhab Syafie itu bertentangan dengan kepentingan umum masyarakat Islam maka pandangan dhaif dalam mazhab Syafie akan diikuti dan jika masih bertentangan dengan kepentingan umum maka *qaul* dari mazhab sunni yang lain seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh diikuti.

²⁸⁰ Beliau adalah bekas Sahibul Samahah Mufti Negeri Kedah di dalam temubual beliau oleh penulis buku 50 Tahun Pemerintahan KDYMM Sultan Abd Halim Mu'adzam Shah.

²⁸¹ Kecuali Perlis melalui seksyen 7 (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 (no. 3) yang memperuntukkan “Tatakala Majlis mengeluarkan sesuatu fatwa dan Jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya di bawah ceraian (2) maka hendaklah badan itu mengikut al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah S.A.W., tetapi sekiranya pendapatnya atau alasan-alasan itu berlawanan dengan faedah umum, maka Majlis dan Jawatankuasa Syariah hendaklah mempersemprehankan fatwa dan pendapatnya itu kepada raja pemerintah untuk mendapatkan keputusannya”.

Kajian ini mengesahkan institusi yang berbidang kuasa memutuskan dan menyelesaikan pertikaian waris di dalam pembahagian pusaka orang-orang Islam adalah Mahkamah Syariah, manakala institusi yang menguruskan pentadbiran pembahagian pusaka adalah sama ada Unit Pembahagi Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi.

Kajian ini juga telah mengesahkan bahawa *dhawi al-arham* tidak diterima sebagai ahli waris di dalam susunan waris yang berhak menerima pusaka dan mengesahkan bahawa Baitul Mal lebih berhak menerima pusaka berbanding *dhawi al-arham*, namun turut mendapati waris *dhawi al-arham* masih mempunyai ruang untuk diterima sebagai ahli waris sekiranya ‘keberanian’ dimanfaatkan melalui keputusan Mahkamah Syariah.

Kajian ini mengesahkan pendekatan kepada ruang keterbukaan tersebut hendaklah disesuaikan dengan penggunaan ijтиhad seperti yang diungkapkan oleh al-Qardawi (2002) di dalam karangannya ‘Ijtihad Dalam Syariat Islam’ bahawa ijтиhad semasa boleh muncul di dalam tiga bentuk iaitu bentuk perundangan moden²⁸², bentuk fatwa²⁸³ dan bentuk penelitian²⁸⁴.

²⁸² Ijtihad dalam bentuk perundangan moden; Beliau menyatakan ijтиhad semasa terdapat jelas di dalam beberapa perundangan moden. Pada mulanya ijтиhad semasa terbatas pada ijтиhad intiqā'i sahaja, dengan pertamanya mengambil pendapat dari mazhab Hanafi dan kemudian pendapat ahl al-sunnah wal jama'ah dan seterusnya barulah mengambil pendapat dari luar mazhab yang berempat. Setelah itu, ijтиhad ini berkembang menjadi ijтиhad insya'i dalam sebahagian masalah-masalah moden dan masalah yang baru. *Al-Ahkam al-'Adliyyah* (Majalah Hukum-hukum Pengadilan) merupakan langkah pertama dalam bidang perundangan.

²⁸³ Ijtihad dalam bentuk fatwa; Beliau menyatakan ijтиhad dalam bentuk fatwa, atau ijтиhad dalam bidang fatwa adalah lapangan luar yang mengambil bermacam-macam bentuk antaranya (i) Fatwa dari badan rasmi yang diberi beban untuk mengeluarkan fatwa, seperti Darul Ifta' di Mesir, Lajnah Fatwa di Azhar, Riyasah al-Ifta' di Arab Saudi dan sebagainya, (ii) Fatwa-fatwa Majalah al-Islamiyyah yang menjadi tempat pertanyaan bagi kebanyakan orang, dan majalah tersebut menjawab pertanyaan tersebut seperti di dalam majalah al-Manar oleh Sayyid Rasyid Rida, (iii) Fatwa sebahagian ulama yang terkenal dan menjadi sandaran jumhur umat Islam serta tempat meminta fatwa mereka baik tentang masalah khusus atau masalah umum dan ulama tersebut menyampaikan fatwa secara tertulis yang disebar luaskan dalam majalah atau buku, contohnya Fatwa-fatwa Imam al-Akbar Syeikh Mahmud Syaltout (rahimullah), Mufti

Menurut Uzir Baharom (Temubual pada 14hb Januari 2010), sekalipun ijтиhad dibolehkan dan kebiasaannya dinyatakan secara pengeluaran fatwa melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri, namun kuasa pemutusnya masih berada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Adalah tidak dinafikan Enakmen Mufti Negeri Kedah 2008 memberi hak dan kebebasan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk mengeluarkan apa-apa keputusan berkaitan hukum-hakam, namun keterikatannya kepada mazhab Syafie tidak boleh dinafikan (Marwazi, 2011).

Majlis Agama Islam Negeri bertanggungjawab melaksanakan urusan berkaitan pentadbiran keagamaan, tetapi tidak akan bersifat memutuskan apa-apa keputusan sekiranya berkaitan kepada perkara yang berkehendakkan sesuatu fatwa (Uzir, 2010). Jawatankuasa Fatwa haruslah memikul tanggungjawab tersebut secara keseluruhannya secara *syura*²⁸⁵ sebelum dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan (Marwazi, 2011). Uzir (2010) menyimpulkan bukanlah sesuatu yang mudah untuk

al-Azhar, (iv) Fatwa sebahagian lembaga-lembaga atau badan ilmiah, contohnya Fatwa Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah al-Azhar di Kaherah, Majma' al-Fiqhy al-Islamy yang bergabung dengan Robitah al-'Alami al-Islamy di Arab Saudi.

²⁸⁴ Ijтиhad dalam bentuk penelitian atau kajian; Beliau menyatakan bidang ketiga ijтиhad adalah bidang penelitian dan kajian meliputi karangan buku ilmiah yang murni dari seorang ulama yang memiliki pengkhususan dan kemampuan, penelitian dan kajian serius yang diajukan dalam muktamar ilmiah yang khusus, kertas kerja, tesis dan diajukan pada jurusan di peringkat Phd untuk mencapai peringkat sarjana dan doktor, hasil ilmiah yang diajukan oleh seorang professor di universiti untuk kenaikan tingkat dalam bidang ilmiah dan penelitian yang disebar luaskan dalam majalah ilmiah yang rutin. Semua ini boleh ditafsirkan sebagai hasil ijтиhad apabila orang yang melakukannya telah memiliki kemampuan yang memenuhi syarat ilmiah terutama syarat ijтиhad *juz'i* yang tidak memerlukan syarat seperti yang dituntut oleh ijтиhad mutlak yang harus melihat dan meneliti semua bahagian fiqh dan permasalahannya kemudian mengeluarkan pendapatnya yang tidak terikat dalam masalah tersebut. Memadailah bagi ijтиhad *juz'i* untuk suatu objek atau masalah tertentu kemudian menelitiannya dari pelbagai aspeknya sehingga boleh mencapai kepada suatu pendapat yang dipandangnya sesuai dengan aturan yang dikehendaki yang lebih kuat dan lebih dekat dengan kebenaran - baik pendapat itu hasil dari pilihan di antara pendapat lama yang diikutinya atau pendapat baru yang ditemuinya.

²⁸⁵ *Syura* bermaksud konsultasi umum yang melibatkan pentadbiran Negara dan semua orang di dalam negara Islam termasuk lelaki dan wanita adalah terlibat dalam konsultasi ini. *Syura* tidak akan berlaku sekiranya seseorang itu tidak akan dibenarkan memberikan pandangannya secara bebas (al-Zuhayli, 1996).

menbenarkan penzahiran mazhab lain selain mazhab Syafie di dalam apa-apa jua keputusan pentadbiran mahupun kehakiman kerana kebergantungan yang akrab kepada amalan-amalan sebelum ini.

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan

Penulis telah mengutarakan huraian sejarah ringkas perkembangan sistem pembahagian pusaka Islam menurut peredaran zaman seterusnya menghuraikan perbezaan pendapat mazhab berkaitan hak *dhawi al-arham* untuk menerima pusaka. Fakta-fakta berhubung kedudukan *dhawi al-arham* di dalam pembahagian pusaka Islam di Negeri Kedah disusun mengikut peredaran sejarah yang menyebut peranan mazhab Syafie yang mendominasi pemakaian hukum syarak di kalangan masyarakat dan pemerintahnya.

Peranan mazhab ini jugalah yang turut mempengaruhi perkembangan perundangan bertulis di negeri ini termasuk perundangan moden yang sedang berkuatkuasa. Perundangan Islam telah dibentuk di dalam beberapa enakmen dan mengandungi peruntukan-peruntukan tertentu yang menjadi kaedah dan panduan bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan di negeri ini.

Penulis telah membuat kajian berkenaan peruntukan-peruntukan tersebut kemudian membandingkan perkaitannya dengan fakta yang menyatakan dominasi mazhab Syafie di negeri ini seterusnya mendapatkan pandangan responden-responden yang diakui berautoriti bagi menyimpulkan hasil penemuan tersebut. Hasilnya, secara umum bolehlah dinyatakan bahawa *dhawi al-arham* tidak dianggap sebagai waris yang berhak menerima pusaka, bahkan pusaka tersebut diserahkan kepada Baitul Mal.

Penulis telah memperoleh fakta-fakta dan pandangan responden-responen bagi mengenalpasti kedudukan dan faktor penolakan hak mewarisi *dhawi al-arham* dalam sistem pembahagian pusaka di Kedah dan pendekatan perlaksanaan waris tersebut untuk diterima sebagai waris di dalam konteks negeri ini berdasarkan perundangan semasa. Berdasarkan hasil kajian tersebut, penulis mencadangkan penelitian dibuat ke atas keperluan ijтиhad dinilai semula oleh para ilmuwan Islam untuk menentukan prinsip-prinsip yang bersesuaian dengan peredaran zaman.

6.2 Pencapaian Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu untuk mengkaji kedudukan *dhawi al-arham* dalam sistem pentadbiran dan pembahagian pusaka Islam Negeri Kedah, menjelaskan faktor penolakan *dhawi al-arham* sebagai ahli waris dan mengemukakan cadangan perlaksanaan *dhawi al-arham* dalam perundangan pusaka Islam di Negeri Kedah.

Penulis telah menemubual 11 orang responden yang merupakan pegawai-pegawai kerajaan yang berautoriti di dalam memutuskan perkara pembahagian pusaka Islam. Pandangan responden-responen telah menjadi rantaian hasil kajian ini dari aspek perundangan mahupun pentadbiran pusaka Islam. Penulis mendapati responden-responen telah memberikan kerjasama yang baik di dalam usaha penulis untuk mendapatkan maklumat sama ada maklumat secara temubual atau dokumentasi.

Penulis juga mendapati kecenderungan responden-responden menjawab soalan-soalan lisan dan bertulis yang dikemukakan menjurus kepada bidang tugas masing-masing dan kelihatan mengelak untuk menyentuh beberapa isu sensitif seperti pertikaian sama ada Baitul Mal lebih berhak terhadap pusaka atau sebaliknya diberikan hak kepada *dhawi al-arham*. Maklumat yang diterima menyimpulkan bahawa peluang seharusnya diberikan kepada *dhawi al-arham* untuk diberi hak sebagai waris dan dalam masa yang sama menyatakan Baitul Mal telah sesuai dan melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna.

6.2.1 Objektif Pertama

Kajian penulis untuk mendapatkan maklumat berhubung kedudukan *dhawi al-arham* dalam sistem pentadbiran dan pembahagian pusaka Islam Negeri Kedah amnya telah dinyatakan secara teliti di dalam kajian ini.

Kajian penulis telah berjaya mencapai objektif pertama ini dengan menukilkhan pendapat-pendapat fuqaha Islam dari kepelbagaiannya mazhab terutamanya mazhab diperakui dari kelompok *ahl al-sunnah wal-jama'ah*. Terdapat dua pendapat yang bertentangan berhubung hak *dhawi al-arham* untuk menerima pusaka iaitu pendapat yang menegaskan *dhawi al-arham* adalah waris yang berhak ke atas pusaka si mati dipelopori oleh mazhab Hanafi dan Hanbali dan pendapat yang menegaskan *dhawi al-arham* bukan waris dan tidak berhak menerima pusaka si mati bahkan pusaka tersebut menjadi hak Baitul Mal dipelopori oleh mazhab Syafie dan Maliki. Namun didapati, pendapat yang menegaskan *dhawi al-arham* tidak berhak menerima pusaka telah

mengubah pendapat tersebut kepada pendapat memberi hak pusaka kepada waris *dhawi al-arham* dengan syarat tertentu, antaranya Baitul Mal tidak lagi diurus-tadbir dengan sempurna oleh pemerintah.

Memandangkan para sejarawan memperakui mazhab Syafie merupakan mazhab dominan di rantau Asia Tenggara amnya dan Negeri Kedah khususnya, maka pendapat selain mazhab Syafie dengan sendirinya tidaklah diamalkan di negeri ini. Secara jelas di Negeri Kedah, waris *dhawi al-arham* tidak diakui sebagai waris yang berhak menerima pusaka dan pusaka tersebut diserahkan kepada Baitul Mal untuk kemaslahatan umum masyarakat Islam.

Kajian ini tidak menemui alasan mengapa pendapat mutakhir ulama Syafie yang memberi hak mewarisi kepada *dhawi al-arham* tidak diamalkan dalam negeri ini. Kecuali pandangan Uzir (2010) yang menyatakan tiada apa-apa catatan menunjukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah memberi apa-apa titah perintah perubahan terhadap hukum faraid yang diamalkan di Negeri Kedah.

6.2.2 Objektif Kedua

Kajian penulis untuk mendapatkan maklumat berhubung mengenalpasti faktor penolakan *dhawi al-arham* sebagai ahli waris di dalam pembahagian pusaka Islam di Negeri Kedah dinyatakan dalam kajian ini. Maklumat-maklumat yang diperlukan bagi memenuhi kehendak objektif ini adalah sejarah perkembangan perundangan Islam

secara umum dan kemudian dikhususkan kepada Negeri Kedah dan sistem pengurusan pentadbiran pembahagian pusaka Islam yang sedia diamalkan di Malaysia.

Kajian penulis telah berjaya mencapai objektif kedua ini dengan menukilkan rentetan sejarah perkembangan perundangan pusaka meliputi perselisihan fuqaha Islam yang membawa kepada kemunculan mazhab-mazhab sehingga sekarang. Kedapatan pelbagai method perundangan Islam disandarkan kepada masing-masing mazhab yang didirikan oleh fuqaha tetapi perbezaan method ini tidaklah sehingga menjaskan fiqh itu sendiri, bahkan hanya pada masalah-masalah cabang hukum semata-mata.

Mazhab Syafie telah diperakui memberi peranan besar di dalam pembentukkan perundangan bertulis. Peranannya ke atas perkembangan perundangan tempatan tidak boleh dinafikan sehingga kini, bahkan sehingga mencapai kedudukan ketertinggian dasar perundangan Islam itu sendiri yang dinyatakan melalui peruntukan-peruntukan bertulisnya berkaitan pemakaian hukum syarak.

Perundangan yang diputuskan di peringkat Persekutuan merupakan suatu kaedah pentadbiran terhadap pembahagian pusaka manakala perundangan peringkat negeri terutamanya yang bersifat keagamaan bertumpu kepada pembahagian pusaka menurut hukum Islam. Perundangan peringkat negeri inilah yang menentukan dasar pemakaian mazhab yang dikuatkuaskan ke atas penganutnya. Di dalam Negeri Kedah, peruntukan perundangan Islam secara jelas menyatakan dominasi mazhab Syafie dan hukum faraid yang diamalkan terikat kepada pendapat mazhab ini, justeru tidak hairanlah waris *dhawi*

al-arham tidak boleh mewarisi pusaka atas kekangan mazhab tersebut yang telah diamalkan secara meluas dalam amalan perundangan Islam di Kedah.

Sekalipun perundangan Islam terkini melalui peruntukkan-peruntukkan tertentu memberi ruang kepada pendapat mazhab selain mazhab Syafie, namun di dapati ruang pemakaianya agak sukar. Penulis mendapati hanya pertimbangan bersemangat dan keberanian pihak-pihak berautoriti sahaja yang memungkinkan kearah realisasi tersebut.

6.2.3 Objektif Ketiga

Kajian penulis untuk mendapatkan maklumat berhubung cadangan perlaksanaan *dhawi al-arham* di dalam Negeri Kedah Darul Aman dinyatakan dalam kajian ini. Memandangkan kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi, bahawa prinsip *dhawi al-arham* di dalam sistem pembahagian pusaka Islam masih belum diamalkan di Negeri Kedah.

Kajian penulis hanya mendapati sekali percubaan secara pentadbiran dilakukan oleh Wan Abdul Halim (2010) untuk memberikan hak mewarisi pusaka kepada *dhawi al-arham* dan percubaan tersebut dibantah oleh Baitul Mal. Oleh kerana ketiadaan catatan-catatan kehakiman berhubung siasatan *dhawi al-arham* di dalam rekod Mahkamah Syariah Negeri Kedah, maka justifikasi perundangan *dhawi al-arham* tidak dapat dikeluarkan secara sah, namun sekiranya disandarkan kepada asas pemakaian hukum syarak di Mahkamah Syariah yang menggunakan pendapat mazhab Syafie, maka tidak ragu-ragu lagi bahawa *dhawi al-arham* tidak tergolong sebagai ahli waris pusaka.

Berdasarkan fakta-fakta tersebutlah, maka cadangan perlaksanaan dilontarkan melalui kaedah perundangan seperti pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan keputusan kehakiman oleh hakim-hakim syarie sendiri. Pendekatan ini disandarkan kepada ruang peruntukan perundangan yang memberi kelonggaran untuk menerima pakai pendapat selain mazhab Syafie dan sekiranya pendekatan tersebut direalisasikan, maka sesungguhnya *dhawi al-arham* dapat diklasifikasikan sebagai ahli waris yang berhak ke atas pusaka si mati.

6.2.4 Rumusan

Syarat untuk waris *dhawi al-arham* untuk menerima pusaka adalah sangat ketat kerana *dhawi al-arham* merupakan senarai waris terakhir yang layak menerima pusaka, maka pertimbangan juga harus diberikan kepada persoalan *al-rad* dan kesannya kepada Baitul Mal itu sendiri. Walaupun kesan pelaksanaannya tidak boleh dijangkakan, namun yang jelas waris *dhawi al-arham* wujud dan menunggu diberi ruang untuk memperolehi haknya melalui mana-mana prinsip syarak yang membolehkannya mewarisi pusaka.

Penulis menyimpulkan dan mengenalpasti fakta-fakta bahawa penolakan *dhawi al-arham* sebagai waris di negeri ini adalah bersandarkan keterikatan pemakaian hukum syarak dan perundangan Islam dengan pendapat mazhab Syafie. Pendapat ini telah sekian lama sebatи dengan kaedah amalan pembahagian pusaka. Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk diubah kerana kefahaman masyarakat awam perlu diberi pertimbangan utama (Zain Ali, 2010).

Walaupun keputusan untuk menentukan susunan ahli waris terletak kepada Mahkamah Syariah, namun adalah penting mana-mana keputusan yang kelihatan bertentangan dengan amalan pemakaianya diteliti implikasinya terlebih dahulu untuk mengelak pertentangan pendapat dengan pihak-pihak berautoriti yang lain (Kamaruslan, 2010). Salah satu kaedah yang membolehkan Mahkamah Syariah memutuskan hak kepada *dhawi al-arham* adalah melalui ijtihad (Syahmi, 2010) tetapi perlulah ijtihad tersebut disesuaikan dengan kepentingan umum.

Al-Qardawi (2002) menyatakan ijtihad itu diperlukan di setiap zaman, maka pada zaman sekarang ini lebih perlu lagi kepada ijtihad jika di bandingkan dengan zaman sebelumnya kerana adanya perubahan yang terjadi dalam kehidupan dan perkembangan sosial yang amat pesat. Ijtihad tidak terbatas pada masalah baru sahaja tetapi mempunyai tugas lain yang berhubungan dengan pusaka peninggalan ilmu fiqh iaitu meninjau kembali masalah yang ada di dalamnya menurut keadaan sekarang dan keperluan manusia untuk memilih pendapat terkuat yang paling sesuai dengan realisasi maksud syariah dan maslahat manusia.

Menurut Sufyan al-Thauri “sesungguhnya fiqh ini adalah *rukhsah* dari orang-orang dipercayai ilmunya sedangkan mempersulit itu boleh diperbuat oleh setiap orang”. Ijtihad yang diperlukan di zaman sekarang merupakan *ijtihad jama'i* (kolektif) dalam bentuk lembaga ilmiah yang terdiri dari orang yang memiliki kemampuan tinggi di bidang fiqh dan mampu menetapkan hukum dengan berani dan bebas, lepas dari pengaruh dan tekanan sosial serta politik. Walaubagaimanapun, *ijtihad fardi* (ijtihad

individu) masih diperlukan kerana ijтиhad individu inilah yang akan menyinari jalan menuju ijтиhad kolektif dengan pelbagai sokongan yang diberikan dalam bentuk kajian mendalam atau hasil penelitian yang murni, bahkan sebenarnya proses ijтиhad itu merupakan ijтиhad individu terlebih dahulu (Al- Qardawi, 2002).

Penulis mengutarakan prinsip ijтиhad ini bersandarkan kepada hasil penemuan kajian yang mendapati *dhawi al-arham* tidak diterima sebagai ahli waris pusaka menurut pendapat mazhab Syafie dan Maliki, sedangkan *dhawi al-arham* diterima sebagai waris pusaka menurut pendapat mazhab Hanafi dan Hanbali. Ruang untuk penerimaan kelompok tersebut telah ada, cuma kaedah untuk menggunakan ruang tersebut sekurang-kurangnya perlulah lebih jelas dan diyakini.

Ijтиhad dianggap sebagai satu-satunya kaedah prinsip pengeluaran hukum yang lebih sesuai dimanfaatkan dan boleh dilontarkan melalui beberapa kaedah antaranya pengeluaran fatwa. Memandangkan keputusan berkaitan *dhawi al-arham* telah sedia diperbahaskan para ulama terdahulu bersama-sama hujah masing-masing, hanya kaedah *ijтиhad intiqa'i*²⁸⁶ yang dianggap lebih sesuai. Al-Qardawi (2002) menyatakan “saya tidak sependapat dengan orang yang mengatakan apapun dalam bidang fiqh yang sampai kepada kita dari mujtahid boleh kita mempergunakannya tanpa meneliti dalilnya

²⁸⁶ *Ijтиhad Intiqa'i* adalah untuk menilik salah satu pendapat terkuat di antara beberapa pendapat yang ada dalam pusaka peninggalan fiqh, yang penuh dengan fatwa atau keputusan hukum. Ijтиhad ini menggunakan kajian komparatif di antara pendapat-pendapat dan penelitian semula ke atas dalil nas atau dalil ijтиhad yang dijadikan sandaran pendapat-pendapat tersebut yang pada akhirnya kita boleh memilih pendapat yang kita pandang kuat dalil dan hujahnya sesuai dengan alat pengukur yang digunakan dalam mentarjih iaitu (i) hendaklah pendapat itu lebih bersesuaian dengan zaman sekarang, (ii) hendaklah pendapat itu lebih banyak mencerminkan rahmat kepada manusia, (iii) hendaklah pendapat itu lebih dekat dengan “kemudahan” yang diberikan syarak, dan (iv) hendaklah pendapat itu lebih utama dalam merealisasi maksud-maksud syarak kemaslahatan makhluk dan usaha untuk menghindari kerosakan dari manusia (Al- Qardawi, 2002).

terlebih dahulu apalagi kalau pendapat tersebut berasal dari salah satu mazhab yang menjadi ikutan". Bahkan dua sahabat Abu Hanifah iaitu Abu Yusof dan al-Syaibani berbeza pendapat dengan Abu Hanifah dalam beberapa masalah kerana keduanya telah berubah dari keadaan zaman bukan kerana berbezanya hujah dan dalil.

Al-Qardawi (2002) turut menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi keperluan *ijtihad intiqa'i*, antaranya perubahan sosial politik setempat atau antarabangsa, pengetahuan moden dan ilmunya-ilmunya, tuntutan zaman dan keperluannya dan keperluan ijтиhad gabungan antara *ijtihad intiqa'i* dan *ijtihad insya'i*²⁸⁷.

6.3 Syor Dan Halatuju Kajian

Penulis telah menyatakan sebelum ini yang mengesahkan dominasi pendapat mazhab Syafie di dalam pemakaian hukum syarak. Kajian ini sekadar memperakuinya secara ilmiah dan fakta-fakta yang dikemukakan hanya lebih meneguhkan teori-teori yang telah ada sebelumnya. Sejarah telah menyebut bahawa kedatangan Islam ke Malaysia mempunyai pelbagai teori dan teori-teori tersebut mempunyai sandaran masing-masing. Apa yang penting ialah kedatangan Islam ke alam Melayu dan Malaysia khasnya adalah pada ketika zaman taklid iaitu ketika pintu ijтиhad "ditutup". Ini bermakna penyebaran Islam di rantau ini diwarnakan dengan pegangan dan mazhab pembawa dan

²⁸⁷ Maksud *ijtihad insya'i* (kreatif) adalah mengambil kesimpulan hukum baru dalam suatu permasalahan, dimana permasalahan tersebut belum pernah dikemukakan oleh ulama yang terdahulu, baik masalah itu baru ataupun lama. Dengan kata lain, ijтиhad kreatif ini boleh mencakupi sebahagian masalah kuno iaitu dengan cara seorang mujtahid semasa memiliki pendapat baru yang belum pernah didapati dari ulama salaf dan hal ini tidaklah menjadi suatu halangan pun atas kurnia Allah. Di antara jenis ijтиhad semasa adalah ijтиhad gabungan antara *ijtihad intiqa'i* dengan *ijtihad insya'i* iaitu, ijтиhad dengan cara memilih pendapat ulama terdahulu yang dipandang lebih sesuai dan kuat, kemudian menambahkan dalam pendapat tersebut unsur ijтиhad baru, contohnya undang-undang wasiat wajib yang diterapkan di Mesir.

penyebarnya, oleh sebab itulah ramai percaya Islam disebarkan di sini melalui mazhab Syafie sama ada berdasarkan teori kedatangan atau pengesahannya melalui sistem pengajian dan perundangan (El-Muhammady, 1982).

Pengamatan terhadap bahan-bahan pengajaran dan pendidikan dalam sistem tradisional mengesahkan kenyataan di atas seperti karya-karya Syeikh Daud al-Fatani, Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, Muhammad Arsyad al-Banjari, Nuruddin al-Raniri dan lain-lain, begitu juga karya-karya Abu Syuja', al-Nawawi, Zayn al-Din al-Malibari, Qalyubi wa 'Umayrah, Zakariyya al-Ansari dan lainnya yang didapati kesemua mereka adalah bermazhab Syafie. Di dalam perundangan juga jelas kedudukan pengaruhnya, ini dapat dilihat di dalam undang-undang yang disusun, kedudukan mazhab Syafie dikukuhkan di dalam enakmen negeri-negeri termasuklah dalam prosedur mengeluarkan fatwa (El-Muhammady, 1982). Abdul Karim Ali (2004) menyatakan kedudukan yang kukuh ini sama ada dari aspek amalan, sistem pengajian, pihak berkuasa agama membuatkan mereka amat terikat dengan mazhab Syafie.

Pengaruh mazhab Syafie telah mempengaruhi pembentukan perundangan Islam di negeri ini, khususnya di dalam perkara pembahagian pusaka Islam, sekalipun tiada peruntukan bertulis yang khusus tentang hukum faraid, pendapat mazhab Syafie yang menolak hak *dhawi al-arham* digunakan. Kesannya, sejak sekian lama prinsip ini tidak pernah dikaji semula dan menjadi teras yang sukar digugat kecuali sekiranya mempunyai kepentingan umum yang sangat besar untuk menjadi perbahasan umum.

Syahmi (2010) berpendapat keterbukaan perundangan yang membenarkan pemakaian hukum syarak berdasarkan pendapat mazhab selain mazhab Syafie perlulah digunakan sebaik-baiknya dan seluas-luasnya untuk mengelakkan kejumudan pendapat di dalam Islam dan tidaklah hanya terbatas kepada pertikaian kekeluargaan semata-mata bahkah secara menyeluruh.

Pendekatan kepada keperluan terhadap fatwa seperti di dalam hak *dhawi al-arham* akan lebih menjurus kepada pengesahan sandaran mazhab, dan ini akan menimbulkan permasalahannya, adakah sesuatu fatwa yang dikeluarkan mesti terikat dengan mazhab yang diikuti pada setiap zaman dan tempat dan wajarkah ataupun haruskah sesuatu fatwa itu bebas dari ikatan dengan mana-mana mazhab?. Namun fatwa juga boleh berubah berdasarkan perubahan tempat, zaman, situasi, motif (niat) dan risiko (Ibn Qaiyim, 1996).

Menurut al-Zuhayli (1996), al-Syatibi (1997) dan Badran (t.t) apabila ianya bersifat fatwa yang pada ketika yang sama bersifat *ijtihadiyyah*, maka sudah tentunya hasil ijтиhad yang terikat dengan zaman, tempat dan situasi itu tidak akan kekal (abadi) buat selamanya. Ini kerana hukum itu terbina berdasarkan kewujudan ‘*illah* dan apabila ‘*illah* berubah, maka hukum turut berubah sebagaimana diungkapkan oleh para ulama usul “sesungguhnya hukum itu bertukar berdasarkan kewujudan dan ketiadaan ‘*illah* bukannya berdasarkan hikmah”.

Berdasarkan kepada syariat Islam yang bersifat *syumul* (menyeluruh) dan *murunah* (anjal) serta sesuai pada setiap zaman dan tempat, maka percanggahan pendapat para ulama mazhab merupakan rahmat. Setiap ulama yang mewakili mazhab masing-masing cuba meletakkan hukum-hakam Islam selari dengan kehendak Islam sebenar sejajar dengan tuntutan zaman dan situasi yang dihadapi masing-masing.

Oleh itu, keterikatan mufti kepada pendapat mana-mana mazhab akan menjadikan hukum-hakam Islam itu bersifat jumud dan beku ketika berhadapan dengan perubahan dengan perubahan zaman, situasi dan tempat. Di dalam hal ini dengan mengambil kira method yang diguna pakai oleh para ulama silam dalam membina pandangan mazhab masing-masing, maka seseorang mufti itu tidak sewajarnya mengikat dirinya secara mutlak dengan pandangan mazhab yang dianutinya, terutama dalam permasalahan muamalat dan adat yang sentiasa terdedah kepada perubahan zaman dan tempat (Ahmad Hidayat, 2003). Dari sudut yang lain pula pemindahan pendapat seorang mufti itu kepada pendapat mazhab lain ketika diperlukan adalah lebih relevan dan sejajar dengan kaedah yang telah dinyatakan oleh Imam Syafi'i sendiri iaitu "apabila sesuatu permasalahan itu terlalu sempit (sehingga menyusahkan) maka diperluaskan (dipermudahkan sekadar keperluan terhadapnya)" (Al-Suyuti, 1998).

Seseorang mufti yang mempunyai keahlian hukum yang mencukupi walaupun bermazhab Syafie tidak semestinya terikat dengan pandangan mazhabnya. Apabila diketahui dalil yang dipegangi oleh mazhab tertentu lebih kuat, di samping bertepatan dengan *maqasid al-syar'iyah* maka wajib baginya berpegang dengan pendapat tersebut,

walaupun bertentangan dengan pandangan mazhabnya sendiri. Ianya seiring dengan pandangan Imam Syafi'i sendiri yang menyatakan bahawa sesuatu ilmu (hukum) itu di ambil dari dari dalil yang lebih kuat (Al-Zarkasyi, 1992 & Al-Ghazali, 1980). Malah telah sabit bahawa majoriti ulama usul mewajibkan beramal dengan dalil yang lebih kuat (Al-Amidi, 1998 & Al-Juwayni, 1997). Apabila dalil yang lebih kuat tidak diamalkan, maka dalil yang lemah akan mengambil tempat, sedangkan mengamalkan dalil yang lemah dan meninggalkan dalil yang kuat bertentangan dengan kerosionalan akal (Al-Razi, 1999 & Al-Syawkani, 1999).

Oleh yang demikian seseorang mufti bermazhab Syafie yang ingin menerima pakai pandangan selain mazhab Syafie dalam permasalah ibadat semata-mata hendaklah bersifat cermat dan berhati-hati walaupun tidak salah mengambil pandangan mazhab lain. Sebaiknya ianya dilakukan setelah benar-benar mendapati beramal dengan pandangan mazhab Syafie membawa kesukaran, sedangkan pandangan mazhab lain lebih praktikal dan bersesuaian dengan situasi yang dihadapi (Al-Zarkasyi, 1992).

Manakala permasalahan selain dari ibadat semata-mata khususnya muamalat dan adat, maka pemakaian mana-mana fatwa dari mazhab lain tidak mengikat seseorang mufti yang bermazhab Syafie, malah dalam permasalahan semasa dan setempat, tindakan seseorang mufti merujuk dan menganalisis semua pandangan mazhab silam yang ada lebih utama dan wajar dilakukan dari hanya terikat dengan mazhab yang satu. Walaupun semua mazhab silam itu merupakan jalan yang membawa kebenaran Ilahi, namun sebagaimana dinyatakan oleh al-Syatibi, pentarjihan di antara pandangan yang ada itu

perlu dilakukan demi menjauhkan diri dari mengikut hawa nafsu, di samping menjamin hukum yang dikeluarkan lebih mencapai matlamat syarak (Al-Syatibi, 1997).

6.4 Penutup

Merujuk kepada kajian ini, memandangkan keutamaan kajian ini ditumpukan kepada mengenalpasti punca-punca penolakan *dhawi al-arham* sebagai waris pusaka dan mengenalpasti pendekatan ruang perundangan dan hukum syarak untuk membenarkan hak kepada *dhawi al-arham*, maka prinsip pengeluaran hukum yang dicadangkan adalah ijтиhad. Kajian ini memperolehi fakta-fakta keperluan ijтиhad tidak tertakluk kepada isu *dhawi al-arham* semata-mata bahkan mencakupi konsep yang lebih luas.

Kajian ini tidaklah memperincikan kaedah pengeluaran ijтиhad tersebut, bahkan hanya merumuskan kaedah ijтиhad tersebut perlu dinyatakan secara fatwa. Ini kerana konsep fatwa ketika ini sinonim dengan keputusan-keputusan hukum agama terkini sebagai jawapan kepada apa-apa permasalahan di kalangan masyarakat. Penulis mengesyorkan sekiranya lanjutan kajian ini dilakukan, maka hendaklah menumpukannya kepada keperluan ijтиhad seperti yang diuraikan penulis sebelum ini. Merujuk kepada motif utama kajian ini adalah untuk memberikan hak kepada *dhawi al-arham* dalam mewarisi pusaka, adalah diharapkan perkembangan hukum syarak ke hadapan akan memberikan sinar kepada kelompok kerabat ini. Penulis mengharapkan konsep keterbukaan pemakaian hukum syarak akan memperkayakan lagi khazanah perundangan Islam di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- _____, Al-Qur'an.
- _____. (2009). *Buletin MAIK*. Edisi 2009; Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK).
- _____, Hikayat Merong Mahawangsa (1898).
- _____. (t.t). Kertas Kerja Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil Bagi Penghulu / Penggawa Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).
- _____. (2006). *Kompilasi Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2000-2005*. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
- _____, Muzakarah Fatwa Malaysia Kali Ke-92.
- _____. (1993). *Peranan dan Kemajuan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. Buku Khas Sambutan 30 Tahun Majlis 1963- 1993*. Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK).
- A. Hasyimi. (1995). *50 Tahun Aceh Membangun*. Aceh: Terbitan Majlis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh.
- 'Abdullah Basmieh, (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Mokhtar. (1995). Pengumpulan Kes-kes Perakuan Faraidh Di Mahkamah Syariah (Kadhi Selatan) Dan Sumber-sumber Pengambilan Hukum. *Tesis (Diploma)*. Universiti Islam Antarabangsa.
- Abdul Halim El-Muhammady (1982). *Pengaruh Mazhab Shafie dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1986). *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh; Perkembangan dan Masalah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Abdul Halim bin Taib & Che Mahzan bin Ahmad. (2009). *50 Tahun Pemerintahan KDYMM Sultan Abd Halim Mu'adzam Shah*. (Cetakan Pertama). Alor Setar: Penerbit AHT Minda Karya dan UIAM.
- Abdul Karim Ali. (2004). Konflik dan Polemik di Antara Kaum Muda-Kaum Tua dan Wahabi/Salafi: Satu Analisa Isu, dalam *International Conference in Malaysian History*. Fakulti Sastera & Sains Sosial, UM: Jabatan Sejarah

- Abdul Kadir bin Haji Ismail. (1983). *Sistem Pusaka Islam*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.
- Abdul Kadir bin Haji Muhammad. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. (1966). *Pengantar Sastera*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Rashid bin Haji Abdul Latif. (1987). *Hukum Pusaka Dalam Islam, Satu Kajian Perbandingan*. (Cetakan Pertama). Academy Art & Printing Service Sdn. Bhd.
- Abd. Shakor Borham. (1999). Amalan Pembahagian Harta Pusaka Orang-orang Islam Di Daerah Muar Johor. *Dissertation (M.Syariah)*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Adi Taha. (1991). Perkembangan Sejarah Awal Negeri Kedah Berdasarkan Penemuan Bahan-Bahan Arkeologi, dalam *Dokumentasi Sejarah Kedah*. Alor Setar: Terbitan Muzium Negeri Kedah.
- Ahmad Hidayat Buang. (2003). Kebebasan Memberi Pandangan Dalam Isu-isu Agama Islam Terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia, *Pembentangan Kertas Kerja Dalam Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan (1)*, pada 11hb Januari 2003 di Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim. (1975). *Islamic Law in Malaya*. MSRI.
- Ahmad Ibrahim. (1986). *Ke Arah Penyelarasan Undang-undang Islam Di Malaysia*. Majalah Al-Islam Bulan Ogos 1986.
- Ahmad Mohamad bin Ibrahim, Mahmud Saedon bin Awang Othman & Kamal Hasan. (1990). Islamization of the Malay Archipelago and the Impact of al-Syafie's Madhhab on Islamic Teaching and Legislation in Malaysia, dalam *The International Symposium on Imam al Syafie's*. Petaling Jaya: Organized by the Islamic Educational Scientific and Cultural Organization (ISESCO) And International Islamic University Pada 13hb – 15hb Ogos 1990.
- Ahmad Toha ‘Atiah Abu al-Haj. (1980). *Dhawabid al-Irath*. Cetakan Ketiga. Kaherah: Dar Saqafah al-‘Arabiah.
- Al-Amidi. (1998). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Sayyid al-Jamili (Edit). Juzuk 4. Cetakan Ketiga. Dar al-Kitab al-‘Arabi.

Al-Ansari, Abi Yahya Zakariya. (t.t). *Fath al-Wahhab*. Mesir. Syarikat al-Ma'arif Bandung dan Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1969). *Preliminary Statement on General Theory of the Islamization of the Malay – Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Bajuri, Ibrahim. (t.t). *Hasyiah*. Bandung: Al-Haramayn Singapura-Jeddah dan Syarikat al-Ma'arif.

Al-Dimyati, al-Sayyid al-Bakri bin al-Sayyid Muhammad. (t.t). *Hasyiah I'anah al-Talibin*. Bandung. Syarikat al-Ma'arif.

Al-Dimyati, al-Sayyid al-Bakri bin al-Sayyid Muhammad & Ibn Sayyid Muhammad Sith al-Dimyati. (1993). *I'anah al-Talibin*. Juzuk 3. Beirut: Darul Fikir.

Al-Faqa, Muhammad Hamid. (t.t). *Bulugh al-Maram*. Dar al-Nahdah.

Al-Ghamzawi, Muhammad al-Zahri. (1933). *al-Siraj Al-Wahhaj*. Mesir. Mustafa al-Bab al-Halabi wa Auladuh.

Al-Ghazali. (1980). *al-Mankhul min Ta'liqat al-Usul*. Muhammad Hasan Haytu (Edit.). (Cetakan Kedua). Damsyik: Dar al-Fikr.

Al-Jabury, Abu al-Yaqdhan 'Atiyah. (1968). *Hukm al-Mirath*. Baghdad: Dar al-Nazir.

Al-Jauziyah, Ibn Qaiyim. (1996). *A'lam al-Muwaqqi'in 'an Rab al-'Alamin*. Muhammad 'Abd al-Salam (Edit). Juzuk 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Juwayni, Abu Ma'ali 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah. (1997). *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Khudari, Muhammad. (1965). *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. (Edisi Ketujuh). Kaherah.

Al-Khudari, Muhammad. (1985). *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abdul Rauf, (1940). *Bahr al-Mazi*. Juzuk 14, Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi wa Auladuh.

Al-Muhami, Subhi Mahmasoni. (1967). *al-Mabadi as-Syar'iyyah wal-Qanuniyah*. Beirut: Dar al-'Ulum Lil-Malayyin.

Al-Naisaburi, Abu 'Abdillah Muhammad. (t.t). *al-Mustadrak 'Ala Sahihaini fi al-Hadith*. Juzuk 4. Riyadh: Maktab al-Nasr al-Hadith.

Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakariya Yahya bin Syarif al-Dimashqi. (2000). *Minhaj al-Talibin*. Juzuk 2. (Cetakan Pertama). Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Al-Qardawi, Yusuf. (2002). *Ijtihad Dalam Syari'at Islam*. Selangor: Cresent News (K.L) Sdn.Bhd.

Al-Qattan, Manna' Khalil. (1992). *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

Al-Razi, Muhammad bin 'Umar Fakhr al-Din. (1999). *al-Mahsul fi 'Ilm al-Usul*. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata (Edit). Juzuk 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1996). *al-Mawarith fi al-Syari'yah al-Islamiyah fi Dhawi al-Kitab wa al-Sunnah*. Saudi Arabia: Ummul Qura' Makkatul Mukarramah.

Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. (t.t). *al-Rad 'ala man Akhlada ila al-Ard wa Jahila 'an al-Ijtihad fi kul 'Asr Fard*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. (1998). *al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyyah*. Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il al-Syafi'i (Edit.). (Cetakan Pertama). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Syarbini, Syamsuddin Muhammad bin Khatib. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Syarbini, Syamsuddin Muhammad bin Khatib. (1997). *al-Iqna'*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Khayr.

Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. (1997). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Al-Shaykh 'Abd Allah Darraz (Edit.). Juzuk 4. (Cetakan Ketiga) Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. (1999). *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqq min 'Ilm al-Usul*. Muhammad Hasan Isma'il (Edit). Juzuk 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. (t.t). *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. Juzuk 6. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Zarkashi. (1992). *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. (Cetakan Kedua). Kuwait: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah bi al-Kuwayt.

Awang Mohd Jamil Al-Sufri. (1990). *Tersilah Brunei – Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. (Cetakan Pertama). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah.

- ‘Arif Khalil Abu ‘Id. (1992). *al-Wajiz fi al-Mirath*. (Cetakan Ketiga). Oman: Dar al-Nafaiz.
- Auni Haji Abdullah. (2005). *Tradisi Pemerintahan Islam Dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn.Bhd.
- Badran, Abu al-‘Ainin Badran. (t.t). *Tarikh al-Fiqh al-Islami wa Na’ariyat al-Milkiyah wa al-‘Uqud*. Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Badran, Abu al-‘Ainin Badran (t.t). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Iskandariyyah: Mu’assasat al-Thaqafah al-Jami’iyyah.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan, Buku Satu Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw, (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan, Buku Dua Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Dayang Apsah Binti Binsin. (1999). Pusaka Dalam Masyarakat Islam Bisaya Di Sabah: Suatu Perbandingan Dengan Pusaka Dalam Islam. *Tesis (Sarjana Pengajian Islam)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Batutah. (t.t). *Rihlah Ibn Batutah*. Kaherah: Matba’ah al-Istiqamah.
- Ibn Qudamah, Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. (t.t). *al-Mughni*. Mesir: Matba’ah al-Imam.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad. (1981). *Bidayah al-Mujtahid*. (Cetakan Kedua). Beirut. Dar al-Fikr.
- Ibrahim Abu Bakar. (1984). *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syeikh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Intel Multimedia And Publication.
- Ishak Mohd. Rejab. (1979). Tuan Husain bin Mohd. Nasir bin Mohd Taib al-Masudi al-Banjari, *Kertas Kerja dalam Memperingati Tokoh Ulama Silam, Tuan Husain bin Mohd. Nasir bin Mohd Taib al-Masudi al-Banjari*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Haji Salleh. (1996). Syarif Aznan Menguatkan Mazhab Shafie di Kedah. *Kertas Kerja Seminar Islam Di Kedah Darul Aman*, dalam Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman II, bertarikh 29hb-30hb September 1996.

- Jasni Bin Sulong. (2000). Bidang kuasa Mahkamah Syariah Dalam Pentadbiran Pusaka Di Malaysia. *Dissertation (M.Syariah)*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Khairuddin Bin Omar. (1988). Konsep Kepintaran Buatan (A1) Dalam Perundangan Islam: Kajian Kasus Faraid. *Tesis Sarjana Sains (Pusat Kajian Kuantitatif)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- J.V. Mills. (1974). *Arab and Chinese Navigators In Malayan Waters*. Volume 47, Part 2: Journal of the Bombay Branch, Royal Asiatic Society (JBRAS).
- Louy Safi. (1998). *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Suatu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought.
- Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid. (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Isa bin Othman. (2001). *Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. (2006). *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia*. (Cetakan Pertama). Bangi, Selangor: Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridzuan Awang. (2002). *Undang-undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf*. Bangi, Selangor: Pusat Pengajian Jarak Jauh Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muh. Sjarief Sukandy. (1993). *Tarjamahan Bulugh al-Maram*. Bandung: PT al-Maarif.
- Muhammad Abu Zahrah. (t.t.). *Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyah*. Kaherah.
- Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari. (t.t.). *Sabil al-Muhtadin lil-Tafaqquh fi Amr al-Din*. (Edisi Jawi). Jilid 3. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Misriyah.
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad. (1928). *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. (Edisi Jawi). Pulau Pinang.
- Muhammad Toha Abu 'Ala Khalifah. (2008). *Ahkam al-Mawarith Dirasat Tadbiqiyah 1400 Masalah Mirathiyah*. (Cetakan Keempat). Kaherah: Dar al-Salam.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Syarbah. (t.t.). *al-Fiqh al-Manhij*. Juzuk 2. Damsyik: Dar al-'Ulum al-Insaniah.

N.K, Denzin. (2001). *Handbook of Qualitative Research*. (2nd Edition.). Thousand Oaks California: Sage Publications Ltd.

Niamat Yusoff & Wan Shamsudin Mohd Yusof. (1996). Sejarah dan Perjuangan Ulama Kedah Darul Aman: Suatu Muqaddimah, dalam “*Bibliografi Ulama Kedah Darul Aman*”. Alor Setar: Terbitan Muzium Negeri Kedah.

Noor Hira Binti Haji Noor Kaseh. (1999). Harta Pusaka Dalam Islam: Kajian Khas Terhadap Amalan Semasa Dan Undang-undang Di Negera Brunei Darussalam. *Tesis Sarjana (Pengajian Islam)*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noor Liza Binti Mohamed Said. (2003). Kesan Aliran *Hijaziyah* Dan ‘*Iraqiyyah* Terhadap Pandangan Fuqaha’ Sunni Pada Kes-kes Pengecualian Dalam Sistem Pusaka Islam. *Tesis Sarjana (Pengajian Islam)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Paul Wheatley. (1961). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

Ratna Zuhairah Binti Abdul Halim. (2003). Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam Di Malaysia: Satu Kajian Mengikut Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. *Tesis Sarjana (Pengajian Islam)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rita Rose De Meglio. (1970). Arab Trade with Indonesia and The Malay Peninsular From the 8th to 16th century in Islam and The Trade of Asia. *D.S Researchs* (Edit). Oxford Bruno Cassier and University of Pennsylvania Press.

Roff, William A. (1967). *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim. (2006). *Kesultanan Melayu Kedah*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sajuti Thalib, SH. (1982). *Hukum Kewarisan Islam Di Indonesia*. (Cetakan Pertama). Jakarta: Penerbit PT Bina Aksara.

She Nilamuddin Bin Hassan. (2004). Menganalisa Trend Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Kecil Dan Mendapatkan Kaedah Peramalan Terbaik Serta Kesannya Ke Atas Bebanan Kerja Pegawai Pembahagian Pusaka Semenanjung Malaysia. *Thesis M.Sc. (Mgt.)*. Universiti Utara Malaysia.

- Siti Ahajar Binti Mohsin. (2000). Penilaian Kursus Sistem Maklumat Faraid Berkomputer Di Kalangan Staf Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). *Tesis Sarjana Pengurusan Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaharuddin Haji Selamat. (2004). Kedudukan Wasiat Wajibah Dalam Islam Dan Perlaksanaannya Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999. *Jurnal Hukum Jilid XX Bahagian 1*. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
- Tahir Mahmood. (1982). *The Muslim Law of India*. (Second Edition). Allahabad, India: Law Book Company.
- Wahbah al-Zuhayli. (1996). *al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh*. Juzuk 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wan Abdul Halim Wan Harun, (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2009). Kehebatan Ulama Melayu Ahl Sunnah wal Jama'ah. Kuala Lumpur: *Kolumn Mega Agama Utusan Malaysia*, bertarikh 04hb Mei 2009.
- Wan Muhammad Saghir Abdullah. (1977). Syeikh Daud bin Abdullah al-Pattani, dalam *Majalah Dian*, Bilangan 100, keluaran Bulan Ogos 1977.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. (2002). Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882- 1943). *Kertas Kerja Forum Koleksi Agung Negara Warisan Dunia*, Anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia di Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur pada 28hb Ogos 2002.
- Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof. (2008). Sejarah Islam Di Kedah: Hubungan Dan Peranan Kesultanan Kedah Dalam Perkembangannya, *Kertas Kerja Seminar Perkembangan Islam Negeri Kedah Darul Aman*, Alor Setar Kedah Darul Aman Anjuran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Wan Yahya Wan Ahmad, (1982). Traditional Islamic Education and its Modern Development in Kelantan. *Master of Philosophy (M.Phil.)*. University of Kent.
- Winstedt, R.O. (1920). *History of Kedah*. Volume 21. Journal of the Bombay Branch, Royal Asiatic Society (JBRAS).
- Winstedt, R.O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R. O. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Selangor: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).

Yusof Bin Ramli. (1991). Pemakaian Hukum Faraid Dan Pentadbiran Harta Pusaka Umat Islam Di Semenanjung Malaysia: Penekanan Kepada Perlaksanaannya Di Negeri Selangor. *Tesis Sarjana Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zayn al-Din bin ‘Abdul ‘Aziz al-Malibari al-Fanani. (t.t). *Fath al-Muin*. Juzuk 2 (Terjemahan). Indonesia.

Zainuddin, H.M. (1961). *Tarich Atjeh dan Nusantara*. (Cetakan Pertama). Medan, Indonesia: Pustaka Iskandar Muda.

Zakaria Ali. (1994). *Islamic Art in Southeast Asia, 830 AD – 1570 AD*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaydan, ‘Abd Karim. (1996). *al-Madkhal Li Dirasat al-Syari’yah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

Temubual

Abd Rahman bin Haji Abdullah, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah pada 11hb Januari 2010.

Asmarina bin Che Omar, Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka Negeri Kedah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 05hb Januari 2010.

Azharuddin bin Abu Bakar, Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka Negeri Kedah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 04hb Januari 2010.

Md. Zin bin Dollah, Ketua Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka Kedah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 04hb Januari 2010.

Kamaruslan bin Hj Mustapha, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah pada 11hb Januari 2010.

Marwazi bin Dziyauddin, Timbalan Mufti Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah pada 17hb April 2011.

Saidatul Nadiah binti Mohd Sabri, Penolong Pengarah Unit Pembahagian Negeri Kedah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 05hb Januari 2010.

Syahmi bin Awang, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah pada 12hb Januari 2010.

Uzir bin Baharom bin Baharom, Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) pada 14hb Januari 2010.

Wan Abdul Halim Wan Harun, Ketua Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka Negeri Perak, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 07hb Januari 2010.

Zain Ali bin Hj. Abdul Ghani, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Kedah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah pada 12hb Januari 2010.


LAMPIRAN

BIL.	DAERAH	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	JUMLAH
1.	Kota Setar / Pokok Sena	676	657	734	630	750	726	707	804	580	928	7192
2.	Kubang Pasu	504	475	514	507	621	588	599	643	671	707	5829
3.	Kuala Muda	274	319	323	416	406	409	485	568	755	801	4756
4.	Kulim	133	159	184	168	225	201	187	266	336	369	2228
5.	Langkawi	126	156	156	159	157	121	124	108	173	177	1457
6.	Baling	297	236	299	299	336	347	384	503	488	462	3651
7.	Sik	139	114	127	125	180	163	161	238	237	238	1772
8.	Pendang	230	239	257	250	355	326	314	312	362	380	3025
9.	Yan	195	186	189	215	239	215	209	320	234	254	2256
10.	Padang Terap	91	117	111	126	124	139	153	184	208	215	1468
11.	Bandar Baharu	92	81	86	102	113	105	0	157	161	130	1027
12.	Jumlah	2757	2739	2980	2997	3506	3340	3323	4103	4205	4661	34611

**Rajah 1: STATISTIK KES PERMOHONAN FARAIID DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN 2000 – 2009**


BIL.	DAERAH	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	JUMLAH
1.	Kota Setar / Pokok Sena	15	14	27	25	50	37	9	13	14	23	227
2.	Kubang Pasu	11	11	7	18	22	31	7	13	11	14	145
3.	Kuala Muda	5	9	7	20	15	11	14	13	10	17	121
4.	Kulim	1	0	2	5	4	1	7	2	8	3	33
5.	Langkawi	3	0	3	3	3	8	8	3	6	9	46
6.	Baling	6	3	3	1	1	7	4	4	3	5	37
7.	Sik	7	2	1	3	10	7	4	5	2	2	43
8.	Pendang	3	7	4	5	9	11	3	11	8	8	69
9.	Yan	6	9	9	4	9	10	7	1	3	3	61
10.	Padang Terap	3	6	6	9	7	9	9	3	2	3	57
11.	Bandar Baharu	2	3	0	3	3	3	0	2	3	1	20
12.	Jumlah	62	64	69	96	133	135	72	70	70	88	859

Rajah 2: STATISTIK KES FARAIID BAHAGIAN BAITUL MAL NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 2000 – 2009




Nota : Bertanda X adalah waris *dhawi al-arham* yang tidak mewarisi harta pusaka.

**Rajah 3: KEDUDUKAN WARIS DHAWI AL-ARHAM DARI KETURUNAN
KE BAWAH (FURU')**




*Nota : Bertanda X adalah waris *dhawi al-arham* yang tidak mewarisi harta pusaka.*

**Rajah 4: KEDUDUKAN WARIS *DHAWI AL-ARHAM* DARI KETURUNAN
KE ATAS (USUL)**



Nota : Bertanda X adalah waris *dhawi al-arham* yang tidak mewarisi harta pusaka.

**Rajah 5: KEDUDUKAN WARIS *DHAWI AL-ARHAM* DARI KETURUNAN
SISI SI MATI**



*Nota : Bertanda X adalah waris *dhawi al-arham* yang tidak mewarisi harta pusaka.*

Rajah 6: KEDUDUKAN WARIS DHAWI AL-ARHAM KETURUNAN SISI KEPADA IBU, BAPA, DATUK DAN NENEK SI MATI